



DR 6 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS


PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR

- JABATAN PERDANA MENTERI

- PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA) DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA	1-32
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	33-34
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM
AKUAKULTUR
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA**

1. PENDAHULUAN

Pengurusan Program Akuakultur Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 18 November 2015 iaitu dalam prosiding Bilangan 50/2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Sehubungan itu, selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77(1) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Program Akuakultur Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- a. Prestasi Program Akuakultur yang kurang memuaskan:
 - i. Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang tidak selaras dengan objektif;
 - ii. Perancangan yang lemah;
 - iii. Sangkar atau kolam tidak digunakan secara optimum;
 - iv. Sangkar digunakan oleh syarikat lain;
 - v. Lokasi kilang pemprosesan yang tidak sesuai;
 - vi. Peralatan dan kemudahan tidak digunakan secara optimum dan tidak disenggara; dan
 - vii. Tiada hasil pengeluaran sejak beroperasi.
- b. Pematuhan terhadap terma perjanjian antara syarikat pelaksana dan NCIA adalah lemah.
- c. Kemampuan kewangan syarikat pelaksana untuk membiayai projek diragui.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Pengurusan Program Akuakultur iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri

(JPM), Ketua Pengarah (KP) Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) dan Ketua Eksekutif NCIA untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan

- iii. Menjemput wakil dari Kementerian/Jabatan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG PROJEK

NCIA ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008. NCIA bertanggungjawab untuk menyediakan halatuju serta merangka dasar dan strategi berhubung dengan sosio ekonomi pembangunan di wilayah ekonomi koridor utara merangkumi 22 daerah di empat negeri di Utara Semenanjung iaitu Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Antara objektif NCIA adalah mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik ke arah peningkatan dalam rantai nilai; menangani ketidakseimbangan sosioekonomi serta meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi.

Manakala, objektif Program Akuakultur NCIA adalah untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi penduduk setempat melalui program yang dilaksanakan, menyediakan peluang pekerjaan

kepada penduduk setempat secara tetap atau sementara, melahirkan usahawan-usahawan dan juga meningkatkan pendapatan negara melalui eksport hasil program akuakultur.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

5.1 KPI yang tidak selaras dengan objektif Program Akuakultur

NCIA menetapkan KPI seperti pembinaan kemudahan, pelaksanaan model kerja dan pembayaran balik dana tetapi objektif program adalah meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Maklum Balas JPM / NCIA

NCIA menjelaskan pada awal penubuhannya hala tuju adalah berdasarkan pendekatan pembangunan fizikal di wilayah ekonomi koridor utara.

Bagaimanapun, selepas Kerajaan memberikan kelulusan penukaran hala tuju kepada NCIA selepas tahun 2010, semua projek-projek baru NCIA memang dibuat berdasarkan pada KPI dan untuk projek-projek ini, sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan mengikut program pemulihan NCIA (Sasaran tersebut akan dibentangkan pada mesyuarat jawatankuasa bersama sebelum 15 Disember 2015).

5.2 Perancangan program yang lemah

Asas pemilihan 5 buah syarikat untuk melaksanakan program akuakultur adalah tidak jelas. Pihak JAN tidak dapat mengesahkan apakah asas pemilihan syarikat tersebut kerana NCIA tidak mengikut peraturan perolehan kerajaan yang ditetapkan.

Pemilihan syarikat adalah tidak telus kerana tidak melibatkan sebarang jawatankuasa yang dianggotai oleh individu yang berpengalaman berkaitan dengan projek untuk menilai keupayaan dan prestasi syarikat. Pemilihan 5 syarikat berkenaan hanya diluluskan di peringkat Ketua Eksekutif (CE) NCIA.

Maklum Balas JPM / NCIA

NCIA memohon sendiri semua projeknya kepada EPU, namun diperingkat EPU, UKAS akan menilai projek-projek yang dipohon sama ada berdaya saing atau tidak. Ia kemudian akan diluluskan EPU di bawah Rancangan Malaysia yang berkenaan.

Semua pemilihan dibuat pihak NCIA termasuk daripada segi pelantikan syarikat dan sebagainya selepas diluluskan di Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

5.3 Tiada asas untuk menetapkan pembiayaan dan kadar bayaran balik pinjaman.

Terdapat perbezaan terhadap agihan pembiayaan bagi lima program dan lima syarikat pelaksana yang berkenaan.

Maklum Balas JPM / NCIA

Pada peringkat permulaan, JPM telah melihat potensi projek ini. Oleh sebab itu, JPM mengambil pandangan daripada UKAS bahawa projek ini mempunyai potensi yang besar dan JPM mengeluarkan peruntukan.

Semasa projek berjalan, ia menghadapi beberapa masalah. NCIA masih mempunyai baki RM10.82 juta untuk program udang yang tidak dikeluarkan sehinggalah semua isu selesai dan memberi pulangan balik kepada Kerajaan.

5.4 Sangkar atau kolam yang tidak digunakan secara optimum

Salah satu daripada 5 Syarikat Pelaksana iaitu, Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB) telah membina 1,600 sangkar tetapi 800 daripadanya musnah akibat bencana ribut.

Syarikat ini membina semula 400 sangkar. Namun, ketika lawatan pengauditan JAN didapati daripada 400 sangkar yang

beroperasi hanya 100 sangkar yang mempunyai ikan manakala 800 sangkar tidak digunakan.

Maklum Balas JPM / NCIA

Sangkar milik POSB mengalami bencana ribut sebanyak 2 kali dan ia mengakibatkan mereka kehilangan 400 buah sangkar. Mengikut perjanjian, POSB perlu membina semula sangkar-sangkar berkenaan tetapi POSB tidak membina semula sebaliknya, meminta NCIA menanggung kos pembinaan semula.

NCIA berpendapat projek ini adalah *private sector driven* dan segala kos perlu ditanggung oleh syarikat berkenaan. NCIA sudah memberikan dana mudahcara untuk melaksanakan projek berkenaan. Berikutan kegagalan POSB mematuhi perjanjian, perkara berkenaan kini dalam proses tindakan undang-undang.

5.5 Lokasi kilang pemprosesan tidak termasuk dalam skop perjanjian.

Kilang pemprosesan makanan dibina di Tanjung Dawai, Kedah manakala sangkar berada di sungai Menghulu, Langkawi. Perjalanan untuk menghantar hasil ke kilang mengambil masa 2 jam. Pembinaan kilang atas pembiayaan NCIA sejumlah RM5 juta tetapi tanah dimiliki oleh pengarah syarikat.

Maklum Balas JPM / NCIA

Mengikut paparan Ketua Audit Negara (*AG Dashboard*), NCIA telah mengambil tindakan mahkamah terhadap POSB berkenaan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) secara menyeluruh termasuk kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai.

Maklum balas terkini NCIA yang diterima pada 29 Oktober 2015 menyatakan perbicaraan POSB telah ditetapkan pada bulan November 2015.

5.6 Operasi kilang pemprosesan milik Syarikat Pelaksana, Ace Front Industries Sdn. Bhd. (AFISB) di Kamunting Perak dihentikan sementara waktu.

Operasi kilang ini dihentikan sementara waktu disebabkan kekurangan bekalan daripada sangkar.

Maklum Balas JPM / NCIA

NCIA memaklumkan operasi kilang dihentikan pada bulan Ogos 2014 disebabkan *Early Mortality Syndrome* (EMS). NCIA sudah mendapatkan khidmat Pusat Penyelidikan Kesihatan Ikan Kebangsaan (NaFisH) di Batu Maung, Pulau Pinang untuk menyediakan khidmat nasihat bagi memastikan kaedah-kaedah membasmi penyakit EMS.

5.7 Terma perjanjian yang lemah.

JAN memaklumkan bahawa wujud klausa Syarat Terdahulu perjanjian (*Condition Precedent*) iaitu syarat yang perlu dipatuhi sebelum pelaksanaan terma utama atau obligasi pihak yang terlibat dengan perjanjian dan syarat tersebut adalah merupakan keperluan undang-undang.

Sehubungan itu, *Condition Precedent* perjanjian antara POSB dan NCIA adalah memastikan lesen Sistem Kultur Laut (SKL) sah sepanjang kewujudan perjanjian.

Namun ketika pengauditan JAN dilakukan didapati lesen SKL POSB tidak diperbaharui serta telah tamat tempoh pada Mac 2013. Syarat ini perlu dipatuhi sebelum perjanjian antara NCIA dan POSB diakui sah.

Maklum Balas JPM / NCIA

Mengikut paparan Ketua Audit Negara (*AG Dashboard*) perkara ini dalam proses tindakan undang-undang antara NCIA dan POSB.

5.8 Status Hak milik bot lesen kelas 'B'.

POSB telah membeli 5 buah bot kelas 'B' dengan menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.15 juta. Hak milik bot berkenaan tidak boleh ditukarkan kepada NCIA disebabkan

syarat hak milik bot kelas 'B' hanya boleh diberikan kepada individu berstatus nelayan dan bukan atas nama syarikat.

Pihak JAN telah mendapat pandangan daripada Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani di Putrajaya. Jabatan Perikanan menjelaskan bahawa hak milik 5 bot ini boleh ditukar kepada kelas 'B' kepada kelas 'C' yang membolehkan bot berkenaan belayar lebih jauh.

Bagaimanapun pertukaran hak milik 5 bot berkenaan memerlukan anggaran perbelanjaan berjumlah RM3.0 juta dan ia melebihi daripada perolehan bot berkenaan yang hanya berjumlah RM1.15 juta.

Maklum Balas JPM/NCIA

Mengikut paparan Ketua Audit Negara (*AG Dashboard*) perbicaraan POSB dan NCIA telah ditetapkan pada 17 hingga 19 November 2015.

5.9 Insurans Pusat Transit dan Kuarantin PASM fasa 1.

JAN memaklumkan Pusat Transit dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan bagi PASM fasa 1 bernilai RM900,000 tidak diinsuranskan dan ia melanggar perjanjian seperti yang telah ditetapkan dalam klausa 5.10 perjanjian PASM fasa 1.

Maklum Balas JPM/NCIA

Mengikut paparan Ketua Audit Negara (*AG Dashboard*) setakat 1 September 2016, NCIA telah menamatkan perjanjian dengan POSB. NCIA akan meneruskan tindakan undang-undang kepada POSB berhubung perkara ini.

6. LAPORAN DAN MAKLUM BALAS NCIA

PAC Parlimen pada prosiding 18 November 2015 memohon NCIA menyediakan laporan *Cost-Benefit Analysis* (CBA) dan *Sensitivity Analysis* (SA).

Berikut adalah ringkasan eksekutif CBA dan SA yang diterima dan disediakan NCIA kepada Jawatankuasa ini.

6.1 Ringkasan Eksekutif laporan dan maklum balas berikutan prosiding PAC Parlimen yang diadakan pada 18 November 2015

6.1.1 Pendahuluan

Jabatan Audit Negara (JAN) telah melakukan audit pengurusan ke atas projek-projek akuakultur yang telah menerima dana mudahcara dari Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

Hasil daripada pengauditan ini, Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014 siri 2 telah menyenaraikan 34 penemuan audit.

Daripada 34 penemuan ini, sebanyak 16 penemuan telah selesai dan 18 penemuan masih lagi dalam tindakan NCIA. Semasa prosiding PAC pada 18 November 2015, NCIA telah diminta untuk menjalankan *Cost-Benefit Analysis* (CBA) dan *Sensitivity Analysis* (SA) bagi kesemua projek akuakultur tersebut. Penemuan dari CBA dan SA ini perlu digunakan bagi menentukan kewajaran tindakan yang akan diambil oleh NCIA. Prosiding PAC secara keseluruhannya telah meminta NCIA mengemukakan laporan yang merangkumi perkara-perkara dan isu-isu berikut:

- i) Perkara 1: Laporan *Cost-Benefit Analysis* (CBA) dan *Sensitivity Analysis* (SA);
- ii) Perkara 2: Butiran jumlah penyaluran dana mudahcara (*Facilitation Fund*) oleh NCIA kepada lima (5) syarikat-syarikat peneraju terbabit;
- iii) Perkara 3: Isu hak milik tanah di Sg. Kerang, Perak dan Langkawi, Kedah;
- iv) Perkara 4: Proses pemilihan syarikat peneraju bagi Projek-projek Akuakultur; dan
- v) Perkara 5: Status Laporan Penyata Kewangan NCIA bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

Kelima-lima perkara di atas secara kolektifnya, selepas ini dirujuk sebagai "Perkara-perkara Berbangkit".

1. Projek-projek Akuakultur

Berikut adalah nama-nama projek dan syarikat pelaksana yang terlibat:

Nama Projek	Syarikat Peneraju
Program Akuakultur Sungai Menghulu	Progressive Ocean Sdn Bhd (POSB)
Program Ternakan Marin Dalam Sangkar	Anaza Sdn Bhd (ANAZA)
Program Ternakan Ikan Kelisa	E-Arowana Trading Sdn Bhd (EATSB)
Program Kompleks Akuakultur Selinsing	Hannan Corporation Sdn Bhd (HCSB)
Program Akuakultur Sungai Kerang	Ace Front Industries Sdn Bhd (AFISB)

Kelima-lima projek tersebut secara kolektifnya, selepas ini dirujuk sebagai "Projek-projek Akuakultur".

2. Perkara Spesifik daripada CBA

Sidang PAC telah menetapkan agar CBA dan SA yang dijalankan perlu menjurus dan membawa kepada keputusan sama ada NCIA akan meneruskan kelima-lima projek Akuakultur tersebut atau sebaliknya.

Selain itu, oleh kerana isu penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS) menjadi faktor utama yang menyebabkan projek berkaitan penternakan dan

pengeluaran udang terjejas, maka NCIA juga perlu menjelaskan impak isu penyakit dengan memberikan statistik atau data sokongan yang berkaitan.

3. Pengemukaan Laporan dan Maklum balas Perkara-perkara Berbangkit

Penjelasan ataupun penerangan berkaitan Perkara-perkara Berbangkit ini perlu disediakan dalam bentuk laporan dan dikemukakan kepada PAC. Sekiranya penjelasan-penjelasan yang diberikan berkaitan Perkara-perkara Berbangkit di dalam laporan yang dibangkitkan oleh sidang PAC dapat dikemukakan dengan sewajarnya, maka NCIA tidak akan dipanggil bagi prosiding kali kedua atau seterusnya.

4. Pelantikan Perunding Profesional

NCIA telah melantik perunding-perunding selaku pihak ketiga bagi mendapatkan pandangan profesional kepada langkah-langkah remedial atau pemulihan Projek-projek Akuakultur. Bagi tujuan ini, Projek-projek Akuakultur telah dibahagikan kepada dua (2) kumpulan projek iaitu :

- i) Projek-projek berkaitan penternakan dan pengeluaran udang, di mana perunding yang dilantik adalah Tetuan Price Waterhouse Coopers; dan

- ii) Projek-projek berkaitan penternakan dan pengeluaran ikan, di mana perunding yang dilantik adalah Tetuan SJ Grant Thornton.

5. Penyediaan Laporan dan Maklum balas

Sehubungan dengan itu, laporan dan maklum balas ini telah disediakan bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh sidang PAC. Laporan dan maklum balas ini disusun seperti berikut :

- i) Bahagian A – laporan dan maklum balas mengikut turutan Perkara-perkara Berbangkit yang dinyatakan di atas; dan
- ii) Bahagian B – maklum balas dan laporan terkini perkara-perkara yang berada di dalam kategori “Dalam Tindakan” JAN, iaitu perkara-perkara asal yang dirujuk kepada PAC.

Pada keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa kajian CBA dan SA oleh pihak perunding telah menunjukkan bahawa Projek-projek Akuakultur ini adalah berdaya maju. Pihak perunding juga telah merumuskan bahawa kebolehlaksanaan pelan pemulihan Program-program Akuakultur akan dibuat dengan memberi penekanan terhadap penambahbaikan dan perubahan cara pelaksanaan projek.

Adalah diharapkan laporan ini dapat menjelaskan Perkara-Perkara Berbangkit seperti yang diperlukan oleh sidang PAC dan dapat memberi penjelasan bagi isu- isu yang dikategorikan sebagai “Dalam Tindakan” dashboard JAN.

6.1.2. PENJELASAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

1.0 Laporan *Cost-Benefit Analysis (CBA)* dan *Sensitivity Analysis (SA)*

NCIA telah melantik dua (2) perunding bagi Program-program Akuakultur ikan dan udang. Objektif-objektif bagi kajian CBA dan SA ini serta rumusan perunding adalah seperti berikut:

1.1 Mengenal pasti keupayaan syarikat-syarikat pelaksana dalam menjalankan dan melaksana program-program ternakan ikan dan udang berkaitan bagi mencapai objektif asal.

Rumusan Perunding: Perunding berpendapat bahawa pada masa ini syarikat POSB dan Anaza tidak berupaya untuk meneruskan program ternakan ikan bagi mencapai objektif asal. Sementara itu, bagi EATSB, perunding mencadangkan pemantauan rapi dilakukan bagi menentukan status pengeluaran ikan hiasan arowana kerana masalah yang dihadapi mungkin berasaskan kepada masalah biologikal.

Bagi pengusaha udang, perunding berpendapat bahawa HCSB tidak berupaya mengendalikan di dua tempat yang berlainan iaitu di Selinsing dan Pulau Gula. Walau bagaimanapun, HCSB disyorkan diberi peluang untuk mengendalikan program ternakan udang di Pulau Gula sementara rundingan dibuat untuk NCIA melantik syarikat pelaksana baharu bagi meneruskan program pemulihan ternakan udang di Selinsing.

Bagi program ternakan udang oleh AFISB, perunding mencadangkan program pemulihan diteruskan bagi ladang pengeluaran udang di Sg. Kerang dan syarikat pelaksana diminta untuk mengemukakan rancangan perniagaan baharu bagi kilang pemprosesan. AFISB disyorkan diberi peluang selama 12 bulan bagi memulihkan operasi kilang pemprosesan. Jika gagal, NCIA disyorkan mengambil tindakan undang-undang.

- 1.2 Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan syarikat pelaksana yang telah menyebabkan operasi syarikat serta aktiviti penternakan ikan dan udang berada di dalam keadaan masa kini.

Rumusan Perunding: Bagi program akuakultur ikan, ketiga-tiga syarikat pelaksana dikenal pasti mempunyai kekuatan teknikal di dalam bidang perikanan. Sebagai contoh, penglibatan dengan Jabatan Perikanan serta rekod pencapaian POSB, pada awalnya berjaya menghasilkan ternakan ikan marin di dalam sangkar dengan jayanya.

Walau bagaimanapun, selepas sangkar dilanda bencana ribut (dua kali), syarikat telah mengalami kedudukan kewangan yang lemah dan tidak berupaya menjalankan operasi program ini.

Bagi ANAZA, kematian salah seorang pengarah yang merupakan tunggak utama syarikat ini telah menjejaskan operasi program. Kebergantungan hanya kepada seorang tunggak merupakan kelemahan bagi syarikat ini. Syarikat telah membuat keputusan untuk mengembalikan aset kepada NCIA.

Syarikat EATSB juga mempunyai masalah pengurusan kewangan dan ini terbukti apabila EATSB tidak berupaya untuk mengemukakan laporan kewangan yang diaudit.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga syarikat didapati mempunyai kelemahan dalam pengurusan kewangan dan kekurangan dana bagi memenuhi komitmen seperti dalam perjanjian.

- 1.3 Menilai jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh syarikat pelaksana dari permulaan program sehingga 30 November 2015.

Jadual 1 berikut menggambarkan pecahan kos:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR
OLEH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA

Jadual 1

No.	Kos Dan Pembiayaan Program- Program Akuakultur		Bahagian					
	Syarikat Peneraju	Kos Program (RM Juta)	Facilitation Fund NCIA (RM Juta) (Rujuk Nota 6)	Peratusan Facilitation Fund yang telah dibayar oleh NCIA (%)	Jumlah Pelaburan yang dijanjikan oleh syarikat peneraju (RM Juta)	Amaun pelaburan sebenar syarikat sehingga kini (RM) (Rujuk Nota 1)	Peratusan pelaburan sebenar dari syarikat peneraju (%)	Jumlah keseluruhan pelaburan sebenar (Facilitation Fund NCIA dan syarikat peneraju – RM Juta)
1.	Progressive Ocean Sdn Bhd (Program Akuakultur Sungai Menghulu)	41.90	23.10 (55%)	100%	18.80 (45%)	6,361,898 (Sehingga 30/6/13)	33.83%	29.461 (70.3%)
2.	Anaza Sdn Bhd (Program Ternakan Marin Dalam Sangkar)	2.00	1.50 (75%)	100%	0.50 (25%)	Tidak dapat disahkan kerana ketiadaan laporan kewangan beraudit). (Rujuk Nota 2)	Tiada	1.50 (NCIA sahaja)
3.	E-Arowana Trading Sdn. Bhd. (Program Ternakan Ikan Kelisa)	189.50	5.00 (2.6%)	100%	184.50 (97.4%)	Tidak dapat disahkan kerana ketiadaan laporan kewangan beraudit). (Rujuk Nota 3)	Tiada	5.00 (NCIA sahaja)
4.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Program Kompleks Akuakultur Selinsing)	150.00	36.00 (24%)	70%	114.00 (76%)	38,600,000 (Berdasarkan kewangan beraudit 2010-2013). (Rujuk Nota 4 & 5)	33.85 %	64.60 (43%)
5.	Ace Front Industries Sdn. Bhd. (Program Akuakultur Sungai Kerang)	25.00	14.00 (56%)	100%	11.00 (56%)	5,300,000 (Berdasarkan kewangan beraudit 2010-2013)	48.18%	19.30 (77%)
	Jumlah	408.40	79.60		328.80 (80.5%)			

Nota:

1. Pelaburan bahagian syarikat pelaksana yang dikomit adalah sepanjang tempoh perjanjian.
2. NCIA telah menamatkan kontrak perjanjian dengan ANAZA pada 16 Mac 2015.
3. Tidak membuat/ mempunyai Penyata Kewangan yang diaudit bagi

- mbolehkan jumlah pelaburan disahkan.
4. RM19.5 juta (diaudit – 2013)
 5. RM19 juta (belum diaudit – 2014)
 6. Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Januari 2016, bersetuju bahawa *facilitation fund* dari NCIA kepada syarikat pelaksana adalah geran dan bukannya 'pinjaman'.

1.4 Mengkaji pelan pemulihan dan pelan pelaksanaan sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan serta merumuskan kebolehlaksanaan pelan pemulihan program-program ternakan ikan dan udang tersebut.

Rumusan Perunding: Bagi POSB, perunding mencadangkan pelan pemulihan merangkumi rundingan di mana dicadangkan kilang pemprosesan di Tg. Dawai diserahkan kepada POSB dan pusat penetasan dan kuarantin di Sg. Menghulu dipulangkan kepada NCIA supaya syarikat pelaksana yang baharu dapat dilantik. Walau bagaimanapun, NCIA berpendapat bahawa memandangkan keputusan mahkamah tentang tuntutan balas akan diperolehi pada akhir bulan Mac 2016, tindakan yang akan diambil oleh NCIA akan bergantung kepada keputusan mahkamah. Sekiranya keputusan mahkamah memihak kepada NCIA, syarikat pelaksana baharu akan dilantik. Jika sebaliknya, NCIA akan membuat rayuan terhadap keputusan tersebut.

1.5 Mengenal pasti sama ada program-program penternakan ikan dan udang berkenaan boleh atau berupaya untuk dipulihkan oleh syarikat-syarikat pelaksana sedia ada bagi mencapai objektif asal atau

alternatif lain yang akan mendatangkan kesan limpahan ekonomi yang positif.

Rumusan perunding: Syarikat pelaksana baharu perlu dilantik bagi meneruskan program untuk menggantikan syarikat POSB, Anaza dan HCSB bagi mencapai matlamat asal. Sementara itu, dicadangkan AFISB diberi peluang untuk mengemukakan pelan perniagaan baharu dan dipantau selama 12 bulan bagi pemulihan semula operasi kilang. Cadangan pemulihan ladang ternakan udang akan diteruskan bermula 15 Mac 2016.

Bagi EATSB, perunding mencadangkan agar ladang-ladang ternakan ikan arowana dipantau.

- 1.6 Pihak perunding juga telah mengesahkan penularan penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS) yang menjadi penyebab utama projek-projek HCSB dan AFISB terjejas sehingga terhentinya operasi.

Laporan pihak *Food and Agriculture Organisation of United Nations* (FAO) antaranya telah mengesahkan kehadiran penyakit EMS di Malaysia dan di negara-negara jiran telah mula menyerang pada tahun 2010. Selain daripada itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah menjangkakan kerugian hasil pengeluaran pada tahun 2011 adalah sejumlah USD100 juta. Ia telah memberi kesan negatif terhadap pengeluaran syarikat.

2.0 Butiran jumlah penyaluran “*facilitation fund*” oleh NCIA kepada lima (5) syarikat pelaksana Projek-projek Akuakultur

2.1 NCIA telah menyalurkan bahagian *facilitation fund* sepenuhnya kepada empat (4) syarikat pelaksana berdasarkan kepada tuntutan kemajuan kerja seperti yang tertera di dalam Jadual 2.

Manakala projek akuakultur udang di bawah syarikat HCSB, sebanyak RM26,000,000 telah disalurkan sehingga kini dan masih berbaki RM10,000,000.

2.2 Jumlah *Facilitation Fund* yang disalurkan adalah seperti berikut:

Jadual 2

No.	Kos Dan Pembiayaan Program- Program Akuakultur		Bahagian					
	Syarikat Peneraju	Kos Program (RM Juta)	Facilitation Fund NCIA (RM Juta) (Rujuk Nota 6)	Peratusan Facilitation Fund yang telah dibayar oleh NCIA (%)	Jumlah Pelaburan yang dijanjikan oleh syarikat peneraju (RM Juta)	Amaun pelaburan sebenar syarikat sehingga kini (RM) (Rujuk Nota 1)	Peratusan pelaburan sebenar dari syarikat peneraju (%)	Jumlah keseluruhan pelaburan sebenar (Facilitation Fund NCIA dan syarikat peneraju – RM Juta)
1.	Progressive Ocean Sdn Bhd (Program Akuakultur Sungai Menghulu)	41.90	23.10 (55%)	100%	18.80 (45%)	6,361,898 (Sehingga 30/6/13)	33.83%	29.461 (70.3%)
2.	Anaza Sdn Bhd (Program Ternakan Marin Dalam Sangkar)	2.00	1.50 (75%)	100%	0.50 (25%)	Tidak dapat disahkan kerana ketiadaan laporan kewangan beraudit). (Rujuk Nota 2)	Tiada	1.50 (NCIA sahaja)
3.	E-Arowana	189.50	5.00	100%	184.50	Tidak dapat	Tiada	5.00 (NCIA)

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR
OLEH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA

	Trading Sdn. Bhd. (Program Ternakan Ikan Kelisa)		(2.6%)		(97.4%)	disahkan kerana ketiadaan laporan kewangan beraudit). (Rujuk Nota 3)		sahaja)
4.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Program Kompleks Akuakultur Selinsing)	150.00	36.00 (24%)	70%	114.00 (76%)	38,600,000 (Berdasarkan kewangan beraudit 2010-2013). (Rujuk Nota 4 & 5)	33.85 %	64.60 (43%)
5.	Ace Front Industries Sdn. Bhd. (Program Akuakultur Sungai Kerang)	25.00	14.00 (56%)	100%	11.00 (56%)	5,300,000 (Berdasarkan kewangan beraudit 2010-2013)	48.18%	19.30 (77%)
	Jumlah	408.40	79.60		328.80 (80.5%)			

Nota:

1. Pelaburan bahagian syarikat pelaksana yang dikomit adalah sepanjang tempoh perjanjian.
2. NCIA telah menamatkan kontrak perjanjian dengan ANAZA pada 16 Mac 2015.
3. Tidak membuat/ mempunyai Penyata Kewangan yang diaudit bagi membolehkan jumlah pelaburan disahkan.
4. RM19.5 juta (diaudit – 2013)
5. RM19 juta (belum diaudit – 2014)
6. Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Januari 2016, bersetuju bahawa *facilitation fund* dari NCIA kepada syarikat pelaksana adalah geran dan bukannya 'pinjaman'.

2.3 *Facilitation fund* (FF) dari NCIA bagi projek-projek yang dimiliki syarikat-syarikat pelaksana merupakan bantuan mudahcara yang tertumpu kepada *capital expenditure* (CE) di peringkat awal. Syarikat-syarikat pelaksana disamping membiayai sebahagian dari CE juga turut membiayai *operational expenditure* (OE). Ini memerlukan NCIA untuk menyalurkan 100% FF di peringkat awal dan syarikat pelaksana akan terus membiayai OE di dalam jangka masa perjanjian.

3.0 Hak milik tanah di Sg. Kerang, Perak dan Langkawi, Kedah

3.1 Isu Tanah di Sungai Kerang, Perak

Hak milik tanah dijangka akan diterima pada bulan Ogos 2016.

3.2 Isu Tanah di Langkawi, Kedah

Keputusan permohonan ini akan diketahui sebelum bulan Disember 2016. Namun, keputusan ini tertakluk kepada kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah.

4.0 Proses pemilihan syarikat pelaksana bagi Projek-projek Akuakultur

4.1 Projek Perintis Akuakultur

4.1.1 Projek-projek terlibat dimiliki oleh syarikat-syarikat pelaksana dipertimbangkan kerana ianya menepati komponen-komponen yang diperlu bagi pembangunan industri akuakultur NCIA. Kesemua projek-projek terlibat dipersetujui untuk menerima FF berdasarkan cadangan yang telah dikemukakan yang telah dinilai oleh NCIA sebagai menepati *blueprint* atau pelan perancangan sektor akuakultur di Koridor Utara.

4.1.2 Setiap Bahagian (*key thrust area*) akan mengenal pasti syarikat-syarikat pelaksana yang berpotensi untuk menjalankan projek-projek yang didapati selari dengan pelan perancangan NCIA ketika itu.

Perbincangan di antara Bahagian dan syarikat-syarikat tersebut dilakukan mendapat maklumat berkenaan keupayaan syarikat-syarikat tersebut bagi menjalankan projek-projek ini.

4.1.3 Bahagian kemudiannya akan membuat cadangan pelantikan syarikat pelaksana. Cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Ketua Eksekutif dan pegawai di Pejabat Ketua Eksekutif untuk pertimbangan.

4.1.4 Memo akan dikeluarkan kepada Pejabat Ketua Eksekutif bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan daripada Ketua Eksekutif.

4.1.5 Setelah diluluskan, bahagian dan jabatan guaman NCIA akan menyediakan perjanjian. Dengan kelulusan Ketua Eksekutif, pelaksanaan projek oleh syarikat pelaksana dianggap diterima dan dengan lengkapnya perjanjian proses pelaksanaan dimulakan.

Semasa isu proses pemilihan syarikat pelaksana dibangkitkan dalam prosiding PAC, NCIA telah memaklumkan bahawa Projek-projek Terlibat kecuali

ANAZA, merupakan projek-projek yang diluluskan sebelum pelaksanaan *New Engagement Model 1.0* (NEM 1.0). Dalam kes ANAZA, ianya diluluskan tanpa menggunakan proses saringan NEM 1.0 kerana ia berdasarkan saranan ketua masyarakat setempat bagi mewujudkan peluang pekerjaan di Langkawi.

4.1.6 Untuk makluman, NEM 1.0 adalah proses penambahbaikan pemilihan syarikat pelaksana yang dicadangkan oleh Ketua Eksekutif kini, setelah beliau memulakan khidmatnya di NCIA pada tahun 2010. Ia telah dirangka berikutan ketiadaan proses yang teratur bagi pengemukaan cadangan bagi projek- projek yang dijalankan atau di bawah naungan NCIA ketika itu dan sebelumnya.

4.2 Pemilihan Syarikat-syarikat Pelaksana Projek-projek Terlibat


4.2.1 Proses "*Engagement*" dengan syarikat swasta adalah seperti di dalam Rajah 1. Manakala Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan garis masa perjanjian ditandatangani yang menunjukkan proses pemilihan yang dilakukan semasa Pra- NEM 1.0, NEM 1.0 dan NEM 2.0.

Rajah 1: Penambahbaikan Berterusan Proses “Engagement” Dengan Sektor Swasta



Rajah 2

Garis masa bagi projek POSB, ANAZA dan EATSB



Rajah 3

Garis masa bagi projek HCSB dan AFISB

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR
OLEH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA**



5.0 Status Laporan Penyata Kewangan NCIA bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

Isu ini telah selesai dan Jabatan Audit Negara (JAN) telah mengeluarkan sijil audit pada 18 Januari 2016.

6.1.3 18 ISU YANG MASIH DIKATEGORI “DALAM TINDAKAN” OLEH JAN

Walaupun 18 isu disenaraikan, namun ia boleh ditangani sekaligus kerana kebanyakannya adalah isu-isu operasi. Isu-isu ini dijelaskan di dalam laporan yang dilampirkan dan dijangka dapat diselesaikan dengan langkah-langkah pemulihan yang dirancangkan oleh NCIA setelah mengambilkira saranan-saranan yang dicadangkan oleh pihak perunding.

Laporan Terperinci

Penjelasan yang lebih terperinci adalah seperti yang terdapat di dalam Laporan dan Maklum Balas yang dilampirkan. Turut disertakan adalah laporan-laporan CBA dan SA yang disediakan oleh pihak perunding.

6.1.4 RUMUSAN KESELURUHAN

NCIA pada masa kini telah dan akan terus mengambil tindakan-tindakan bagi menangani isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 siri 2. Daripada analisa perunding-perunding yang dilantik, didapati kesemua projek yang dijalankan adalah berdaya maju di peringkat awal dan kemajuan projek-projek ini tergendala akibat daripada kekangan dana dan pengurusan kewangan syarikat-syarikat pelaksana. Bagi sektor akuakultur udang, ianya adalah diakibatkan oleh serangan penyakit.

Cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah-masalah ini telah dikemukakan. Berdasarkan CBA dan SA yang telah dibuat, NCIA akan meneruskan program pemulihan bagi kelima-lima projek akuakultur ini. Keputusan ini dibuat berasaskan kos melepas yang akan ditanggung sekiranya program pemulihan tidak dilakukan.

NCIA berkeyakinan bahawa penemuan-penemuan sepertimana Laporan Ketua Audit Negara tidak akan berulang dan program pemulihan ini akan mencapai objektif asal program-program tersebut.

Segala permasalahan yang timbul adalah sebelum penggubalan *New Engagement Model (NEM 1.0 dan NEM 2.0)*

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR
OLEH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA**

dan pelaksanaan *NEM 2.0* yang baru akan mengelakkan risiko berulangnya isu-isu yang sama.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 50/2015 pada Rabu 18 November 2015**

7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen berpandangan berlaku kelemahan di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program akuakultur ini sehingga tidak mencapai objektif yang digariskan dalam Program Akuakultur NCIA sekaligus mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.

8. SYOR PAC PARLIMEN

- 8.1 PAC Parlimen memandang serius kecuaiannya NCIA kerana tidak melakukan *Feasibility Study* yang sewajarnya bagi memastikan projek berdaya maju.
- 8.2 NCIA perlu mewujudkan urus tadbir baik (*good governance*) serta menyediakan Manual Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam menilai, memilih syarikat peneraju, di peringkat pelaksanaan dan impak projek.
- 8.3 NCIA perlu mendapatkan semula dana yang telah diberikan kepada semua syarikat sekiranya, terbukti di dalam perjanjian awal antara NCIA dan syarikat mengkehendaki bayaran balik dilaksanakan oleh syarikat.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR
OLEH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI DAN NCIA*

- 8.4 NCIA selepas ini, perlu memastikan kepentingan Kerajaan hendaklah dilindungi sebelum mengadakan apa-apa perjanjian dengan pihak syarikat.
- 8.5 NCIA hendaklah mempunyai satu mekanisme yang standard bagi menentukan jumlah bayaran balik yang perlu dibayar oleh syarikat pelaksana.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 50/2015 pada Rabu 18 November 2015**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 50/2015 PADA RABU 18 NOVEMBER 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2
BANGUNAN SEMENTARA PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>18 November 2015 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Pengurusan Program Akuakultur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perdana Menteri • Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 50/2015 pada Rabu 18 November 2015**

Bil. 50

**Rabu
18 November 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Pengurusan Program Akuakultur

- Jabatan Perdana Menteri
- Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 18 NOVEMBER 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Cik Lim Sok Kiang [Timbalan Pengarah]
Puan Nor Hasimah bte Rahmat [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Norzila binti Kamaruddin [Penolong Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]
Puan Norhaidah Watie binti Mohd. Ismail [Penolong Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]
Puan Nurul Hana binti Radzi [Penolong Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Dieana binti Kamaruddin [Penolong Juruaudit Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]
Puan Nurruwaida bte Din [Penolong Juruaudit Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Kewangan**

Cik Noorshaizan binti Mohd Saidin [Penolong Setiausaha (Parlimen dan Kabinet) 2]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Noriyah binti Kandar [Timbalan Pengarah III (Pembangunan Wilayah)]

SAKSI-SAKSI**Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK)]

YBhg. Datuk Mariam Kholidah binti Zulkifli [Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]

Puan Yatimah binti Sarjiman [Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)]

Encik Zakaria bin Shaaban [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan)]

Encik Mohd Firdaus bin Abdul Aziz [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan)]

Encik Jazmanie bin Shafawi [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Puan Nursiah binti Abas [Penolong Setiausaha (Seksyen Kewangan)]

Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS)

YBhg. Dato' Ahmad Husni bin Hussain [Ketua Pengarah]

YBhg. Dato' Haji Badaruddin bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)]

Puan Ainul Radziah binti Zamhuri [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pembangunan Koridor)]

Encik Achmed Badaruddin bin Mohamad Yatim [Pengarah (Seksyen Pembangunan Koridor)]

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)

YBhg. Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak [Ketua Eksekutif]

Dr. Wan Abdul Rahaman bin Wan Yaacob [Pengarah (Bahagian Pertanian dan Bio)]

Tuan Haji Mohd Shuhaimi bin Mohd Nor [Ketua Operasi (Pejabat Ketua Eksekutif)]

Puan Falisa binti Abu Bakar [Pengurus Kanan (Penasihat Undang-undang)]

Puan Wan Rodziana binti Wan Hassan [Pengurus Kanan (Bahagian Pertanian dan Bio)]

Puan Ch'ng Soo Bee [Pengurus Kanan (Pusat Sumber Khidmat Sokongan)]

Cik Chan Mun Yee [Penolong Pengurus (Unit Audit Dalaman)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA****Rabu, 18 November 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.08 pagi***[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun, Setiausaha Dewan Rakyat belum sampai lagi dan seterusnya pegawai-pegawai daripada kementerian-kementerian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana dapat hadir pada pagi ini untuk kita bermesyuarat. Hari ini, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan mengadakan prosiding Pengurusan Program Akuakultur membabitkan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di bawah penyeliaan Jabatan Perdana Menteri.

Isu ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2014, Siri 2. Ini peluang kepada Ahli-ahli baru sekalian termasuk saya membiasakan mengenai prosiding, operasi standard prosiding Jawatankuasa ini, dan saya memilih untuk mengadakan Jawatankuasa ini terlebih awal untuk membiasakan diri kita sebelum kita pada minggu hadapan akan memulakan satu prosiding yang sangat penting, yang menjadi perhatian masyarakat dalam negara kita dan juga antarabangsa. Jadi dengan adanya prosiding hari ini, sedikit sebanyak akan memberi kita sedikit ilmu, pengetahuan dan kaedah kepada ahli-ahli baru. Ahli-ahli lama tidak ada masalah sudah. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw dia sudah- berapa tahun sudah Dr. Tan Seng Giaw jadi Ahli PAC?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Lama sudah.

Tuan Pengerusi: Sudah terlalu lama sudah. Jadi, kita yang baru ini kena membiasakan diri. Kita akan memulakan prosiding 1MDB pada 25 November, dan 1 Disember, dan kalau perlu, kita akan teruskan walaupun masa bukan masa persidangan Parlimen. Kita harap Ahli-ahli Parlimen dapat hadir.

Jadi berhubung dengan prosiding hari ini, saksi yang akan hadir bagi memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa ini Yang Berbahagia Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri), Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husni bin Hussain (Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta) dan Ketua Eksekutif NCIA iaitu Yang Berbahagia Datuk Redza Rafiq. Tanpa membuang masa lagi, saya menjemput Yang Berbahagia Datin Paduka untuk memberi sedikit taklimat berhubung dengan prosiding hari ini. Saya persilakan.

11.10 pg.

Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara iaitu Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Naib Pengerusi PAC), Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Seperti yang dimaklumkan oleh Tuan Pengerusi, bahawa hari ini kita akan bantah berkaitan dengan laporan yang dikeluarkan berkaitan dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang telah pun dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2014, Siri 2.

Antara objektif pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan program akuakultur telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Dalam menjalankan pengauditan, skop dan metodologi yang digunakan oleh Jabatan Audit Negara meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan terhadap program tersebut, menyemak dokumen-dokumen seperti perjanjian, fail, minit mesyuarat, dokumen-dokumen dari tahun 2011 hingga tahun 2014 di peringkat NCIA dan juga di lima buah pejabat syarikat pelaksana. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga turun padang untuk melihat secara fizikal program-program yang telah dijalankan di Perak dengan Kedah, dan juga temu bual dengan syarikat pelaksana. Antara juga, kita telah pun mengedarkan soal selidik untuk mendapat maklum balas terhadap program tersebut.

Sedikit berkaitan dengan latar belakang NCIA dan program tersebut. NCIA ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008. Antara objektif program akuakultur adalah untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi penduduk setempat menurut program yang dilaksanakan, menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat secara tetap atau sementara, melahirkan usahawan-usahawan dan juga meningkatkan pendapatan negara melalui eksport hasil program akuakultur.

Kerajaan telah pun belanja sejumlah RM79.6 juta dan setakat ini yang dapat dibelanjakan setakat 2014 - RM68.78 juta, dan baki RM10.82 juta. Lima buah syarikat telah pun dipilih untuk melaksanakan program akuakultur iaitu Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB), Anaza Sdn. Bhd. (ANAZA), Ace Front Industries Sdn. Bhd. (AFISB), E-Arowana Trading Sdn. Bhd. (EATSB) dan Hannan Corporation Sdn. Bhd. (HCSB) dengan peruntukan tersebut seperti dalam slaid. Kos pembiayaan untuk program tersebut, ada yang dibiayai oleh NCIA dan juga yang dibiayai oleh syarikat iaitu peratus yang ditetapkan seperti dalam slaid. Jumlah yang dibiayai oleh NCIA - *RM79.6 million*, dan syarikat *RM328.8 million*. Itu *19% and 80%*.

Daripada pengauditan, didapati ada beberapa penemuan yang perlu diketengahkan iaitu satu, prestasi program akuakultur yang kurang memuaskan. Ini dibahagikan kepada tujuh elemen iaitu:

- (i) KPI yang tidak selaras dengan objektif;
- (ii) perancangan yang lemah;
- (iii) sangkar atau kolam tidak digunakan secara optimum;

- (iv) sangkar diusahakan oleh syarikat lain;
- (v) kilang pemprosesan dan lokasi yang tidak sesuai;
- (vi) peralatan dan kemudahan tidak digunakan secara optimum dan tidak disenggarakan; dan
- (vii) hasil pengeluaran sejak beroperasi tidak ada hasil.

Kedua, berkaitan dengan pemantauan terhadap terma perjanjian antara syarikat pelaksana dan NCIA adalah lemah.

Ketiga, kemampuan kewangan syarikat pelaksana untuk membiayai projek diragui. Saya pergi satu persatu.

Berkaitan dengan prestasi program akuakultur yang kurang memuaskan iaitu yang pertama, KPI yang ditetapkan tidak selaras dengan objektif. KPI ditetapkan pembinaan kemudahan, pelaksanaan modal kerja dan pembayaran balik dana. Akan tetapi dalam objektif program meningkatkan pendapatan penduduk, bilangan penduduk setempat seperti yang telah disebutkan tadi. So, KPI dengan objektif program tidak selaras. So, macam mana kita hendak *measure* bahawa objektif program telah pun dicapai.

Kedua adalah berkaitan dengan perancangan program yang lemah iaitu asas pemilihan syarikat pelaksanaan tidak jelas. Apa yang dinyatakan di sini adalah berkaitan dengan lima buah syarikat yang telah pun dipilih untuk melaksanakan program akuakultur. Dalam perjanjian NCIA dengan pelaksana itu, didapati bahawa tidak ada cara pemilihan syarikat tersebut. So, pihak audit tidak dapat mengesahkan apakah asas pemilihan syarikat tersebut sebab NCIA tidak mengikut peraturan perolehan yang ditetapkan. Tanpa asas pemilihan, syarikat boleh memberi ruang kepada risiko penyelewengan dan salah guna kuasa. Pemilihan syarikat adalah tidak telus kerana tidak melibatkan sebarang jawatankuasa yang dianggotai oleh individu yang berpengalaman berkaitan dengan projek untuk menilai keupayaan dan prestasi syarikat. So, dia tidak ada satu Jawatankuasa. Dia hanya hantar kepada CEO untuk kelulusan.

Next adalah berkaitan dengan perancangan program yang lemah iaitu tiada asas untuk menetapkan pembiayaan, dan kadar balik pinjaman. Di sini kita dapati bahawa bagi lima program atau lima buah syarikat pelaksana, ada perbezaan terhadap agihan pembiayaan tersebut.

■1120

POSB mendapat pembiayaan sejumlah RM23.10 juta, ANAZA sejumlah RM1.5 juta, AFISB sejumlah RM14 juta, EATSB sejumlah RM5 juta dan Hannan sejumlah RM36 juta. So bayaran balik adalah seperti yang tertera di slaid. Jika kita lihat, ia ada elemen untuk bayaran balik dan juga ada elemen berkaitan dengan geran. So yang bagi geran itu tidak perlu dibayar balik. Cuma asas penetapan agihan, pihak audit tidak dapat mengesahkan sebab ia tidak ada satu prosedur mengapa-macam Hannan dia dapat geran RM30 juta, bayaran balik cuma RM6 juta. So dia punya *ratio* kami tidak dapat mengesahkanlah, apa dia punya asas.

Berkaitan dengan kadar sumbangan atas jualan kasar. Makna, setiap kali syarikat ini mengeluarkan hasil dan dijual, satu kadar sumbangan perlu dibayar balik kepada NCIA.

So kadar yang ditetapkan dalam perjanjian mengikut syarikat adalah seperti dalam *slide* dan tempoh sumbangan iaitu tujuh ke-15 tahun. So yang ini pun pihak audit tidak dapat mengesahkan asas untuk polisi kadar sumbangan tahunan dan siapakah yang memberi kelulusan untuk menetapkan kadar tersebut.

So, kita nampak ada perbezaan antara kadar sumbangan bagi setiap pelaksana. Setakat pengauditan yang dijalankan, cuma dua buah syarikat sahaja yang memberi sumbangan. Setakat yang dapat RM66,629 iaitu POSB dan ANAZA. Yang lain kita tak dapat sebab NCIA mungkin tidak dapat dia punya penyata kewanganlah dan rekod-rekod tersebut. Ini maklum balas daripada NCIA berkaitan dengan perkara tersebut di mana NCIA diambil maklum cadangan audit dan sedang mengambil tindakan lanjut untuk memurnikan satu polisi dan prosedur.

Next, sangkar kolam yang tidak digunakan secara optimum. Kita pergi syarikat pelaksana tersebut. Pertama POSB di mana sangkar yang dibina 1,600 tetapi disebabkan oleh ribut, 800 buah sangkar telah dimusnahkan dan syarikat telah pun membina semula 400 buah sangkar. Apa yang audit, semasa lawatan fizikal dijalankan, mendapati cuma 100 buah sangkar mempunyai ikan daripada 400 buah sangkar yang beroperasi. Maknanya 800 lagi tidak digunakan. Ini semua adalah atas perbelanjaan daripada pembiayaan NCIA.

Syarikat yang kedua Ace Front Industries Sdn. Bhd., di mana kita dapati bahawa daripada 28 buah kolam yang telah dibina, hanya 15 atau 53.6 peratus yang tidak digunakan. Ketiga, syarikat Hannan Corporation Sdn Bhd, di mana 308 buah kolam yang dibina dan tidak digunakan 266. Keadaan adalah seperti yang telah pun kita ambil gambar semasa kita buat lawatan fizikal. *Next*. Ini ANAZA on projek yang telah diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian secara rasmi dengan NCIA. So sangkar yang diusahakan dalam ternakan udang, ikan kerapu dan lain-lain ikan air masin.

Next. Kilang pemprosesan dan lokasinya di mana kami mendapati pembinaan kilang tidak termasuk dalam skop perjanjian. So kilang pemprosesan pemakanan dibina di Tanjong Dawai, Kedah. Semua atas pembiayaan NCIA sejumlah RM5 juta dan tanah tersebut dimiliki oleh pengarah syarikat. Lokasi adalah tidak sesuai dan boleh menimbulkan masalah logistik. Inilah yang kita maksudkan masalah logistik di mana sangkar berada di Sungai Menghulu dan kilang pemprosesan di Tanjong Dawai. Perjalanan untuk menghantar hasil ke kilang mengambil masa dua jam.

Next. Ini berkaitan dengan operasi kilang yang mana kos pembinaan RM5 juta dihentikan sementara waktu. Kilang yang tadi itu di mana tidak ada operasi dan sekarang digunakan untuk simpan ikan baja. Sebab tidak beroperasi adalah kerana kekurangan bekalan daripada sangkar dan syarikat telah mengalami kekangan kewangan.

Ini berkaitan dengan Ace Front Industries Sdn. Bhd. di mana operasi atau kilang berada di Kamunting dan diperolehi pada tahun 2011 dengan nilai RM3.5 juta. Juga telah dihentikan mulai Ogos 2015 dan juga disebabkan oleh kekurangan hasil dalam kolam. Maknanya peralatan semua tidak digunakanlah.

Syarikat yang ketiga POSB di mana kemudahan telah tidak digunakan secara optimum. Kita ada 40 buah tangki, 18 yang tidak digunakan. Tangki makan daripada 40, 15 tidak digunakan dan juga tangki asuhan, tujuh daripada 160 tidak digunakan.

Sama dengan POSB lagi, peralatan yang tidak disenggarakan dengan baik. Kalau kita tengok bilik peti sejuk itu ada berkaratlah dekat dinding dan juga mesin membuat palet makanan, karat dan kotor. Begitu juga mesin pemprosesan makan yang rosak. Sebenarnya POSB ini *is under court case* lah. Dia *sue* NCIA lah.

Ini adalah berkaitan dengan hasil pengeluaran sejak beroperasi. Tiada hasil sejak dia beroperasi tahun 2011. Ini ikan hiasan kelisa, di mana daripada 44 buah kolam di Bukit Merah dengan 70 ekor ikan kelisa yang diperoleh RM600,000, tidak membiaklah. Tidak keluar-keluar juga. Sementara di Sungai Tengah semasa pengauditan dijalankan, dia baru lagi, tahun 2013. So ada 140 ekor dengan pembelian RM1.12 million. So soal itu, tidak ada pembiakan hasil daripada kolam tersebut.

Next, berkaitan dengan pematuhan terhadap terma perjanjian yang lemah. *This is a condition precedent* kepada kontrak di mana *condition* ini perlu dipatuhi sebelum perjanjian boleh diakui sah. Pertama, syarikat POSB menjamin dan berjanji bahawa lesen Sistem Kultur Laut (SKL) adalah sah sepanjang kewujudan perjanjian ini. Akan tetapi semasa pengauditan dijalankan, kita dapati bahawa lesen itu tidak diperbaharui. Bermakna, telah pun tamat pada Mac 2013.

Bagi Ace Front, *condition precedent* geran pajakan tanah itu kena atas nama syarikat tersebut. So setakat pengauditan yang dijalankan, geran pajakan itu masih belum ditukar milik atas nama syarikat.

■1130

Next. Ini hak milik dan insurans di mana kita dapati bahawa POSB telah pun membeli lima bot kelas 'B' dengan menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.15 million. Pembelian ini hak milik tidak boleh ditukarkan kepada NCIA sebab hak milik kelas 'B' hanya boleh diberi kepada individu berstatus nelayan dan bukan atas nama syarikat. Kita telah pun mendapat *opinion* dari Jabatan Perikanan di Putrajaya, dia boleh tukar kepada kelas 'C' yang boleh pergi lebih jauh. Akan tetapi pertukaran untuk lima buah bot ini memerlukan anggaran sejumlah RM3 juta, lebih daripada perolehan bot tersebut. Selain itu, pusat transit dan kuarantin bernilai RM0.9 juta tidak diinsuranskan.

Kemampuan kewangan syarikat pelaksana diragui. Seperti yang telah dibentangkan tadi ada *portion* di mana pembiayaan NCIA dan juga pembiayaan daripada syarikat pelaksana. Dalam perjanjian itu *total cost is* RM3.8 juta dan daripada itu kita dapati bahawa syarikat pelaksanaan mungkin tidak dapat membiayai apa yang telah pun dijanjikan.

Macam EATSB dan ANAZA tidak mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit atau yang beraudit, tidak ada. So, yang POSB dan HCSB telah mengalami kerugian terkumpul melebihi modal saham untuk tahun 2013. So, dengan keadaan ini, kita audit berpendapat ada keraguan untuk kemampuan syarikat pelaksana untuk membiayai baki kos projek. Ini prestasi secara keseluruhan syarikat salah satu daripada POSB di mana kita dapati ada penyata kewangan.

Jika dilihat liabiliti semasa adalah tinggi, aset semasa adalah rendah, *variance* itu sangat tinggi. So, if you see the nisbah semasa is negative in that portion dan keuntungan juga menurun.

Ini AFISB juga dia punya aset semasa dengan liabiliti *variance*, tetapi dia punya keuntungan menurun. Hannan, liabiliti semasa dengan aset semasa berbeza tinggi dan juga keuntungan menurun. So, ini yang menjadi kalau kita tengok daripada *ratio* nisbah semasa, keuntungan bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset kebanyakan adalah negatif. So, keraguan untuk syarikat pelaksana untuk membiayai kos projek di apa itu lah.

So, ini adalah *going concern* dan kemampuan bayaran balik diragui *from the statistics*. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi berkaitan dengan projek yang telah pun dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Datin Paduka, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian- selamat datang Yang Berhormat PJ Utara. Selepas ini kita panggil pegawai-pegawai yang- cuma Yang Berhormat PJ Utara, kita hendak *familiarization* ini, *meeting* ini cuma hendak *to familiarize* orang baru lah. Orang lama tidak ada masalah ya. Prosiding dia, jadi bila kita *next week* kita berhadapan dengan 1Malaysia Development, semua orang tahu cara-cara semua lah. Ya, Yang Berhormat Putatan ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]: Tuan Pengerusi, boleh tanya sedikit, sebelum itu? Saya orang baru, hendak *familiar*. Kita dapat fail ini pagi ini, *this morning* bila kita masuk sini. Pihak audit pun mengambil masa hampir setengah jam untuk *explain* kepada kita. Boleh tidak amalan itu, *at least one day earlier* berikan kepada kita fail ini, jadi kita boleh baca tidak perlu *waste of time*.

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, fail *slide* daripada Audit itu hanya diserahkan kepada Sekretariat PAC pada hari prosiding. Jadi sebab itu kita hanya boleh letak atas meja ketika prosiding itu. *Unless* kalau Audit benarkan supaya atau berikan kepada Sekretariat sehari lebih awal. Kalau Audit boleh bagi lah.

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *I don't have a problem* kalau diberikan awal, itu pun okey. Akan tetapi sebenarnya isu yang berkaitan semuanya sama dalam laporan audit yang telah pun dikemukakan oleh Ketua Audit Negara sebelum ini. So, sebenarnya semua maklumat yang dibentangkan pagi ini ada dalam laporan audit dah. Hanya *just a summary* sahaja. So, sebenarnya kita boleh baca laporan itu dan pagi ini Jabatan Audit Negara sebenarnya *give us a refresher on the content*. *But I mean if the Audit Department can give us earlier even the presentation, not a problem*.

Tuan Pengerusi: *Because this summary based on 2014* punya- dari 2014 itu yang Ahli-ahli Yang Berhormat ini sudah lupa. Dah lama dah ya. Kalau boleh sehari sebelum lah, sehari sebelum. *One day earlier, one day earlier*. *Not only this*, bukan sahaja perkara hari ini tetapi yang akan datang lah, sehari sebelum. Okey ada apa-apa hendak itu, sebelum kita panggil pegawai?

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya sekejap?

Tuan Pengerusi: Yes.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Kalau kita suruh baca, bukan kita ini senang selalu. Walaupun satu hari sebelum. *I have no objection on what is going on because it's better for us to listen and for us to try to get something from what we actually may do not know. I feel it is okay. Thank you. I will consider whatever presentation that they have based on the report earlier, I would consider this is not embargo. That's to me lah. Takut-takut nanti tahu-tahu lah manusia ini bukan selalu... [Disampuk] My assumption is- it's not embargo. I know, Tony. It's not embargo. But I consider this one myself as it still embargo. In case there is no thing pop up based on the earlier report.*

Datuk Liang Teck Meng: Boleh saya tanya audit sekejap? Tuan Pengerusi, saya ingin tanya audit. Benar atau tidak audit juga menjalankan semakan ke atas kelima-lima pengarah syarikat ini sama ada syarikat daripada pengarah yang sama ataupun ada kaitan antara syarikat kelima-lima ini? Juga, apa *paid-up capital* mereka, adakah mereka daripada *background* yang sama, berapa lama mereka libatkan diri dalam sektor ini?

Datin Paduka Ong Swee Leng: Okey Yang Berhormat, berkaitan dengan syarikat ini yang kita semak daripada SSM lah yang mana ada, makna tiga sahaja yang ada. Akan tetapi kita tidak *go in detail* lah, *how long are they in the field of aquaculture and all that.*

Tuan Pengerusi: Sama ada sebenarnya kalau- berapa tadi *company* tadi?

Datin Paduka Ong Swee Leng: Lima *company.*

Tuan Pengerusi: Lima *company* dipunyai oleh tiga orang sahaja ataupun dua orang sahaja. Dia proksi dia. *This company* dia juga, *this company* dia, tetapi dia lantik proksi sahaja.

Datin Paduka Ong Swee Leng: *I think* tidak ada. *They are different entity.*

Tuan Pengerusi: *At all? Sure? Different director, different shareholder. That one you sure? This is very important.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *The same person can be different entity Tuan Pengerusi, when he seats in different company.*

[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

■1140

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya hanya merujuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan tadi. *If only we were to get all the document a day ahead of proceeding,* saya ada sedikit kebimbangan terutama kalau ada dokumen-dokumen yang embargo lagi. *This is integrity. Now whether we are actually-* kalau kita hendak bercakap pasal integriti pasal ada dokumen embargo, kita sudah dapat dokumen itu awal satu hari *and it is in our possession, can you imagine? It can be leaked, the whole world knows. I don't know. I leave it to the Chairman to think about it whether this is actually practical or otherwise. But it is good, unless now we are being brief earlier-* senang.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok kemang]: Tuan Pengerusi, boleh ya? *Unless this is marked embargo, then you can release the documents a day earlier.* Kalau embargo itu, tidak boleh. Elakkanlah. *I think selective* lah.

[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

[Saksi-saksi dari Jabatan Perdana Menteri mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

11.47 pg.

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri; Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husni bin Hussain, Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam dan Swasta; dan Yang Berbahagia Datuk Redza Rafiq, Ketua Eksekutif NCIA; dan para pegawai yang hadir pada pagi ini. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Ahli-ahli PAC mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian dan kehadiran Yang Berbahagia Dato'-Dato' ke prosiding PAC pada pagi ini.

Seperti yang Datuk Seri dan Dato'-Dato' sekian sedia maklum bahawa Dato' sekalian dipanggil pada pagi ini hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 yang mana dapatan perkara-perkara yang perlu ditanya secara lanjut oleh PAC. PAC ini Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Parlimen yang mana segala laporan itu akan dibentangkan kepada Parlimen dan kemudiannya akan menjadi dokumen awam yang boleh dibaca oleh rakyat sekalian selaku- secara nyatanya yang membayar cukai kepada kita dan secara terselindungnya, semua yang memilih kerajaan hari ini di bawah sistem Parlimen. Jadi kita bertanggungjawab kepada Parlimen dan rakyat. Jadi apa-apa *finding* yang kita dapat pada hari ini, kita akan buat laporan kepada Parlimen untuk Parlimen bentangkan dan menjadi dokumen umum.

Ada beberapa perkara yang akan ditanya oleh Ahli-ahli PAC, jadi saya persilakan Jabatan Audit, Datin Paduka kalau ada apa hendak beri sedikit kepada...

Datin Paduka Ong Swee Leng: Selamat pagi dan selamat sejahtera kepada Ahli-ahli PAC dan juga Datuk Seri Othman serta Datuk Redza dan semua yang hadir.

Seperti yang dimaklumkan bahawa Jabatan Audit telah pun menjalankan pengauditan terhadap Program Akuakultur di NCIA tahun lepas dan telah pun dilaporkan dalam Laporan Audit, Tahun 2014, Siri 2. Seperti yang telah pun dibentangkan kepada PAC, ada beberapa kelemahan dan mungkin kita hendak dapatlah apakah status yang terkini terhadap kelemahan yang dibangkitkan dan cuma mungkin Ahli-ahli PAC ada soalan-soalan yang berikutan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Perkara pertama yang Audit bangkitkan tadi, KPI tidak selari. Objektif itu tidak begitu jelas, jadi bila kita hendak tengok dia punya KPI itu tidak selari. Jadi bagaimana sebenarnya ini boleh berlaku. Silakan.

■1150

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan.

Terutamanya saya ucap terima kasih kerana dapat bersama dalam PAC pada pagi ini. Sebelum kita- Yang Berhormat Tuan Pengerusi menjawab kepada soalan itu. Kalau boleh diizinkan satu minit untuk saya menerangkan sedikit pengenalan kepada struktur NCIA di dalam JPM. Ada dua *slide* atau tiga *slide* Tuan Pengerusi. Kalau Tuan Pengerusi benarkan. Sila.

[Pembentangan berdasarkan paparan slide]

Ini struktur JPM di mana di bawah JPM, peruntukan bagi koridor ini disalurkan oleh EPU melalui UKAS. Kalau kita lihat situ, UKAS berada di bawah JPM dan di bawahnya ada lima buah koridor yang bertanggungjawab melaksanakan pembangunan di wilayah-wilayah.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli, penyaluran peruntukan semua ini adalah selepas pihak UKAS meneliti sepenuhnya projek-projek yang dianggap berpotensi dan juga mempunyai kepentingan bersama untuk rakyat. Peranan JPM adalah merancang, melaksana, memantau dan menyelaraskan semua projek pembangunan yang dilaksanakan oleh JPM termasuk projek-projek NCIA. Seperti yang saya kata tadi, peranan UKAS memastikan supaya projek-projek koridor ini mempunyai potensi yang baik untuk dilaksanakan. Pengeluaran peruntukan ini sebenarnya kita keluarkan mengikut suku tahun selepas diteliti dan dipersetujui oleh pihak MOF. Jadi semua projek itu dilaksanakan oleh pihak koridor itu sendiri termasuk NCIA.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli, seperti yang kita maklum di bawah NCIA ini ada 34 isu yang dibangkitkan. Kalau bermula pada 10 Julai dalam *slide* itu, sehingga hari ini kita ada tinggal 23 isu yang perlu diselesaikan, yang akan dijelaskan secara terperinci pada pagi ini. Sementara 11 isu itu dianggap telah selesai di dalam *dashboard* pihak audit.

Jadi untuk membangkitkan isu-isu yang 23 termasuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi tadi, pihak NCIA akan memberi penjelasan yang teliti. Sila Datuk.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak [Ketua Eksekutif, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia Datuk Seri Othman, tuan-tuan, puan-puan. *Maybe I can start by meletakkan backdrop* ia Tuan Pengerusi supaya kita boleh tengok bagaimana benda ini berlaku.

Moving forward, apa *measures* yang kita ambil untuk menangani dan memastikan bahawa benda ini akan berjalan selaras dengan aspirasi kita. Okey, *firstly* kalau kita tengok kedudukan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah seperti dalam carta ini di mana ia terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri dan aliran pelaporan kita melalui Unit Kerjasama Awam Swasta. Pentadbiran tertinggi NCIA melalui Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara di mana anggotanya adalah seperti dalam gambar ini iaitu dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ahli-ahlinya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ketiga-tiga Menteri Besar Perlis, Kedah dan Perak dan juga Ketua Menteri dari Pulau Pinang. Selain daripada itu, kita juga ada Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Berhad dan juga Ketua Eksekutif Sime Darby Berhad. Saya sendiri Tuan Pengerusi Setiausaha kepada majlis ini.

NCIA ditubuhkan melalui Akta 68, dan berfungsi sebagai pemboleh cara serantau. Objektif utama kita adalah untuk mencapai pertumbuhan dengan kesaksamaan sosial atau *growth with social equity*. Bagi mencapai agenda ini, objektif utama ini, *blueprint* NCIA telah mengenal pasti empat sektor, empat buah teras utama iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan juga logistik. Komponen lima buah syarikat ini berada dalam teras pertanian.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, Koridor Utara merupakan pembangunan yang *Brownfield*. Pada 1 Januari saya diarah untuk menukar pendekatan pembangunan ini supaya ia selaras dengan perancangan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh pada ketika itu iaitu kerajaan telah mengenal pasti sektor swasta sebagai peneraju pembangunan ekonomi negara, *with the government playing the role of enabler and facilitator*.

Koridor Utara merupakan pembangunan wilayah *Brownfield*, ia bukan tempat baru. Ia tempat yang sudah ada pembangunan. Jadi pendekatan kita juga perlu bersesuaian dengan tempat itu. *Blueprint* yang telah disediakan, *blueprint* NCIA yang telah disediakan pada masa itu telah menetapkan bahawa kita perlu memangkinkan penyertaan sektor swasta dengan menggunakan konsep *anchor company*, meningkatkan nilai daripada industri sedia ada, mewujudkan sokongan ekosistem yang kondusif dan memastikan kewujudan impak limpahan sosioekonomi kepada warga setempat.

Carta organisasi ini menggambarkan kedudukan bahagian pertanian. Dekat dalam gambar ini tidak jelas sangat tetapi mungkin- okey, *alright*. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa masa saya masuk itu sebab Koridor Utara ditubuhkan pada tahun 2007, dan masa saya masuk pada tahun 2010 ada banyak projek legasi. *As at 1 Januari 2010*, tidak ada *policy and procedure* operasi di NCIA. Pengurusan kewangan pun dibuat menggunakan *Microsoft Excel*. Kita pakai buat *accounting* pakai *Excel* masa itu. Pada tahun 2010 tidak ada peruntukan untuk perbelanjaan mengurus. Saya tanya kenapa, dia kata kita tak tahu yang kena minta. Jadi banyak benda. Pelantikan perunding pun dibuat tanpa mengikut proses tatacara perolehan di mana saya kena *put my head on the chopping block* untuk minta kelulusan khas supaya benda ini dapat diselesaikan. Benda-benda ini berlaku pada masa awal.

Kita telah membuat penambahbaikan secara beransur. Isu-isu dalaman yang kita sudah kenal pasti tentang- dan pelaksanaan tenaga kerja telah dilaksanakan. Kita buat *Audit Committee*. *Then Internal Audit* punya *department* kita sudah tubuhkan *in the course of doing this*. Juga *Risk Management Department*. Isu-isu pembiayaan yang- *I think* ayat ini *lost in translation* Tuan Pengerusi. Sebenarnya isu-isu pembiayaan telah dibangkitkan kepada, bukan yang dibangkitkan oleh. Telah dibangkitkan kepada Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri KSN dan juga Kementerian Kewangan untuk menangani masalah perbelanjaan mengurus.

Selain daripada itu, kita mewujudkan *policy and procedure* pengurusan, di mana sebelum ini tak ada langsung. Pada masa ini sebab tidak *policy and procedure* pengurusan dan masa ini juga ada banyak *engagement* dengan syarikat-syarikat swasta. Ia tidak ada *framework*. Jadi banyak *anchor companies* yang *diengage* masa itu, kita kena menangani masalah ini.

Contoh lagi di projek *Sayong Riverfront* dan projek Pondok Tanjung juga telah diselesaikan melalui Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan.

Selain daripada itu, kita tengok bahagian pertanian pun kita telah buat penstrukturan semula pada hujung tahun 2013 dan awal tahun 2014. Sebab utama ia dilakukan adalah untuk menangani masalah-masalah yang timbul. Sebab masalah-masalah *agriculture* ini ia timbul berdasarkan pada musim, berdasarkan kepada *performance*. Kalau tengok, kita juga memperkenalkan model kerjasama baru di mana kita buat konsep pemantauan yang lebih efektif dan proses pematuhan *guideline*. Penstrukturan semula program ini pun kita buat proses pemulihan dan membuat penilaian dan penyusunan semula projek agar lebih efektif.

■1200

I will take you through this things shortly. Kalau tengok *the next slide* ini, komponen cadangan juruaudit, NCIA harus mengambil tindakan sewajarnya terhadap syarikat peneraju sekiranya syarikat peneraju gagal mematuhi terma dan syarat. Di sini, *before* kita buat penyusunan semula masa dahulu, penumpuan diberikan untuk melengkapkan infrastruktur fizikal. Kenapa, kes ini yang Tuan Pengerusi tanya tadi itu, kenapakah dia punya fokus dan dia punya KPI dengan objektifnya lari? Sebab masa itu, NCIA lebih diberi- dia rasa tugas dia ialah untuk melaksanakan infrastruktur macam kita buat banyak jalan-jalan ladang, kita buat longkang, kita buat tali air. Sedangkan, pada tahun 2010, pendekatan yang kita telah diarahkan untuk dilaksanakan adalah sebagai *enabler and facilitator* untuk penglibatan sektor swasta. Kita menggunakan sektor swasta untuk memakmurkan Koridor Utara.

As you can see, menurut report card MIDA last year, Koridor Utara merupakan koridor yang paling tinggi in term of investment yang masuk. But, that was not always the case. Status terkini kita sekarang, kita sudah ambil tindakan undang-undang ke atas beberapa buah syarikat *which I will take you through* nanti. Bahagian dan jawatankuasa bersama telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pematuhan kepada proses ini. Kita juga telah mendapat kelulusan untuk NEM 2.0 iaitu *New Engagement Model 2.0* di mana ia memberi penumpuan kepada pengukuhan terhadap perjanjian-perjanjian dan perjanjian-perjanjian ini *will be reflective of objective* kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi cadangan juruaudit... *[Disampuk]* Next, cadangan juruaudit kita harus menjalankan pemantauan berkala untuk memastikan pencapaian objektif dan mengenal pasti masalah di peringkat awal. Pemantauan ini memastikan pembiayaan dana serta penyelenggaraan digunakan secara optimum. Memang pada masa itu pemantauan lebih tertumpu kepada pembangunan fizikal sebab, *again*, kita punya *mandate*, kita punya *task* masa itu begitu.

Akan tetapi status terkini kita sudah ubah benda itu dan pasukan pengurusan kita pun sudah berubah untuk memastikan pencapaian objektif projek dan laporan kemajuan ini adalah seperti dalam perjanjian. *Moving forward*, dalam tindakan kita, kita tengah buat kajian semula sasaran dan impak keseluruhan untuk penilaian kemajuan projek bagi mewujudkan hala tuju yang selaras dengan objektif asal dan objektif yang telah dikenal pasti.

Tuan Pengerusi, inilah lima buah syarikat itu yang terlibat dalam audit- *I think*, dengan izin, *these cases* sebenarnya telah kita ketengahkan dan telah kita laporkan kepada NCIA punya *Audit Committee way before* Jabatan Audit Negara *came in and these have been reflected* dalam minit *Audit Committee* kita. Sebenarnya kalau lihat kes nombor satu dengan nombor dua, benda ini telah kita laporkan pada tahun 2012. Untuk nombor tiga dan nombor empat, ini sebenarnya adalah *performance issues* kerana mereka buat udang *and the region has been plugged with this syndrome* yang kita panggil *Early Mortality Syndrome* atau EMS di mana dia bukan melanda kawasan itu sahaja, dia bukan melanda Perak sahaja tetapi dia melanda hampir-hampir satu dunia.

Untuk item yang nombor lima itu, E-Arowana Trading Sdn. Bhd. (EATSB), dia sebenarnya adalah *biological issue*. Pada masa itu sebab kita punya *agreement* adalah berdasarkan kepada *performance indicator*, *agreement* itu tidak *trigger any default within the agreement* yang dia buat dengan NCIA. Perlu dinyatakan di sini Tuan Pengerusi, NCIA tidak melabur dalam syarikat-syarikat ini. Kita *enabler and facilitator*. Jadi kita buat dana mudah cara, kita punya *engagement* dengan dia. Sebenarnya kalau ikut jumlah pelaburan yang kita ada, kita buat *less than one percent of our engagement is with agriculture companies*.

Berdasarkan kepada *traffic light* tadi yang Yang Berbahagia Datuk Seri Othman bentangkan, lima buah syarikat itu kita lihat *progressively* kita sudah menangani situasi itu. Daripada 10 Julai 2015 hingga 3 November 2015, kita lihat *progress* dia memang sangat memberangsangkan. *As we move forward*, kalau lihat berdasarkan kepada sektor dialah, perundangan, tanah, polisi, operasi dan kewangan, *we are confident that* item nombor tiga sahaja yang akan menjadi *outstanding item by end of next year*.

Untuk perhatian dan tindakan segera kita iaitu langkah-langkah pembetulan yang telah kita buat, satu, kita telah membuat penstrukturan semula bahagian. Ketua bahagian itu pun sudah tidak ada situ sudah. Kedua, memperkasakan serta memperkukuhkan kakitangan di situ dengan *the right subject matter expert*. Kita sudah bawa masuk *the former COO of BiotechCorp* iaitu Dr. Wan Abdul Rahaman sebagai ketua bahagian di situ. Dia *agriculturalist*. Kita juga meningkatkan pengurusan logistik untuk kawalan lebih baik dan cekap. Kita memperkenalkan cara tadbir urus pengurusan dan pentadbiran bahagian yang baru dan memperkenalkan langkah-langkah *turnaround*. Sebagai contohnya, komponen-komponen baru *agriculture* yang kita buat sekarang lebih bertumpu kepada *modern agriculture* dan *agriculture* yang disuntik dengan elemen-elemen bioteknologi. Selain daripada itu, kita memperkasakan polisi dan prosedur NCIA.

With your permission Tuan Pengerusi, *can I move to the next session* iaitu perbincangan maklum balas audit? Okey. *First* sekali iaitu kalau lihat laporan asal audit, perenggan 2.4.1.2.a.iv iaitu Prestasi Program Akuakultur- Syarikat Progressive Ocean Sdn. Bhd.. Kalau lihat isu dalam sini iaitu syarikat itu dia tidak mematuhi skop pembiayaan kerana dia tidak melaksanakan perolehan tanah. Jadi *one thing that happened- I cannot say anything beyond what I am going to say here* because kes ini sekarang kita sudah bawa ke mahkamah. Pada 17 hari bulan dia akan dibicarakan di mahkamah.

But, we are applying for the land. Once we get the land, all the items attached to the land will fall back to us. So asset itu kita boleh recover.

*Next is a prestasi program akuakultur syarikat Ace Front Industries Sdn. Bhd.. Di sini pihak audit telah mendapati hanya empat daripada 28 buah kolam yang dibina digunakan untuk menternak udang. Ini kerana masa itu, dia baru dilanda *Early Mortality Syndrome*. Di sini, *the symbiotic relationship* di antara syarikat dan warga setempat sangat cantik sebab ia digunakan- kita ada Program Perumahan Rakyat Termiskin di situ juga. Tempat inilah digunakan atau sepatutnya digunakan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan kepada warga setempat.*

*Cumanya, ia dilanda oleh *Early Mortality Syndrome* dan kita tengah membuat pemulihan di situ. Kita guna NaFisH untuk menyediakan khidmat nasihat untuk memastikan kaedah-kaedah untuk membasmi EMS. Calon usahawan sendiri pun kita sudah menghadiri kursus untuk kaedah penternakan. *So, recovery process is in place at the moment.* Kita yakin yang keseluruhan kolam akan beroperasi. *But what I mean by* keseluruhan kolam akan beroperasi ialah dia 80%, Tuan Pengerusi. Sebab 20% lagi kita akan gunakan untuk *resting*, untuk *water treatment* untuk memastikan tidak ada lagi gejala EMS atau dapat meminimumkan gejala EMS ini.*

■1210

Lagi satu ialah lawatan audit ke kilang dia. Kilang itu walaupun kilang itu dijaga dengan baik, operasi kilang dihentikan pada bulan Ogos. Disebabkan dia kena EMS, jadi kilang dia tidak boleh beroperasi. Jadi *it is*, dia *tie* dengan operasi di ladanglah. Kita cuba untuk *strike a deal* antara dia dengan syarikat lain, tetapi *for the moment the recent deal* yang *suppose to strike* itu dia *foul through* sebab *they couldn't agree on the terms*. Akan tetapi kita akan teruskan usaha kita untuk buat ini, tetapi kita *confident* yang *once* hasil dia ada balik, kilang itu akan beroperasi semula. Sebab pada masa itu kilang itu sebelum kena EMS, kilang itu sangat baiklah. Dia memang kilang moden dan dia buat sebagai contoh inisiatif yang dia buat dia menggunakan *photovoltaic technology* untuk buat ikan masin.

Tuan Pengerusi: *Photo* apa?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dia menggunakan *photovoltaics technology* untuk buat ikan masin, solar. Dia pakai solar untuk buat ikan masin. Sebab solar ini merupakan *will archive the level of hygiene required* untuk eksport ke Eropah. Jadi dia memang kilang itu *advance*. Hendak masuk pun kena pakai *mask* apa semua. Cuma dia *Early Mortality Syndrome* itu telah menggagalkan *the critical mess for the factory to operate* lah. *Next* prestasi program akuakultur E-Arowana Trading Sdn Bhd. Syarikat ini telah membeli induk, 70 ekor induk *Malaysian and Indonesian Golden Arowana*, tetapi kalau tengok dia punya *farm* di Sungai Tengah dekat Kedah *and...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Kulim, Kulim kawasan saya.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: ...Dan juga di Bukit Merah di Perak. Cumanya masa ini dia ada *the cycle* itu tidak – dia tidak *meet the cycle* punya *performance asset stated in the agreement*.

Cycle itu. Jadi *this project had been selected actually under PEMANDU* punya C&C Lab sebab mereka ini syarikat yang berwibawa untuk buat benda ini. Cuma dia tidak bertelur. Ikan tidak bertelur. Itu sahaja dia punya kes. Ikan tidak bertelur. Dia *stress*. Ikan itu *stress* dan dia tidak bertelur.

Tuan Pengerusi: Baka dari Taiwan, dari Japan tidak bawa.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Setelah kita bawa NaFisH semua itu, *alhamdulillah* Tuan Pengerusi, *first batch* 14 ekor sudah bertelur, sudah menetas. Jadi kita kalau... [Disampuk] Yang ini *is a challenge for us* sebab dia dari segi KPI, dia *perform*. Dia buat apa, pekerjaan dia, perniagaan dia semua dia buat. Cuma ikan tidak bertelur. Jadi...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Datuk, *I just wanted to know since it is my kawasan, what was your main reason of doing this?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Was doing Arowana ini?*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Arowana di Sungai Tengah.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey, okey *this is a reason*. Di Bukit Merah ya, okey *actually that very interesting question*. Di Bukit Merah benda dekat situ sudah *saturated and overheating and* dia sudah apa berlapis-lapis, sampai ada kes penipuan. Dia kata *claim* ini ladang dia tetapi bukan ladang dia, dia ada *get* pelabur untuk masuk dekat kawasan- banyak keslah sebab tempat itu sudah tepu. Jadi *our task at that time was to find water source* yang boleh membiakkan Arowana. Bukan semua tempat boleh. Sungai Tengah *we found the water was identical to* Bukit Merah. *So this was chosen, tempat ini.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *That program was supposed to have created business opportunities* untuk orang kampung dekat keliling itu. *There was suppose...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: ...Apa yang orang kampung yang *improvement*.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey. Sekarang tidak sebab tidak ada telur. Sebab ikan tidak bertelur.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tidak pernah ada. Sebab masuk pun orang kampung tidak tahu.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Sebab ikan tidak bertelur. *The...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: ...*From the very day your entry to get* kawasan pun *no one knows going alien*. Dia terbang daripada Mars itu dia masuk ke situ. *You realize that or not? How can you say* hendak bagi orang kampung tengok.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *This is more of engagementlah. Our engagement* dengan orang kampung dan *we- there were a sequence*. Kalau ikut *agreement* itu dia ada *sequence*. Dia kena *archive* ini dulu, *archive* ini *then* baru kita masuk dengan *agropreneur*. Dia tidak sampai ke situ lagi. Syarikat itu pun tidak boleh keluarkan diri- dia sendiri pun tidak keluarkan lagi dia punya hasilkan, jadi kita tidak boleh *engage* dengan *agropreneur* lah.

Okey, *next* prestasi akuakultur ANAZA. Di sini kes ini agak unik sebab dia punya pengusaha meninggal dunia, *accident* ya. Pengusaha dia *accident* dan dia tidak dapat meneruskan dan benda itu telah diambil alih oleh sebuah syarikat lain tanpa kebenaran kita. *So we have-* ini kita sudah buat *legal process, legal process* pun sudah *conclude*. Kita sudah buat *DO settlement and they've agreed. So the asset have come back to us.*

Tuan Pengerusi: Gagal atau berjaya projek ini?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Projek ini akan diteruskan oleh syarikat lain.

Tuan Pengerusi: Belum *start* lagilah.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Kita baru dapat balik aset. Pada masa itu dia sudah mula- Tuan Pengerusi, dia sudah mula menghasilkan tetapi *after* kemalangan itu *then* pihak lain ambil benda itu kan, kita tidak dapat dia punya hasillah. *But now* kita sudah dapat aset balik. *These are cages* yang kita dapat dalam *DO settlement* itu adalah *these are cages* yang *own by the company*. *So* kita dapat balik *cages* itu untuk kita gunakan untuk bagi pada syarikat peneraju yang lain di mana kita akan panggil untuk *invite* untuk proses ini balikkah.

Datuk Liang Teck Meng: Datuk, boleh tolong jelaskan sedikit tidak? Kita balik ke *slide* sebelum ini. Apa yang dimaksudkan dalam keadaan yang baik tetapi memerlukan sedikit pembaikan.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey, *some of them* sangkar itu okey lagi *but as you know* sangkar ini kadang-kadang dia ada pelampung dia. *It comes with the* pelampung. Kadang-kadang pelampung itu hilang, kadang-kadang dia punya *net* itu sudah koyak *because of no maintenance doing the interim period* itu. Jadi *these are the things* yang kita kena *rectify* balikkah.

Tuan Pengerusi: Yang ambil alih itu berapa?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yang ambil alih sekarang kita dalam proses...

Tuan Pengerusi: Yang dulu, dulu.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Oh, yang dulu. *It's a family-owned company.*

Tuan Pengerusi: Berapa yang tinggal dalam keluarga?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dia yang tinggal *wife* dia sahaja, yang tinggal *wife* dia.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Wife* sudah tidak mahu meneruskan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, laporan tadi mengatakan bahawa pemilik syarikat ini meninggal sebab itu projek tidak jalan. Ini menunjukkan bahawa- kemudian ada *new party take over* kan? Ini menunjukkan bahawa...

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Belum *take over* lagi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ya?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Belum *take over*, kita kena *invite*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *No, I mean* yang tadi Datuk bagi tahu...

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *New party* sudah ambil itu...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *New party* sudah ambil alih...

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ambil yang bukan...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Macam mana *new party* boleh ambil alih NCIA tidak tahu menunjukkan tidak ada *close supervision* di pihak NCIA kot atau macam mana? Mati pun berapa lama baru tahu ini? Yang pemilik syarikat ini mati lama mana baru tahu?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Pemilik itu kita tahu *immediately* sebab kes ini kita sudah ketengahkan pada tahun 2012, pada *Audit Committee* kita. Disember 2012 kita sudah ketengahkan kes ini dan *we under process of getting back the asset*.

Tuan Pengerusi: Okey, ini maklum balas lagi ya.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ya. *In the case of a- next is a prestasi* program akuakultur syarikat ANAZA lagi. Iaitu lawatan audit mendapati bahawa kawasan itu masih beroperasi tapi diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian rasmi bersama NCIA. Syarikat tersebut telah menternak udang karang, ikan kerapu, ini yang soalan tadi. Maklum balas awal perbincangan telah diadakan dengan bakal syarikat peneraju. Kita tengok *and* maklumat daripada lawatan tersebut kita guna sebagai menyiapkan kertas kerja untuk pemilihan proses barulah. Kita akan memilih syarikat baru untuk masuk. Pemilihan ini akan diketahui pada 7 Disember. Ya, yang ini di Langkawi.

■1220

Tuan Pengerusi, prestasi program akuakultur syarikat Hannan Corporation Sdn. Bhd.. *If you look at the penemuan* audit ya, ada dua, *two different cases here*. Satu ialah dia cakap hanya 35 atau 25% daripada 140 buah kolam di Selinsing beroperasi, dan lagi satu hanya 4.2% daripada 168 buah kolam di Pulau Gula yang ditenak dengan udang putih. Dua buah komponen ini berbeza. Di kawasan Selinsing itu, dia *decimated because of Early Mortality Syndrome*. Akan tetapi di Pulau Gula ini, kes dia berbeza. *They never got around to actually maximizing the place* sebab tidak ada *electricity supply due to land acquisition process*.

Jadi, untuk kawasan Selinsing, perancangan kita adalah untuk membuat proses pemulihan tetapi untuk di Pulau Gula itu, kita telah *engage* JPPH untuk buat penilaian dan Tenaga Nasional telah memaklumkan kepada Hannan Corporation dan kita telah dapatkan komitmen daripada Hannan Corporation untuk membuat pembayaran penilaian supaya dia boleh buat proses pengambilan tanah untuk masukkan *electricity* melalui substesen ini.

Next item iaitu pematuhan syarat perjanjian- Proses Permohonan Hak Milik Tidak Dilaksanakan. Di sini Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama belum mengeluarkan hak milik tanah di Sungai Kerang kepada NCIA. Di sini kita juga sedang membuat proses iaitu pada 12 November ini, pelantikan juruukur, ini status *update* ya. Kita akan buat sebelum 15 Disember dan proses pengukuran dan perancangan bandar akan selesai dalam masa empat bulan selepas pelantikan iaitu pada bulan April. Segala laporan akan dikemukakan ke Pejabat Tanah Larut, Matang untuk tindakan selanjutnya. Keputusan tentang hak milik tanah ini dijangka akan diperolehi dalam suku tahun ketiga 2016.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kenapakah *gap* itu?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Kenapakah *gap* ini? *There was an oversight from- I think* kita sudah dapat kelulusan tetapi kita guna surat itu sebagai lulus, tetapi *the process* di belakang itu, *because of the changes* apa semua, proses itu tidak berterusan. Surat kelulusan kita dapat. Surat kelulusan Exco pun kita sudah dapat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk, NCIA ini *government agency*, Pejabat Tanah Larut, Matang pun *government agency, state agency*. Ada *problem* kah antara NCIA dengan *all these state agencies including land office* menyebabkan perkara macam ini berlaku?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Pada masa itu mungkin ada masalah komunikasi, tetapi sekarang kita sudah- masa itu kita tidak buat lagi sistem *state officers* ya. Sekarang kita sudah ada pejabat di setiap negeri. Dulu tidak ada *engagement* yang berterusan, sekarang sudah ada *engagement* berterusan. *If you notice* hari ini punya *newspaper* pun, *I think Berita Harian* atau Utusan kah dia keluar...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, pengalaman saya di Kelantan, *I was an Exco Member* dahulu. Kita dengan ECER *very close relationship*. *Shouldn't happened incident like this*.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *It no longer happen*. Akan tetapi masa itu- *again, this is a legacy project* yang kita kena buat dahulu. Pada masa itu *engagement* dia tidak ada lagi. *Again, I have to say this*. *In my first week on the job*, keempat-empat *State Secretary* marah saya *because of what you mentioned*.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, saya rasa penerangan ini terlalu panjang. Kita pun sudah letih mendengar. *I would suggest better we start asking some question*. *Everything is going too long*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya rasa kita perlu dengar daripada mereka dahulu. Mungkin mereka dapat singkatkan, tetapi kalau sebelum dia orang habis, takkan kita boleh tanya soalan. Mungkin soalan yang kita hendak tanya akan diperjelaskan dalam slaid yang akan- mungkin boleh ringkaskan lah. Akan tetapi, letih tak letih....

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yes, betul. Boleh, boleh, boleh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Saya perlu tanya *question* pasal Yang Berhormat Kota Bharu punya soalan itu sungguh relevan sekali. Selama *you took over in 2010*, sudah menjangkau empat tahun lebihlah, pemilikan tanah di mana yang projek-projek itu diadakan, adakah sudah mendapat *document title* daripada kerajaan *state* selain daripada hanya untuk sedang berhubung selama empat tahun sahaja *you took over from 2010*. Apakah kesudahan dia dengan geran-geran tanah ini? Ini kerana kalau tidak, projek-projek ini kita buat secara *illegal*, secara haram di tanah yang tidak ada status pemilikan NCIA atau syarikat.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Mohon kebenaran untuk respons, Tuan Pengerusi. Ya, okey. Kita jawab untuk projek ini dahulu, lepas itu jawab secara keseluruhan ya.

Untuk projek ini sebenarnya sudah dapat kelulusan daripada Exco. Surat pun sudah dapat. Kawasan itu pun sudah memang tidak ada *challenge* lah untuk tempat itu. Cumanya, *the administrative process of going through this*- sebab kita tidak ada *state officers* masa itu, jadi sebab itu kita sudah rombak semula *division* apa semua. Memang, sekarang baru kita sedang buat proses ini.

Akan tetapi kalau *from as a whole*, NCIA bukan *in the business of* hendak mengambil tanah kerajaan negeri mana-mana. Selalu *what we do* dengan kerajaan negeri kita ada *rights to use*. Macam di Kedah, sebagai contohnya di Bukit Gula, kita ambil hak penggunaan sahaja sebab *our role is to actually generate economic activity* di situ. Mungkin peranan ini akan berubah daripada segi bila kita masuk *growth note* untuk fasa kedua. Akan tetapi untuk *agriculture, for the most part, since I* masuk, kita bekerjasama banyak dengan Persatuan Peladang kawasan, kita bekerjasama untuk- dan kita guna tanah-tanah sedia ada yang berdasarkan kepada kebenaran yang sudah sedia ada untuk meminimumkan komplikasi-komplikasi macam ini.

Ini sudah dapat *approval* tetapi *the process* belakang tidak berjalan. Jadi kita kena menjalankan balik proses itulah. Akan tetapi daripada segi *legal ownership* apa semua, memang kita tidak ambil *legal ownership of the land*, kita ambil *rights to use*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk, *I'm sorry. Either you* hendak *apply for alienation of land* kah, atau *acquisition* kah, atau *rights to use, you still have to go to the Exco, right?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yes.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Isu sekarang ini, macam mana hubungan NCIA *or other corridors* lah, yang Perdana Menteri lancar di negeri-negeri, tetapi tidak ada hubungan dengan pihak berkuasa negeri menyebabkan projek ini lambat? *Shouldn't happened I think, shouldn't happened, whether you have officers or not.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yang ini, *I think there was an oversight because Exco* sudah bagi *approval*. Kita pun sudah *submit for approval*, Exco sudah bagi *approval*. Jadi *both sides just took it as...*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Exco bagi tahu, lagi teruk, tapi ini *officer* dengan *officer...*

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Datuk, *that one* Jawatankuasa, Menteri Besar pun ada dalam jawatankuasa itu. *Why* dia tidak ada *connection* di situ?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Exco lulus, so pegawai dengan pegawai lagilah teruk kalau tidak ada hubungan.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Geran tidak keluar lagi masa itu. Jadi...

Tuan Pengerusi: Ada *legal dispute* kah di sini? Ada masalah mahkamah tak di sini?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ini tidak ada masalah mahkamah sebab kawasan ini memang *state* pun sudah bagi *consent*, cuma *the administrative process* kita kena lalui.

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit? Sebenarnya kelulusan tanah telah diperolehi daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Cuma isunya, pemberian hak milik belum dikeluarkan kerana proses untuk ukuran dan juga bayaran premium itu belum dilaksanakan. Ini peringkat pelaksana di peringkat bawah ini yang mungkin pada masa itu ada masalah. Yang ini kita akan selesaikan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

[Ahli-ahli berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: 2.4.4.3.b, Syarikat Hannan Corporation masih belum melaksanakan model kerja ini kerana terdapat masalah yang dihadapi oleh syarikat. Syarikat Ace Front juga tidak menggunakan model kerja peladang kontrak. Program ini akan dilaksanakan susulan daripada program pemulihan kita ya. Program pemulihan ini akan melahirkan usahawan-usahawan akuakultur yang akan mengusahakan kolam-kolam tersebut secara langsung dan bakal dilaksanakan pada bulan Disember tahun ini.

■1230

Next, iaitu pematuhan syarat perjanjian model kerja tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya juga. Syarikat *Ace Front* telah mengeluarkan surat lantikan, ada enam orang peserta projek dan dipersetujui melalui mesyuarat jawatankuasa bersama. Bagaimanapun laporan gaji Oktober 2014 menunjukkan hanya empat orang peserta yang masih mengusahakan ternakan udang. Model kerja ini tidak menyumbang kepada produktiviti kilangnya. Jadi, sebab hasil tuaiannya pun tidak memuaskan. Dia tidak sampai ke *critical mass* untuk kilang itu. Jadi program ini tergendala sebab kes *Early Mortality Syndrome* (EMS). Jadi kita sedang buat proses pemulihan dengan NaFisH dan program ini akan dijalankan untuk mewujudkan peluang-peluang ini balik. *Again* ini akan dilaksanakan bulan Disember ini.

Perenggan 2.4.12.5, iaitu Pemantauan, lawatan fizikal oleh Bahagian Pertanian dan Teknologi secara berkala. Penemuan audit keseluruhan pembayaran pembiayaan dibuat tidak didokumenkan. NCIA juga tidak mewujudkan proses pemantauan. Sebenarnya kalau lihat Jabatan Audit Negara *first official visit was* pada 4 Ogos 2014. Akan tetapi kalau lihat kes *Ace Front*, *we reported this on* 25 November 2011. Kita sudah mula pemantauan pada 2011 lagi, masa itu projek itu belum dilanda masalah EMS.

Untuk E-Arowana Trading dan Hannan, *we had been reporting this issues to the audit committee during the meeting on* pada bulan April- *last reporting was on* April 2014. Di sini, kita telah menyentuh isu cuaca untuk kes Arowana yang tidak bertelur itu dan *the issue of buyback* iaitu *contract on agripreneur* untuk kes Hannan. *We even proposed* pada bulan April 2014, tiga *areas of improvement* untuk inisiatif ini.

Jadi memang kita sudah buat pemantauan, yang ini *it's not a matter* tidak ada pemantauan *but* memang kita ada pemantauan *and we even have a war room*. Kita ada *regular war room* punya *meeting*. *War room* ini di mana kita ada mesyuarat di kawasan mesyuarat yang tidak ada kerusi dan meja. Kita akan *discuss* berdasarkan pada carta-carta *and* kita *workout solutions on this*.

Next, Kawalan Biosekuriti dan Pensijilan Akuakultur yang tidak memuaskan. Di sini laporan audit ke program akuakultur pada bulan Oktober 2014 mendapat Syarikat Progressive Ocean dan E-Arowana Trading, tidak menyediakan kawalan biosekuriti. Selain daripada itu, hanya syarikat Ace Front yang ada sijil MyGAP ini. Sini kita sudah buat proses, satu program MyGAP di negeri Perlis dan Kedah kita sudah adakan pada 8 dan 9 September 2015. Hannan Corporation telah pun mengemukakan draf SOP ke arah mendapat pensijilan biosekuriti ini sebagai langkah pertama ke arah mencapai status MyGAP. Jadi sungguhpun E-Arowana Trading tidak mempunyai dokumentasi *on* benda ini tetapi dia sudah memasang elemen-elemen hendak menangani masalah biosekuriti seperti *holding* dan pemprosesan air masuk dan air keluar. Jadi memang ada.

Perenggan 2.4.8.2.b dan c. Kemudahan dan peralatan tidak digunakan secara optimum. Tuan Pengerusi, ini sebenarnya isu ini diduakan isu yang satu. Saya rasa isu ini sama dengan isu kemudahan dan peralatan tidak digunakan. Jadi tidak digunakan dan tidak digunakan dengan optimum ini benda sama.

Next item, Perenggan 2.4.2.2. Penunjuk prestasi utama tidak selaras dengan objektif program. Tadi kalau kita *report* kes ini sasaran kita sudah mengenal pasti benda ini sebab *the nature of* NCIA pada masa itu adalah berdasarkan kepada pendekatan pembangunan fizikal. Akan tetapi kini setelah kita dapat kelulusan penukaran hala tuju apa semua lepas pada tahun 2010, projek-projek baru kita memang kita buat berdasarkan pada KPI dan untuk projek-projek ini pun sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan mengikut program pemulihan NCIA. Jadi, sasaran tersebut akan dibentangkan pada mesyuarat jawatankuasa bersama sebelum 15 Disember.

Selain daripada itu, penemuan audit juga menyatakan bahawa Program Akuakultur Sungai Menghulu fasa tiga tidak dilaksanakan, yang dilaksanakan di bawah CNC Lab tidak mencapai KPI yang sebenarnya. Seperti bilangan sangkar yang dibina hasil pengeluaran setahun, bilangan pekerja dan jumlah bot. KPI bagi ikan hiasan di Sungai Tengas juga yang dilaksanakan di bawah CNC Lab, PEMANDU tidak mencapai KPI yang ditetapkan. Di sini kalau kita lihat, *as at* 5 Oktober proses tindakan mahkamah sedang berlangsung. Ia akan berlangsung 17 hingga 19 November ini tentang kes Sungai Menghulu. Sungai Tengas KPI asal adalah berasaskan pada perkembangan fizikal. Dia tidak *breach* lagi *agreement* itu, cuma ikan tidak bertelur sahaja. Di Sungai Tengas ini, KPI akan memberikan gambaran impak yang ditetapkan. Jadi *once we get this thing across, then we are able to do the next stage which is to engage* dengan *the local community*. *Next...*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ya. Kes dia. Dia ada dua kali dia kena bencana. Hilang 400 buah sangkar. Kalau ikut *agreement*, sangkar itu semua dia kena buat balik tetapi dia tidak buat dan dia minta kita *rectify the situation*. *But for us this is a private sector driven project* dan projek ini projek dia. Kita sudah bagi dana mudah cara untuk dia buat projek ini. Jadi di situlah dia tidak *meet* dan *now we are now in legal* punya *process*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk, sehubungan dengan Yang Berhormat Langkawi tadi, saya pun ada laporan daripada audit ini. POSB ini yang Sungai Menghulu kenapa sampai ada *legal action* ini daripada POSB *sue* NCIA *and then you* hendak *file counter claim* pula *and then case* 5 November ini belum tentu jalan lagi ini. Saya ingat *legal case* ini *easily take three-four years, five years maybe*. So, *what is going to happen to this project?* Persoalan saya tidak boleh *settle out off court between* NCIA dengan *company* ini *because we identify the problemkan*. *Any attempt to that?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey, *maybe I answer the first to do that question per say*. Kenapa jadi kes ini. Dia jadi kes ini sebab dia saman kita sebab dia hendak duit untuk buat dia punya pembaikan sedangkan *agreement* memang *very clear* benda ini dia punya. *We don't do it anymore*. Jadi, *that is the situation plus* sebab *because of all these things*, kita tengok dia tidak *comply*. *Lots of thing* dia tidak *comply*, jadi kita *take legal action* pula. Sebenarnya *this is a legal process...*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tapi Datuk *Sorry*. *You* sebut ini kita ada maklum balas ini. NCIA menegaskan bahawa pemberian dana fasilitasi tersebut bukan dalam bentuk pinjaman. Tapi terma tersebut merupakan hasil persetujuan antara NCIA dengan syarikat peneraju.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yes.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *That is why my question whether you can try to reconcile* benda ini. *Settle*.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Sekarang *unfortunately* benda sudah terlajak. *Legal process, the trial in progress and...*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Still settle even at the higher court, you still can settle*.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit tentang kata ditimpa bencana taufan. Siapa yang pergi *verify* kata betul Kedah bencana sudah hilang. Saya duduk dekat Langkawi pun saya tidak tahu kata itu hilang. So, siapakah *verify*?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ini...

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *I will not comment on that tapi yang I will comment on* siapa yang *verify* kata benda itu rosak.

■1240

Ini ialah berdasarkan kepada *claim* syarikat. Bila syarikat *claim* itu, kita hantar kita punya *team* untuk tengok, memang sudah tak ada sudah. Akan tetapi, *whether or not* dia buat apa dengan benda itu, kita tak nampak.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: Saya takut dia guna alasan sebagai bencana, dia hendak hilangkan masalah dia, jadi dia boleh bawa benda itu pergi tempat lain. Akan tetapi kalau kena bencana, mesti ada ia punya kesan-kesan.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yes.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: Itu saya hendak tanya, siapakah yang *verify*?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tuan Pengerusi, *I think I am not...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dia buat. Memang buat. Memang dia buat. *Confirm* dia buat.

I think this is a court case sekarang ini. *It's being debated in court at the moment.* Jadi *maybe*, itulah, *I'm a bit* serba salah hendak *debate* di sini. *But*, memang *confirm* dia buat dan bila dia laporkan kata benda itu sudah dihapuskan oleh taufan, kita memang pergi *verify*, memang sudah tak ada sudah. *That one I can confirm.*

Okey, *next*. Kalau tengok item 2.4.4.1.b, pematuhan syarat-syarat terdahulu perjanjian. Di sini terdapat sebanyak lima daripada lapan buah dokumen perjanjian, kalau tengok, yang perlu dipatuhi. *If you look at* kes syarikat Progressive Ocean, di sini isu tanah, itu kita sudah *explain* tadi. Sekarang kita sudah *apply*. Lagi satu, Ace Front pun isu tanah juga. Ini pun kita sudah *apply*. Jadi ini merupakan permohonan hak milik, dan keputusan dijangka akan dapat *by third quarter of next year* for yang dekat Perak itu.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tanah itu kita yang *apply*. Jadi tanah itu akan jadi *right* kepada kitalah.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Bila tanah itu jadi hak milik kita, aset yang ada atas tanah itu, macam *in the case of* Progressive Ocean ini, aset yang ada atas tanah itu akan jadi aset NCIA lah.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Sekiranya kita dapat syarikat baru selepas kes ini, kita dapat syarikat baru untuk menerajui balik program dekat Sungai Menghulu ini, kita akan buat proses balik aset-aset ini, kita akan gunakan balik untuk syarikat baru ini.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey, kalau ikut perjanjian, syarikat itu yang sepatutnya *apply* untuk *right* kepada tanah itu, tetapi dia tak *apply*. Dia tak *meet that condition* dalam *agreement*.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dia tak *apply*... *[Disampuk]* *Apply* tetapi tak berjaya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Kenapakah dia tak *apply*? Itu hendak tanya itu. Kenapakah dia tak *apply* kalau syarat mesti *apply*?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dia *apply* tetapi tak berjaya. *Sorry*. Dia *apply* tetapi tak berjaya.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Baru ini kita pula yang *apply*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Berjaya?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Belum dibentangkan lagi pada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, *this is supposed to be a very noble project with a very good objective. By right now, NCI A patut buat persiapan daripada awal dahulu. Tanah ini kalau patutnya hak milik kepada aset NCI A, bukan kepada operator sepatutnya. Jadi kita tidak boleh salahkan operator, pasal isu tanah ini akhirnya akan jadi milik dan aset kita.*

Macam Yang Berhormat Kota Bharu cakap itu, hubungan kita kerajaan dengan ada *all the Menteri Besar are with us now, you know, there shouldn't be any problem of having-* macam keadaan negeri punya masalahlah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *They work in isolation.*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau dalam *silo* lain lah. *Silo.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tuan Pengerusi, kita akan...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita dahulu jadi Exco Negeri, kita kata kalau Menteri Besar sudah cakap, ini agensi kerajaan, jalan. Belum lulus pun kita sudah boleh jalan sudah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Boleh sambung?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tuan Pengerusi, *if I can respond to that? Sebenarnya like I said...*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sebelum *you respond*, saya tambah sedikit. Soal surat tawaran daripada kerajaan negeri untuk mengguna pakai, syarat-syarat ada disenaraikan biasanya. Akan tetapi kita bayar- ada bayar premium tak? *When you bayar premium, bererti you have to do your own undertaking to do a kind of demarcation to the land with the extent of your land to be used, betul? So, after that, then your application for documentation of title for the land become as part of your asset, betul? So, I don't know how far you have done this.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Premium dia belum sampai *stage* itu lagi, Tuan Pengerusi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Bukan premium, deposit. *Deposit, you want to apply for the land. This is state land kan?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *State land.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *State land* lagi senang.

Tuan Pengerusi: Perjanjian *you* dengan pengusaha, adakah tanggungjawab *you* untuk pastikan pengusaha itu dapat tanah?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Pengusaha itu yang kena dapatkan tanah itu. Akan tetapi, kita bantu.

Tuan Pengerusi: Ini *legal* ini. *I* ingat kalah kes ini.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *The land was based on the understanding. Kalau government to government (G2G), dah approve dah. Akan tetapi, in this case...*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tawaran ini untuk siapa?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Kalau *agreement* itu, tawaran itu dia suruh NCI A. Itu yang kita kena *apply* balik itu. *That was the case.*

Again Tuan Pengerusi, *our challenge* masa itu *was this*. Dahulu, *there was serious lack of communication* yang kita sudah menangani masalah ini. Setiap negeri...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Waktu itu Kerajaan PAS.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yang ini...

Tuan Pengerusi: Itu yang lambat sebut-sebut tadi, Kerajaan PAS.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *I was in the unique position* yang pada minggu pertama saya bekerja, *I was in a unique situation where* saya kena marah dengan ayat yang hampir-hampir sama oleh Barisan Nasional, PAS dan DAP sebab komunikasi kurang. *Engagement* dengan komuniti kurang, susah. *Basically, the message is, "Pasal apa you buat macam ini?" That was the message.* So kita merungkai balik.

Cumanya, banyak *legacy project* yang ada ini yang saya kena tanggung sekarang. Macam kes yang konsultan tadi, kes kambing tadi. *In this case, akuakultur ini, memang kes ini saya tanggung dan I take full responsibility. We will fix this.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tak dapat aset itu, susah juga. Maknanya *loan* itu *you* bagi, *you* bagi *loan*, pembiayaan ke atas tanah tapi tanah itu bukan aset *you*. *That's the problem, I nampaklah.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *What we have done is*, Tuan Pengerusi, ini adalah selaras dengan agenda baru ini di mana kita *put the private sector to spearhead economic growth with the government playing the role of enabler and facilitator.*

Ini dia punya projek. Sebagai contoh, macam dekat *agriculture* ini, ia *tricky* sedikit, tak banyak. Akan tetapi kalau dengan *manufacturing*, memang tanah itu tanah dia, tetapi kita *in return for-* sebagai contoh macam di Perlis kita ada satu projek solar, *in return* untuk kita bagi dana mudah cara dengan dia, dia *legally oblige* untuk, satu, buat *solar farm* itu dan nombor dua, sebab dia ada kita punya *involvement* di situ, dia kena buat program kesedaran di sekolah-sekolah tentang *solar farm* dan pasang solar panel atas bumbung sekolah-sekolah untuk sekolah boleh *generate income* melalui solar dan kurangkan kos *electricity. This is how we work with the private sector to generate socioeconomic spill over to the people.*

■1250

Untuk *agriculture*, pendekatan baru kita yang kita buat setelah *after all these* ialah kita *engage* banyak dengan PPK untuk memastikan warga setempat pun turut serta. Ini kita boleh tengok di kawasan Kerpan, Kuala Muda Selatan, kita boleh tengok di kawasan Kerian, Perlis di Beseri, Pulau Pinang di Seberang Perai Utara. Ini pendekatan lain yang kita buat sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Maksud saya, maksudnya ini projek pertama *you* buat? Model ini.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ini semua projek awal.

Tuan Pengerusi: Modul pertamalah ini?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ini modul yang asal dahulu, yang sebelum kita sudah buat perubahan, sebelum kita sudah masukkan...

Tuan Pengerusi: Tidak. Modul pertamalah. Modul pertamalah.

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: Tuan Pengerusi, mengenai isu tanah ini memang kita akui ada kelemahan. Jadi sekarang kita hendak memperbetulkan balik, kita pun sudah buat *engagement* dengan semua SUK supaya benda ini kita dapat perbaiki dan kita *legalize* yang mana NCIA akan mohon dan mendapatkan geran. Kita akui yang masa peringkat awal itu memang ada masalah daripada segi pemahaman dan *engagement*, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Oleh sebab itulah Barisan Nasional, PAS dan DAP marah saya menggunakan ayat-ayat yang sama.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *We are doing something for a good cause. There is no politic.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *We have put in a lot of improvements.* Tuan Pengerusi, kalau lihat *all our projects after that*, memang kita sudah banyak *engage* dengan *local communities and the new initiative* yang kita ada macam *Community Innovation Centre* apa semua pun kita buat. Sebagai contoh macam di Teloi Tua di Kedah, *it is different now.*

Tuan Pengerusi: Ada *director personal guarantee* all these project, loan dia?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *On this project* bukan *director personal guarantee* tetapi *legally- no personal guarantee* tetapi *legally bound. The company is legally bound to comply with this.* Kalau tidak, kita *take* dia *to court.*

Tuan Pengerusi: Siang...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kalau kita balik tadi, total pembiayaan *is RM79.6 million*, keseluruhannya bukan. Itu semua duit kitakah? Duit kerajaankah?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Kalau tengok jumlah, Daripada segi jumlah projek itu-19.5%, yang lain itu duit dia sendiri.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kalau duit dia sendiri Datuk, macam mana tadi dalam banyak yang Datuk kata itu, NCIA telah mengenal pasti, macam-macam masalah yang NCIA *absorb*, kenapakah NCIA *absorb* masalah-masalah itu?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tidak, sebab...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: NCIA yang hendak tubuh itu, NCIA hendak pergi ambil, hantar lima orang usahawan, macam-macam NCIA buat itu. Kenapakah, syarikat buat apa? Kalau duit dia, kenapakah dia biar?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Sebab *legally.* Kalau ikut struktur itu, *legally* dia kena buat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Don't get sense that if that company invested out of RM80 juta,* Datuk kata NCIA beri cuma beri 20% iaitu RM16 juta, RM64 juta itu datang daripada syarikat, maksudnya syarikat ini sudah *let go.* Dia tidak hendak sudah. Dia *invested* kelima-lima projek itu, dia menyerahkan semua kepada NCIA sudah. Adakah itu yang berlaku?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tidak. Konsep pembangunan kita, bukan dia serahkan kepada kita. Sebenarnya dia yang menerajui, dia yang buat.

Cumanya *when you talk about private sector punya endeavor, the socioeconomic* punya elemen itu perlu dipantau. Kadang-kadang dia patut buat contoh 20 *agropreneur*, tetapi dia tidak buat sebab dia hendak semua itu pada dialah contohnya. Sedangkan *legally, they are bound to deliver* benda ini kepada kita. Jadi, *these are the cases* yang kita kena ambillah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Bayaran balik pinjaman, audit kata pihak audit tidak dapat mengesahkan asas penetapan agihan pembiayaan dan bayaran balik. So sebelum saya kata Datuk, saya hendak tanya JPM dengan UKAS dahulu. Kalau tengok penemuan audit, pertama, KPI yang ditetapkan tidak selaras dengan objektif program akuakultur. Kedua, perancangan program yang lemah. So macam mana JPM dengan UKAS ini boleh membenarkan ini jadi? Operasi kita fahamlah, tadi penyakitlah, kolam tidak ada, bencana, ini *act of God*. But *act of human* ini. *Act of human* ini, KPI dan perancangan. *How did you allow this thing to fail miserably* macam ini? You ada JPM, you ada UKAS. *How did it happens?* Kalau tengok daripada segi jawatankuasa ini, *half of the Cabinet*.

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: Terima kasih Yang Berhormat. Projek ini dia dalam tempoh yang panjang. Semasa peringkat permulaan itu, memang kita telah melihat potensi projek ini. Oleh sebab itu kita mengambil pandangan daripada UKAS bahawa projek ini mempunyai potensi yang besar dan kita keluarkan peruntukan. Cuma semasa proses dia berjalan Tuan Pengerusi, dia ada masalah daripada segi beberapa perkara yang telah dibangkitkan tadi. *That is why* sekarang yang kita ada baki yang *RM10 million* yang masih ada di JPM itu, kita tidak keluarkan lagi sehingga semua isu ini diselesaikan dan memberi pulangan balik kepada kerajaan dan sebagainya. Ini kita tahan. Memang peringkat selepas sahaja Audit memberi teguran dan sebagainya, kita telah menahan beberapa peruntukan yang patut kita keluarkan kepada NCIA.

Mungkin Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husni hendak tambah sedikit.

Tuan Pengerusi: Saya tidak berapa *clear* ini. *Out of RM79 million* ini, berapa *private sector*, berapa *you* punya ini?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Actually, total* projek itu RM408.4 juta. *Out of it, 19.5%* pembiayaan NCIA *which is RM79.6 million* itulah.

Tuan Pengerusi: Okey. *Oh I see*. Saya tidak berapa- berapa *private sector* sudah *spent*?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Macam Tuan Pengerusi tanya tadi, yang kita dapat itu. Kita tidak tahu yang RM400 juta itu, kita hanya tahu RM79.6 juta. Satu, dua, tiga, empat, lima projek ini. So RM80 juta itu, berapakah duit NCIA, berapa duit syarikat?

Tuan Pengerusi: Ini semua duit NCIA ini. RM80 juta ini.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: RM79.6 juta itu semua duit NCIA.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kelima-lima syarikat ini 100% NCIA?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tidak. *Total project cost* ialah RM408.4 juta. *Out of it, RM79.6 million* atau 19.5% itu duit NCIA.

Tuan Pengerusi: Sebab apa yang akhir itu, yang RM30 juta itu banyak dapat keluar awal sebab dia modal besar... [Disampuk] Geran besar, RM30 juta...

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yang RM36 juta itu...

Tuan Pengerusi: Dia begini. *To be fair*, gambaran perlu diberi. Syarikat yang mendapat besar itu RM30 juta dengan RM39 juta, berapa yang dia sudah *spent*? Syarikat itu sendiri, duit dia sendiri, baru kita tahu daripada segi itu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Contohnya katalah tadi POSB. POSB pembiayaannya RM23 juta. Berapakah syarikat, berapa kita? *Portion* dia, contohnya.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Setiap projek itu *ongoing until* projek itu tamat. Sebagai contoh macam Hannan ini, *I think progressively we are still unable to identify* sebab dia masih dalam proses. Akan tetapi macam tengok E-Arowana, memang dia sudah *spent* dia punya pembiayaan.

Tuan Pengerusi: E-Arowana yang mana? Arowana yang nombor berapa itu?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: EATSB.

Tuan Pengerusi: EATSB. Akan tetapi *you* keluar baru berapa juta?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ini kerajaan RM5 *million*.

Tuan Pengerusi: RM5 *million*. Ini yang Selinsing ini.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Selinsing ini, dia masih sedang berjalan lagi projek ini. Jadi, dia belum keluarkan kesemuanya lagilah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kalau EATSB itu RM5 juta kita, dia berapa?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dia mengikut *entire amount of the project*. Dia sudah lengkap di dua buah kawasan iaitu di Bukit Merah dan juga di Sungai Tengah.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini, minta maaf Tuan Pengerusi. Datuk Rafiq, *to be clear* juga JPM. Kerajaan RM79.6 juta. Jadi *we want to know* yang kerajaan punya yang telah dibelanjakan RM68.78 juta, *right*? Ada baki RM10 juta. *Now the* pengusaha itu sendiri, *out of this RM328.80 million*, berapa telah dibelanjakan oleh mereka dari *their part on this project*?

■1300

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey, kalau tengok, *some of them*, kita boleh cakap, *yes* dia sudah belanjakan banyak- itu sebab *completion of delivery*. Setengah itu kita tidak boleh lagi sebab dia tidak habis lagi, projek itu masih belum lengkap.

Tuan Pengerusi: Saya cuma hendak melihat sama ada kita *fair* atau tidak *fair* kepada syarikat swasta ini. Satu lagi, elemen kedua sama ada *you control* atau tidak. Kalaulah umpamanya saya ambil tadi *government* keluarkan RM36 juta yang Selinsing ini, tetapi sebenarnya dia baru keluar duit dia RM36 juta juga, sama, *actually you* salah. Akan tetapi katalah umpamanya kalau Selinsing ini sudah keluar RM100 juta katalah ya- berapa projek semua? Akan tetapi *you* keluar RM36 juta, tetapi dia tidak ada geran, *it's not fair to him*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: RM408 juta itu mana? Manakah dia RM408 juta?

Tuan Pengerusi: Maksudnya begini. Kalau dia sudah keluar *80% of total cost*, *you* keluar *10%* tetapi geran tidak ada, *you are not fair to him because you are not fair to private sector*.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tuan Pengerusi, *each of the component* dia berbeza. Macam contoh yang Hannan Corporation di Selinsing dan Pulau Gula, memang *special TOL* sudah dapat. Itu *no issue*. Tanah itu kita sudah dapat *special TOL*. TOL sepuluh tahun untuk *deliver* benda ini.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Datuk, *the whole morning you are talking about actually salvage operation, how to salvage this project*. Akan tetapi kalau kita bagi daripada peringkat awal, kalau semua kontraktor ini gagal, *it look like you are fail before you even started. These projects are meant to fail actually* kalau tengok alasan-alasan yang ada sekarang ini. *So, can you actually tell us*, sebelum kita tentukan perusahaan ini, *what study have you done?* Apakah kajian dia?

Kalau kita buat apa-apa macam penternak udang, ikan dan sebagainya, siapa menentukan lokasi *and what have you done really to determine* buat kajian mengenai air, cuaca, perparitan dan sebagainya. *And then finally*, bila kita *select* kontraktor ini, apakah pengalaman dia? *Because you are talking about million here and you expect them to invest million also*. Apakah pengalaman dia?

Now, we are talking about the failure of- masalah-masalah itu timbul kerana sudah gagal. Kalau tak gagal, tak timbul masalah ini. *But all five contractors have failed, there must be a reason for this. It must be a wrong start*. Jadi kita hendak tahulah sekarang inikan, *how did we get...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itulah Yang Berhormat Telok Kemang, ia balik kepada JPM dengan EPU tadi. Sebab itu saya kata tadi, satu, KPI yang ditetapkan tidak selaras dengan objektif program akuakultur. *That is a basic*. Kedua, perancangan program yang lemah. Pemilihan syarikat pelaksana adalah berdasarkan kertas cadangan perniagaan. *You know, I mean- then don't talk about pelaksanaan tadilah, you release duit, geran bukan you punya, pencawang elektrik tidak ada. I mean, my God, those are Standard 6 punya issue lah. How did this happen?*

Saya hendak tanya pelaksanalah. NCIA tidak apalah, *you operator* di bawah. *I wanted to know from JPM, EPU dengan UKAS ini. I mean, you are doing so well, UKAS* berbilion-bilion kontrak *you manage*, macam mana *you* tidak boleh *manage* dalam ini.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dalam *structure* ini, UKAS *suppose to* pantau dengan apa semua, bukan? Jadi macam mana boleh jadi macam ini?

Dato' Ahmad Husni bin Hussain [Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS)]: Dahulu masa peringkat perancangan awal, kita berdasarkan kepada maklum balas daripada NCIA sendiri yang mengatakan ada potensi. Saya cuma...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Mic* itu tarik sedikit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Kuat sedikit.

Dato' Ahmad Husni bin Hussain: Cuma masa peringkat awal dulu, cadangan ini berdasarkan kepada cadangan daripada NCIA sendiri yang mengatakan memang ada potensi untuk projek ini berjaya. Akan tetapi *along the way*, memang ada banyak masalah pelaksanaanlah. Kita akui memang perlu dibaikilah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Siapa sebenarnya membuat keputusan ini, projek-projek ini? Projek udang, ikan arowana dan sebagainya, siapakah sebenarnya yang membuat keputusan?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Dulu, *again*, yang masa saya masuk mula-mula dulu ya, benda ini muncul dan memang ada macam itu sahaja. *But now... [Ketawa]* Benda ini *I have to carry. Why you mentioned it is sound like a salvage operation because to me, it is. I have to salvage this because I am responsible. I have to salvage this.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk, isu sekarang bukan Datuk Redza tetapi NCIA *that we want to know.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Correct, correct. Jadi my point is moving forward ya, kalau tengok sekarang macam kita sudah buat in cost of doing this, kita sudah ada studies kita and that's why when we move forward, kita ada komponen-komponen baru yang kita dah buat berdasarkan kepada kajian-kajian yang kita sudah buat. Akan tetapi yang legacy issues ini, I hendak explain pun, you know...*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Siapakah yang bertanggungjawab masa itu? *Who is before you- your predecessor?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yang Berhormat, *again I am doing this job now, I take full responsibility, Tuan Pengerusi.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *No, no you are talking about who was responsible right from beginning. We would like to call him to explain to PAC.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *It's NCIA lah.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Can you tell us who was responsible from the start? Jadi kita boleh panggil dia untuk memberi penjelasan pada PAC, betul tidak?*

Tuan Pengerusi: Sekarang sudah pukul satu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Boleh tanya, Tuan Pengerusi? Ini soal Datuk bagi keyakinan bahawa kita boleh teruskan NCIA ini, projek ini. Apakah jaminan yang sebenarnya mengikut R&D bahawa *this project is still viable? In what way you are saying you are confident that this project is viable? Because, saya look at it, you have really failed from the bottom and your capital is no longer there. So, how do you expect this to be viable? Unless, maybe, you have a very interested investor to ensure this project can go, you can proceed. Do some housekeeping maybe. Maybe potential investor from outside. If there are any? Ada?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Okey, I would be confident because of what we have done before. Sebelum ini ada satu kes di mana penternakan kambing, kita sudah buat, memang for moment that was disaster but we have instituted the recovery process and now projek itu sudah macam jadi pride of Jabatan Veterinar.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Datuk, Datuk, balik cerita ini, Datuk. Boleh tidak kita hendak tahu proses dia ini? Siapakah luluskan projek ini? Asalnya ini. Kita orang tidak boleh tengok *the viability*. Audit ini kita cuma tengok *governance* sahaja. Kita tengok sama ada, ada penyelewengan ataupun tidak. Ada unsur-unsur ataupun tidak. *The viability, you will be the better person. Akan tetapi looking at this, I can't come to sense why all these decision are made. Why all these money are release. So I wanted to know siapa yang membuat kelulusan ini, jabatan mana? JPM kah, UKAS kah, NCIA dulukah?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okey, sebenarnya pembentangan NCIA berdasarkan kepada *four key trust areas* kita iaitu *agriculture, manufacturing, tourism* dan *logistic* di mana pendekatan untuk menggunakan sektor swasta sebagai peneraju ini, kita menggunakan platform kajian NCER yang dilaksanakan oleh Sime Darby di mana fasa pertama, *we rely on anchor companies*. Akan tetapi apabila masuk fasa kedua, *it is not anchor company anymore, it is more industry development*. Jadi di sini perubahan kitalah. Akan tetapi pada fasa pertama itu, banyak kita buat pembangunan *infrastructure as oppose to actual regional development* punya inisiatif. *So, this is the changes that we have to go through* lah.

Tuan Pengerusi: Banyak perkara yang kita tidak dapat. Pertamanya, bagaimana audit, Datin Paduka ya, bagaimanakah mula dulu projek? Siapakah buat keputusan? *Then*, seperti saya cakap tadi, *ratio* itu kita hendak tengok, sama ada projek ini boleh terus atau tidak boleh terus. Maknanya komitmen *private sector*, NCER- eh, NCER itu Pahang ya. NCIA. Ada CIA itu.

■1310

Jadi kalau begitu, kita boleh buat *assessment* dan seperti kata tadi, kita bukan bertujuan untuk melihat. Kadang-kadang saya pun tersalah juga untuk melihat *viability of project, which is not our duty*. But kita *ascertain whether you have to scrap, or you have to go*. Makna kalau *not fair to the private sector, just spend money* tetapi tanah tidak dapat. *Not fair* juga kan? Jadi saya nampak tadi cakap tanah akan diberikan kepada NCIA. Kalau saya *investor*, saya tidak akan terus. Buat apa? Saya tidak akan dapat harta itu. *I spend money, I don't get the asset*. So, itu yang kita kena pertimbangkan.

Why should I spend more money whereas tanah ini dapat ke NCIA? So, I don't have asset. So, itu yang kita hendak nilai, *just* hendak lihat sama ada *you correct*, kaedah *you* betul atau tidak. *Some of us* ada *businessman* lah. Saya pun bila lama 10 tahun tidak jadi wakil rakyat itu, jadi ahli perniagaan. Faham sedikit nak berniaga ini. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu lagi faham berniaga.

So, kita hendak ascertain. This is very important, to ascertain whether you have to scrap or you have to- kalau dapat tanah itu, *you* untunglah, *you* boleh jual balik *recover the loan, recover the RM78.9 million*. Itu yang kita hendak lihat. Saya ingat jam sudah pukul 1.00, *we cannot proceed furthermore*. So, *we have to call you again...*

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: Tuan Pengerusi, hendak tambah sedikit sahaja. Lanjutan daripada pertanyaan Tuan Pengerusi itu, saya pun hendak tanya juga. Fasal apabila kita buat satu projek, misal kata di Langkawi contohnya, dia ada *portion* yang NCIA bagi dan dia ada *portion* yang diberi oleh syarikat itu. Akan tetapi dalam isu ini saya hendak tanya apakah benar syarikat itu *invest portion* dia? Ataupun dia hanya mengambil duit daripada NCIA dan *invest*, tetapi dia tidak mengeluarkan duit bahagian dia. Ataupun dia *inflate* harga RM3, dia letak RM300. Siapa yang pergi *verify* nilai yang diberi itu....

Tuan Pengerusi: Itulah yang saya cakap tadi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad: Ha, okey, okey. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, ini hendak tanya Datuk Rafiq. Kerajaanlah, *put it* kerajaan *here* sudah belanja RM68.78 juta, kita ada baki RM10 juta.

Kita hendak tahu dalam yang telah pun sepanjang program berapa yang telah dikeluarkan, itu yang Yang Berhormat Langkawi bertanya itu. Berapa yang telah dibelanjakan oleh pihak swasta ini? *We want to know*. Kalau tidak ada sekarang, *you give us* kemudian. *Then, we know* berapa yang dia mengeluarkan, kelima-lima syarikat, bahagian mereka masing-masing.

Tuan Pengerusi: Saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Seri dan tuan-tuan sekalian. Nampaknya kita kena panggil *you* balik, kena panggil balik dengan *Audit Department* bagi apa benda-benda yang perlu kita – berapa geran, geran mana, berapa yang kena bayar balik. Tak jelas saya nampak tadi. Dalam *you* punya pun tidak jelas, geran balik, bayar balik berapa daripada NCIA. Tak jelas tadi, ya. Kalau geran maknanya hangus lah. *Grant is a grant* lah. Ada geran kan, ada kan? Berapa kena bayar balik, tak berapa jelas dalam *you* punya *briefing*. So, kita akan panggil orang yang dahulu, orang yang dahulu pun kita panggil, boleh panggil. *Former CEO...*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Head of Agriculture*.

Tuan Pengerusi: Itu lagi kalau pegawai kerajaan, dia kena datanglah.

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: Tuan Pengerusi, boleh saya- sebelum Tuan Pengerusi beri penutup, boleh saya bagi sedikit pandangan?

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: Bagi projek di bawah NCIA ini, seperti mana-mana projek, ia dipohon oleh NCIA sendiri kepada pihak EPU. Akan tetapi sebelum sampai di peringkat EPU itu, pihak UKAS akan menilai projek-projek yang dipohon sama ada *viable* atau tidak. Kemudian dia akan diluluskan di bawah Rancangan Malaysia yang berkenaan untuk diluluskan oleh pihak EPU. Cuma apabila kelulusan itu sudah diperolehi, peruntukan itu akan dikeluarkan dan diletakkan di bawah JPM. Jadi JPM akan mengeluarkan peruntukan berdasarkan kepada perakuan projek itu hendak dijalankan dan semua pemilihan itu dibuat oleh pihak NCIA daripada segi syarikat dan sebagainya selepas diluluskan oleh *Board* di dalam NCIA sendiri lah. Jadi sebelum kita keluarkan, kita pun mohon kepada pihak *Treasury* untuk memastikan bahawa jumlah yang kita keluarkan pada suku tahun itu memadai dan berdasarkan kepada peruntukan ikut kita punya *cash flow* yang dipersetujui oleh NCIA.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Viability* dia siapa yang buat keputusan?

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: Pihak NCIA dan juga UKAS sendiri.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood: NCIA. Ya. JPM cuma menyalurkan berdasarkan kepada keperluan yang dipohon selepas dipersetujui oleh pihak MOF dan juga pihak UKAS sendiri. Itu dia punya struktur perjalanan macam soalan daripada Dato' Abd. Aziz tadi.

Tuan Pengerusi: *You* keluarkan RM36 juta macam- sebenarnya kerja tidak ada nilai pun RM36 juta. *That's the worst*. Ini yang paling membimbangkan kita. *You* keluarkan RM36 juta, tetapi nilai kerja *on the ground not even RM36 million*. *That is the worst permission*. Itu yang audit kena *ascertain* lagi, *I* ingat *you have to go deeper this one, maybe*.

Datin Paduka Ong Swee Leng: Tuan Pengerusi, *I just want to add on. First, from our audit, we have five companies. Dua company yang tidak ada penyata kewangan, tiga yang ada penyata kewangan. So, bila kita assess yang penyata kewangan tadi, saya punya slide itu, kita nampak bahawa company itu daripada analisis, memang dia punya kemampuan atau financial position dia memang very weak. Liability is more than the asset. Current liability and current asset.*

So, untuk memastikan sama ada berapa company itu telah mengeluarkan modal selain daripada kerajaan yang sudah bagi about RM68 million itu, because RM10 million is only for one company yang belum keluarkan. The rest four companies already fully given out as pinjaman already and grant. So, one company, Hannan sahaja yang ada RM10 million yang masih outstanding. So, portion yang telah pun disalurkan oleh syarikat pelaksana itu, memang audit tidak dapat dipastikan.

Tuan Pengerusi: *There is- itu yang penting sekali.*

Datin Paduka Ong Swee Leng: *Yes. They are not verified that portion and we even asked NCIA, cannot verify that portion. How much have they actually- because record keeping is very poor down there. In fact we want to find out berapa- one of them is also sumbangan that they have to give was spent of five years, 17 years. That also we cannot verify how much actually sumbangan should have come in or whether the company, dia sudah jual, ada tidak dia bagi sumbangan. That also we cannot verify.*

And to add on to it Tuan Pengerusi, financial statement of NCIA 2014 have not been audited. We have audit, but there was ding dong ding dong lah because of this pinjaman as well as the sumbangan. So, as at to date, it has not- the Audit Certificate had not been certified, 2014.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datin Paduka Ong Swee Leng: *2013 settled.*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya fikir Tuan Pengerusi, kita kena bagi dia peluang jugalah. Kita bagi peluang kalau boleh kita panggil dia semula. Akan tetapi apa yang saya lihat di sini, *finding* daripada audit yang pertama tiada hasil langsung sejak operasi. Selepas itu, kita punya terma perjanjian yang lemah. Ini kerana setiap perancangan kita ini tidak semestinya berjaya. Kalau berjaya, *alhamdulillah*. Kalau tidak berjaya, kalau *we have already expose ourselves to an extent now, if we can cut off, we cut off. This is our job now not only to find fault, but at the same time we must be able to give nasihat ataupun cadangan kita sama ada projek ini patut diteruskan ataupun sebaliknya. Akan tetapi saya lihat...*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *The level of confidence that we can salvage this. What is the- I mean...*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ha, *level-* kawasan saya, saya lihat ada akuakultur punya projek, Tuan Pengerusi. So, apabila kita sudah tinggalkan sahaja, *there is no way that you can start back because it will incur you a lot of expenses* melainkan kalau ada satu investor yang benar-benar kuat, yang *strong*, lain ya. Kalau tidak ada, susah. *It's out, everything is out.*

Kalau misal sekarang, kalau adakah sesuai ataupun *viable to go ahead or otherwise, we back out. Because now, it's better to cut loss, rather than exposing ourselves to more losses.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Pendek sahaja. Saya rasa isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan semua betul dan yang paling penting adalah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi iaitu kita perlu tetapkan di mana kita *cut off*. Banyak projek kerajaan yang buat memang gagal, dan tiap-tiap kali cuba pemulihan dan masalahnya *it's like throwing good money after bad*. Pemulihan ini lebih mahal daripada kos projek dan apa-apa kesan yang dapat dibawa kan. So, mungkin kita perlu dapatkan satu laporan *cost benefits* sama ada kita perlu terus tanggung kos projek ini. Terima kasih.

■1320

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita jangan lupa, *we can also be sued by the company involved because...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Sebab itu kita kena buat analisislah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Satu, rugi. Kedua, *the exposure* kerajaan kepada kesilapan-kesilapan ini, sama ada dia boleh *counter sue* kita lagi. Dahlah kita sudah rugi tadi, kita hendakkan rugi lebih lagi.

Satu lagi Tuan Pengerusi, bilakah agak-agak NCIA punya akaun boleh siap ini? Kita bercerita dekat 1MDB, NCIA pun adik-beradik juga?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Akaun ini sebenarnya Tuan Pengerusi, *I think* kena *clarify* di mana ada satu isu *loan*. Dia kata kita bagi *loan*. Sebenarnya NCIA ini *is not in the business of giving loans. What we do is* bila kita bagi duit itu, *it is in a form of-* dia sebenarnya *a type of grant* tapi dia ada pembayaran balik. Dia bukan pembayaran balik, dia *contribution* balik di mana kita guna duit itu ataupun kita guna program-program dia untuk buat inisiatif-inisiatif komuniti di sekeliling. *That was the reason why* benda ini- sebelum ini, benda itu memang kita buat tetapi tidak pernah di *highlight*kan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ada *proper papers on that or not?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Ada.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Agreement* kah apa?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Memang semua ada.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadual bayaran baliknya?

Datuk Redza Rafiq: Cumanya, *there is a difference of opinion* antara whether it is a loan or it is not a loan. Sebab...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *If it is all complete, then shouldn't be any...*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Actually*, AG sudah bagi keputusan. AG sudah bagi keputusan *on this*. *Attorney General* sudah bagi keputusan *on this*. So, *we will comply with the* keputusan *and we will reflect it accordingly*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Datuk Rafiq, mintalah apa-apa yang telah dibagi balik itu baik dalam bentuk kewangan ataupun program-program itu. Boleh tidak? Senaraikan apa pulangan yang diberikan balik setakat ini. Kalau ada lah ya. *Return* ke mana-manalah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *I think we should be honest with ourselves* lah. Macam sambungan dari tadi kan, *whether we should continue or we should dismount. We got to be very honest with this.*

Datin Paduka Ong Swee Leng: Tuan Pengerusi, *just to add on this* sama ada dia pinjaman atau tidak, *because we are going on an accounting principal*, dia ada *agreement* dengan syarikat pelaksana dan *agreement* itu ada *terms of repayment, terms of this loan to be given. So, under accounting concepts, it is a loan... [Disampuk] AG is we all. AG, with our AG* lah. *We have a session...*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Attorney General*, bukan *Auditor General*.

Datin Paduka Ong Swee Leng: *Yes. And I think they...*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yang kita dapat keputusan baru ini *is by Attorney General*. Tak apa, *we will comply. I had discussion with Dato' Sri Wahid on the treatment. So, kita akan ikutlah.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Attorney General* kata apa?

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Attorney General* kata, *loan. Sorry, dia kata bukan loan.* Dia kata bukan *loan*, dia kata *geran*.

Datin Paduka Ong Swee Leng: *You talk about Dato' Sri Wahid which we had a discussion.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Yes but...*

Datin Paduka Ong Swee Leng: *Dato' Sri Wahid also agreed that is a loan.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Tapi tadi kita dapat keputusan *Attorney General*.

Datin Paduka Ong Swee Leng: *No. But accounting principal is substance over form then.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *This is, as you can see, account...*

Tuan Pengerusi: Begini, *with my little knowledge about the BAFIA ini, you cannot- if you are bukan company* yang ada lesen, *you* tidak boleh buat *loan. This is basic principal.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Precisely, yes.*

Tuan Pengerusi: *That is the basic principal. Itulah ada itu sikit.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Akaun sebenarnya sudah siap.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi ada itulah, *I ingai you* tidak boleh ambil *interest. Saya rasa you* tidak boleh ambil *interest.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Memang kita tidak ambil *interest.*

Tuan Pengerusi: Tidak boleh ambil *interest.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Confirm* tak ambil *interest.*

Tuan Pengerusi: *No interest ya?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *No interest.*

Tuan Pengerusi: Okey. *Anyhow, let me summaries it. We have to call you back.* Kita akan panggil *you* balik. Perkara-perkara tadi daripada segi jumlah pinjaman, geran, jumlah yang *you spent*, berapa yang syarikat *spent and* apa lagi tadi benda-benda yang *to ascertain...?*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *The cost benefits analysis.*

Tuan Pengerusi: Itu *and then, I'm concern about company sue* kerajaan ini. Ada kemungkinan ini. *You* kena tengok aspek itu juga dan kita hendak tengok sama ada semua tanah itu sudah dapat kelulusan ke NCIA atau tidak. Kalau dapat, *alhamdulillah*, maknanya *you* ada aset jugalah. Walaupun *you* hilang sikit tapi *you* ada aset *and* paling kurang *you* boleh *recover* dengan jual aset ini pada *private sector* yang *strong* macam kata Yang Berhormat Alor Gajah tadi. Dia kata itu. Ini aspek-aspek yang kita harus lihat dari segi- ataupun ada elemen kata *you* keluar RM36 juta tadi, sebenarnya *private sector* tidak keluar satu sen pun. Itu sudah dikira...

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *With your permission* Tuan Pengerusi, *I would like to revert to the PAC* dengan, *I think next* pembentangan kita buat *cost benefits analysis* sekali. *So that* kita boleh tunjuk *what would be the project* yang kita *worth* untuk *maintain*, *what will be the project* yang kita kata *I think we should stop.*

Tuan Pengerusi: *Because sensitivity analysis* sikitlah.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Yes.

Tuan Pengerusi: *Sensitivity analysis, analytical analysis.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *We will start with the comprehensive* punya report.

Tuan Pengerusi: *Better that way.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Would like to request for a period to do this.*

Tuan Pengerusi: *Oh yes, certainly. We will give you ample time to come back.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: Okay.

Tuan Pengerusi: Tengoklah kalau *you* hantar cantik, tak payah panggil pun tidak apa. *Cantik means very analytical and very- your sensitivity analysis convince us not to call you. That is very important.*

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *I would like to request for a period of three months to actually revert.* Sebab, *if you want to do a cost benefits analysis and sensitivity analysis...*

Tuan Pengerusi: *Is too long, too long. Three months is too long. Certainly it is too long. Okay.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tiga bulan saya tidak kisah tapi *get the NCIA account audited as soon as possible.* Yang ini tidak apa, nak ambil tiga bulan kah apa. Cuma, *account must be audited now.*

Tuan Pengerusi: Nanti jangan sampai kita suruh panggil NCIA.

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *What we can commit to you is we get the accounts ready as soon as possible and* tiga bulan untuk *study* itu.

Tuan Pengerusi: Okey, *Members of PAC, tiga bulan is fair?*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Yang itu *studylah*. Yang maklumat-maklumat tadi itu, bagi awallah, yang macam berapa banyak syarikat sudah belanja itu boleh bagi awallah.

Tuan Pengerusi: Itu kena cepat. Okey. Kita ucapkan terima kasih Datuk Seri dan kepada Dato'-Dato', pegawai-pegawai sekalian kerana hadir. Tengoklah macam mana, kalau kita terpaksa panggil, kita panggil. Pegawai yang dulu pun kita boleh panggil. Kalau *you* punya itu...

Datuk Redza Rafiq bin Abdul Razak: *Actually*, pegawai dulu, *I think maybe on the former head of agriculture*, kita panggil lah.

Tuan Pengerusi: *We summon, PAC will summon him.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Datuk Seri. Ahli-ahli PAC... *[Disampuk]* Ya, sila Datuk. *Anything, Sir?... [Disampuk]* Okey, terima kasih. Kita nak teruskan ini. Kita ada sedikit dua, tiga perkara. *Housekeeping* kita.

[Saksi-saksi keluar meninggalkan Bilik Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli PAC, kita berharap kita akan boleh selesaikan laporan 1Malaysia Development Berhad menjelang akhir tahun ini. Kita akan panggil dua sesi pada 25 hari bulan dan 1 hari bulan. Kalau kita rasa kita perlu panggil, kita akan panggil kerana kita hendak selesaikan pada tahun ini juga. Manakala bukan musim Parlimen, saya harap Ahli-ahli PAC pun boleh datang dalam kita bersidang bukan masa Parlimen kalau kita terpaksa panggil lagi. Saya rasa mungkin dalam dua, tiga kali kita akan panggil... *[Disampuk]* Itulah dalam jadual. *The second CEO* sendiri.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Saya memikir *second CEO* itu dia tidak ada sangat *role*. *Carry power* sahaja.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Mungkinlah tapi kita akan panggil. Maknanya ada kemungkinan kita akan panggil *Chairman* pun kita akan panggil. Kita cubalah. Kita cuba selesaikan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tak apalah, kita tengok keadaan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Small opinion*. Memang saya suka kalau dapat selesaikan lebih awal pada bulan Disember tapi saya rasa *from a practical stand point*, mungkin *from experience, even after we finish all the interview, it will take another one month or two* sebelum habis laporan. Biasanyalah. So, tarikh mungkin agresif sikit sebab memang kita ada sekurang-kurangnya empat, lima badan ataupun orang lagi untuk dibawa untuk *interview*. So, *I'm not sure whether the timeline is realistic*. Itu sahaja yang saya nak bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Walau bagaimanapun, oleh sebab *national interest*, kita cuba segerakanlah. Biar rakyat tahu, senanglah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *The expectation from public.* Okey.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Satu, Arul.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Yang lain ada tetap tarikh belum?

Tuan Pengerusi: Kita belum lagi. Kita tengok berdua itu, kita *should know*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Chairman* lain. Kita panggil *Chairman*.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih semua. Mesyuarat ditangguhkan.



[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.31 petang.]



**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**

**TAKLIMAT KEPADA
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
MENGENAI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2014 SIRI 2**

**PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
18 NOVEMBER 2015**



PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

1

OBJEKTIF, SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

OBJEKTIF PENGAUDITAN


Menilai sama ada Pengurusan Program Akuakultur telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

SKOP DAN METODOLOGI

- Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Pengurusan Program Akuakultur.
- Pemeriksaan dokumen perjanjian, fail, minit mesyuarat, rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun 2011 – 2014 di Pejabat NCIA serta 5 pejabat syarikat pelaksana.
- Lawatan fizikal di 5 program akuakultur di Perak dan Kedah.
- Temu bual.
- Soal selidik.

LATAR BELAKANG NCIA DAN OBJEKTIF PROGRAM AKUAKULTUR

Ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).



- Meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi penduduk setempat melalui program yang dilaksanakan.
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat secara tetap atau sementara.
- Melahirkan usahawan.
- Meningkatkan pendapatan negara melalui eksport hasil program akuakultur.

3

PERUNTUKAN KERAJAAN DAN PERBELANJAAN

PERKARA	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN				
RMKe-9				
Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)	Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) • Ternakan Ikan Air Masin, Pusat Transit Dan Kuarantin Serta Kilang Pemprosesan Makanan.	15.00	15.00	-
Anaza Sdn. Berhad (ANAZA)	Program Ternakan Ikan Sangkar Marin (PTISM) • Ternakan Ikan Air Masin di Penarak, Langkawi.	1.50	1.50	-
Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)	Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK) • Ternakan Udang Putih Dan Kemudahan Pemprosesan	14.00	14.00	-
E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB)	Program Ikan Hiasan (PIH) • Ternakan Ikan Hiasan (Kelisa) Di Bukit Merah, Perak	1.00	1.00	-
RMKe-10				
Hannan Corporation Sdn. Berhad (HCSB)	Program Akuakultur Selinsing, Perak (PASP) • Ternakan Udang Putih Di Selinsing Dan Pulau Gula, Perak	36.00	25.18	10.82
JUMLAH		67.50	56.68	10.82
DANA PEMANDU				
Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)	Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) • Ternakan Ikan Air Masin, Pusat Transit Dan Kuarantin Serta Kilang Pemprosesan Makanan.	8.10	8.10	-
E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB)	Program Ikan Hiasan (PIH) • Ternakan Ikan Hiasan (Kelisa) Di Sungai Tengas, Kedah	4.00	4.00	-
JUMLAH		12.10	12.10	-
JUMLAH		79.60	68.78	10.82

KOS DAN PEMBIAYAAN PROGRAM AKUAKULTUR

SYARIKAT PELAKSANA	KOS PROGRAM (RM Juta)	PEMBIAYAAN NCIA (RM Juta)	PEMBIAYAAN SYARIKAT (RM Juta)
Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)	41.90	23.10 (55%)	18.80 (45%)
Anaza Sdn. Berhad (ANAZA)	2.00	1.50 (75%)	0.50 (25%)
Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)	25.00	14.00 (56%)	11.00 (44%)
E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB)	189.50	5.00 (2.6%)	184.50 (97.4%)
Hannan Corporation Sdn. Berhad (HCSB)	150.00	36.00 (24%)	114.00 (76%)
JUMLAH	408.40	79.60 (19.5%)	328.80 (80.5%)

5

RINGKASAN PENEMUAN

1

Prestasi Program Akuakultur Adalah Kurang Memuaskan.

- 1.1 KPI Tidak Selaras Dengan Objektif Program Akuakultur
- 1.2 Perancangan Program Yang Lemah
- 1.3 Sangkar Dan Kolam Tidak Digunakan Secara Optimum
- 1.4 Sangkar Diusahakan Oleh Syarikat Lain
- 1.5 Kilang Pemprosesan dan Lokasinya
- 1.6 Peralatan dan Kemudahan Tidak Digunakan Secara Optimum dan Tidak Diselenggara
- 1.7 Tiada Hasil Pengeluaran Semenjak Beroperasi

2

Pematuhan Terhadap Terma Perjanjian Antara Syarikat Pelaksana Dan NCIA Adalah Lemah.

3

Kemampuan Kewangan Syarikat Pelaksana Untuk Membiayai Projek Diragui

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.1 KPI Yang Ditetapkan Tidak Selaras Dengan Objektif Program Akuakultur

Syarat perjanjian seperti pembinaan kemudahan, pelaksanaan model kerja dan bayaran balik dana ditetapkan sebagai KPI.

KPI yang ditetapkan tidak selaras dengan objektif program seperti berikut:

a) Peningkatan pendapatan penduduk

b) Bilangan penduduk setempat yang akan mendapat pekerjaan

c) Bilangan usahawan yang dapat diwujudkan

Maklum Balas

- ❖ Sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan sebagai sebahagian program pemulihan untuk kelulusan pihak pengurusan NCIA. Sasaran tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama setiap program pada akhir bulan November 2015.

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.2 Perancangan Program Yang Lemah

1.2.1 Asas Pemilihan Syarikat Pelaksana Tidak Jelas

Pemilihan syarikat pelaksana adalah berdasarkan kertas cadangan perniagaan yang dikemukakan

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas dan kelulusan pemilihan syarikat.

Maklum Balas

- ❖ Draf polisi dan prosedur (P&P) NEM telah diperhalusi oleh NCIA. Penambahbaikan P&P NEM dijangka siap pada bulan April 2015. NEM yang baru ini akan mengambil kira proses perolehan.
- ❖ Setakat 15 Oktober 2015, Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PBPKU) telah meluluskan Polisi dan Prosedur (P&P) NCIA termasuk P&P NEM pada 24 Jun 2015 dan ianya berkuatkuasa mulai 1 Julai 2015.

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.2 Perancangan Program Yang Lemah

1.2.2 Tiada Asas Penetapan Agihan Pembiayaan dan Kadar Bayaran Balik Pinjaman

PROGRAM	SYARIKAT PELAKSANA	PEMBIAYAAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN %	GERAN (RM Juta)
Akuakultur Sungai Menghulu	POSB	23.10	17.90	77	5.20
Ternakan Ikan Sangkar Marin	ANAZA	1.50	1.50	100	-
Akuakultur Sungai Kerang	AFISB	14.00	10.00	71	4.00
Ikan Hiasan	EATSB	5.00	5.00	100	-
Akuakultur Selinsing, Perak	HCSB	36.00	6.00	17	30.00
JUMLAH KESELURUHAN		79.60	40.40	51	39.20

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan:

- Asas penetapan agihan pembiayaan dan bayaran balik

9

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.2 Perancangan Program Yang Lemah

1.2.3 Tiada Asas Penetapan Kadar Sumbangan Atas Jualan Kasar

BUTIRAN	SYARIKAT PELAKSANA	KADAR SUMBANGAN TAHUNAN %	TEMPOH SUMBANGAN (Tahun)	JUMLAH SUMBANGAN (RM)	CATATAN
PASM	POSB - FASA 1	16	7	46,629	4% setiap suku tahun
	POSB - FASA 2	2.5	15		
PTISM	ANAZA	2.5	5	20,000	2% setiap suku tahun
PASK	AFISB	8	12		
PIH	EATSB - BUKIT MERAH	1.5	10		
PASP	HCSB	Dikecualikan			Jualan kasar kurang daripada RM50 juta setahun. Jualan kasar antara RM50 juta hingga RM70 juta setahun. Jualan kasar melebihi RM70 juta setahun.
		4	10		
		2			
JUMLAH				66,629	

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan:

1. Asas penetapan atau polisi kadar sumbangan tahunan
2. Pihak yang memberi kelulusan
3. Perbezaan kadar sumbangan bagi setiap syarikat pelaksana
4. Sumbangan daripada 2 syarikat pelaksana sejumlah RM66,629

10

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

Maklum Balas

- ❖ NCIA mengambil maklum cadangan Audit dan sedang mengambil tindakan lanjut melalui pemurnian Polisi dan Prosedur.
- ❖ NCIA menegaskan bahawa pemberian dana fasilitasi tersebut bukan dalam bentuk pinjaman tetapi terma tersebut merupakan hasil persetujuan antara NCIA dan syarikat peneraju.
- ❖ Kadar bayaran balik yang berbeza adalah disebabkan faktor lokasi, jenis industri, kriteria program, risiko, jumlah pelaburan syarikat, jumlah pekerja syarikat dan impak kepada komuniti setempat.
- ❖ Jabatan Kewangan telah mengeluarkan notis peringatan ketiga pada 6 Oktober 2015 kepada syarikat yang terlibat.


11

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.3 Sangkar/Kolam Tidak Digunakan Secara Optimum

POSB


- Sebanyak 1600 sangkar ikan air masin dibina
- 800 sangkar musnah akibat ribut
- 400 sangkar telah dibina semula
- 100 sangkar mempunyai ikan daripada 400 sangkar yang beroperasi
- 800 sangkar tidak digunakan



Keadaan sangkar yang musnah



Keadaan sangkar yang beroperasi



12

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

Maklum Balas

- ❖ NCIA akan mengadakan program pemulihan selepas proses tindakan undang-undang selesai.
- ❖ NCIA akan mengambil perlindungan insurans.
- ❖ Pembinaan 800 sangkar sememangnya di dalam pelan secara berperingkat untuk Program PASM.
- ❖ Namun, pengeluaran hasil pada ketika itu tidak mencapai sasaran disebabkan kekurangan bekalan anak benih ikan. Pengeluaran benih ikan menjadi aspek asas yang perlu ditambah baik.
- ❖ POSB telah menggunakan alasan kekangan kewangan dan memulakan tindakan undang-undang terhadap NCIA pada 21 Januari 2015. NCIA telah pun memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap POSB pada 9 Mac 2015 dan perbicaraan telah ditetapkan pada bulan November 2015.

13

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.3 Sangkar/Kolam Tidak Digunakan Secara Optimum

AFISB

- Sebanyak 15 daripada 28 kolam udang putih tidak digunakan.



Kolam yang tidak digunakan



Kolam sedang beroperasi

Maklum Balas

- ❖ Hampir semua kolam telah dijangkiti penyakit EMS sejak tahun 2013.
- ❖ Setakat 15 Oktober 2015, NCIA telah mengenal pasti teknologi untuk mengatasi EMS dari Thailand dan telah mendapatkan kelulusan dari pihak pengurusan untuk mengendalikan latihan pada 17-22 September 2015.
- ❖ Seramai 5 usahawan telah dihantar ke Thailand bagi mempelajari kaedah penternakan udang putih di mana telah terbukti menghasilkan minima 80% kadar hidup (*survival rate*) per kitaran. Setakat 12 Oktober 2015, 5 kolam sedang beroperasi dan dijangka akan dituai pada awal Disember 2015.


14

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.3 Sangkar/Kolam Tidak Digunakan Secara Optimum

HCSB

- Sebanyak 266 daripada 308 kolam udang putih tidak digunakan.



Keadaan kolam yang tidak digunakan



Keadaan kolam yang sedang beroperasi

15

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

Maklum Balas

❖ Fasa 1 (Selinsing)

- HCSB telah mula untuk mengatasi masalah EMS seperti merehatkan penggunaan kolam dan polikultur dengan menggunakan ikan tilapia. HCSB akan mengembangkan program ini sekiranya sistem ini memberi kesan yang positif.

❖ Fasa 2 (Pulau Gula)

- **Isu Bekalan Elektrik**
NCIA dan HCSB menguruskan bekalan elektrik dengan TNB dan Eng Thye Plantations yang memiliki tanah bagi tapak Pencawang Pembahagi Utama (PPU). TNB akan menggunakan kuasa di bawah seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 selepas usaha pembelian tanah daripada Eng Thye Plantations gagal.
- **Isu Jalan Masuk**
Mesyuarat terakhir di antara HCSB dan Jabatan Hutan telah diadakan pada 30 Mac 2015 bagi membincangkan isu kebenaran penggunaan tanah rizab hutan untuk jalan masuk ke tapak pembangunan.
- Pihak NCIA masih menunggu maklum balas dari pihak Jabatan Penilaian Harta untuk nilai harga tanah yang dijangka diberikan sebelum penghujung Oktober 2015

16


1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.4 Sangkar Diusahakan Oleh Syarikat Lain

ANAZA

- Projek telah diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian secara rasmi dengan NCIA

Sangkar yang diusahakan untuk menternak udang Karang, ikan Kerapu dan lain-lain ikan air masin



17

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

Maklum Balas

- ❖ Surat tuntutan berkaitan dengan 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA telah dikeluarkan oleh Peguam NCIA pada 16 Mac 2015
- ❖ NCIA merancang untuk mengambil alih 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan yang akan memulakan program komuniti bersama Biotech Corp.
- ❖ Surat penyerahan sangkar telah diterima oleh NCIA dan lawatan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pertanian dan Bioteknologi pada 26 Ogos 2015. Hasil lawatan mendapati 178 sangkar masih di dalam keadaan yang baik tetapi memerlukan sedikit pembaikan. Bahagian Pertanian dan Bioteknologi telah mencadangkan kepada pihak pengurusan NCIA untuk melantik syarikat peneraju yang baru. Kelulusan daripada pihak pengurusan NCIA dijangka akan diperolehi selewat-lewatnya pada bulan Disember 2015.

18

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.5 Kilang Pemprosesan dan Lokasinya

1.5.1 Pembinaan Kilang Tidak Termasuk Dalam Skop Perjanjian

Kilang pemprosesan makanan dibina di Tanjung Dawai, Kedah.

Tanah tersebut dimiliki oleh pengarah syarikat

Lokasi tidak sesuai – boleh menimbulkan masalah logistik.




Pembiayaan NCIA untuk pembinaan kilang sejumlah RM5 juta

Maklum Balas

- ❖ Tanjung Dawai dipilih berasaskan ianya di dalam lingkungan 2 jam perjalanan dari kawasan pengeluaran POSB.
- ❖ EPP#4 - Perladangan Melalui Sistem Bersepadu Akuakultur Bersangkar, lokasi seperti Langkawi dan Tanjung Dawai telah dikenal pasti bagi pelaksanaan agenda EPP#4 dan POSB adalah syarikat peneraju.
- ❖ NCIA telah mengambil tindakan mahkamah terhadap POSB berkenaan program PASM secara menyeluruh termasuk kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai. Maklum balas yang diterima pada 29 Oktober 2015 menyatakan perbicaraan POSB telah ditetapkan pada bulan November 2015.

19

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN



Perjalanan menghantar hasil sangkar dari Sg. Menghulu ke kilang di Tanjung Dawai mengambil masa 2 jam.

20

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.5.2 Operasi Kilang (kos pembinaan RM5 juta) Dihentikan Sementara Waktu

POSB

Kilang Pemprosesan Makanan



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

Penerimaan Ikan Baja Yang Akan Dibekukan



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

Maklum Balas

- ❖ Pada 10 Julai 2015, NCIA telah mengambil tindakan mahkamah terhadap POSB berkenaan program PASM termasuk kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai. Permohonan Injunksi telah ditetapkan pada 1 Jun 2015 yang bertujuan untuk mengadakan proses pemulihan bagi program ini.

Lokasi:	Tanjung Dawai
Tarikh Mula Bina:	Tiada Maklumat
Pembiayaan NCIA:	RM5 juta
Status Terkini:	Tiada operasi dan digunakan untuk simpan ikan baja.
Sebab Operasi dihentikan:	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan bekalan daripada sangkar • Syarikat telah mengalami kekangan kewangan

21

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.5.3 Operasi Kilang (kos perolehan RM3.5 juta) Dihentikan Sementara Waktu

AFISB



Lokasi:	Kamunting
Tarikh Perolehan:	12 Januari 2011
Nilai Perolehan:	RM3.5 juta
Status Terkini:	Operasi dihentikan mulai Ogos 2014
Sebab Operasi dihentikan:	Kekurangan hasil dari kolam

Maklum Balas


- ❖ Berdasarkan maklum balas yang diterima pada 15 Oktober 2015, Syarikat AFISB telah memulakan perbincangan dengan Syarikat Trapia Sdn. Bhd. (anak syarikat SADC) berkaitan terma kerjasama dan aliran tunai yang lengkap untuk dipersetujui oleh NCIA. Kilang pemprosesan dijangka beroperasi pada bulan Disember 2015.

22

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.6 Kemudahan (kos pembinaan RM1.13 juta) Tidak Digunakan Secara Optimum

POSB



Tangki penetasan
18 daripada 40 tidak
digunakan



Tangki makanan hidup
15 daripada 40 tidak
digunakan



Tangki asuhan
7 daripada 160 tidak
digunakan


Tiada Maklum Balas

23


1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.6 Peralatan Tidak Disenggara Dengan Baik

POSB



Bilik Sejuk Berkarat



Mesin Membuat Palet
Makanan Ikan Yang
Berkarat Dan Kotor



Mesin Pemprosesan
Makanan Yang Rosak

Maklum Balas
❖ NCIA akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap peralatan yang berkarat seperti cat semula, tampalan atau dibaiki.
❖ Perbincangan POSB telah ditetapkan pada 17-19 November 2015.


24

1. PRESTASI PROGRAM AKUAKULTUR KURANG MEMUASKAN

1.7 Tiada Hasil Pengeluaran Semenjak Beroperasi



EATSB



Lokasi:	Bukit Merah
Bil. Kolam:	44
Bil. Induk:	70 ekor (RM600,000)
Tahun Perolehan Induk:	2011

Lokasi:	Sungai Tengah
Bil. Kolam:	30
Bil. Induk:	140 ekor (RM1.12 juta)
Tahun Perolehan Induk:	2013

- Syarikat memaklumkan mula beroperasi pada bulan April 2013 dengan menternak induk ikan Kelisa purata 20 ekor setiap kolam dan setakat bulan Oktober 2014 tiada pembiakan ikan Kelisa.

Maklum Balas

- ❖ Pada 19 Ogos 2015 satu lawatan tapak telah dilakukan dan mendapati ikan kelisa telah membiak dengan menghasilkan 14 anak. EATSB percaya bahawa jumlah ini akan meningkat dalam masa terdekat. Berdasarkan kepada piawaian industri, setiap pasang induk boleh menghasilkan anak sebanyak 30-60 ekor. Memandangkan musim pembiakan bermula dari bulan Ogos hingga Oktober pada setiap tahun, pemantauan berterusan dilakukan oleh NCIA. Bagi pembayaran semula, pihak NCIA telah menghantar peringatan pertama pada 30 Julai 2015. Setelah tiada maklum balas daripada EATSB, NCIA telah menghantar peringatan kedua pada 1 September 2015.

25

2. PEMATUHAN TERHADAP TERMA PERJANJIAN YANG LEMAH

2.1 Condition Precedent kepada kontrak PASM Fasa 1 – POSB

Condition Precedent	Isu
Syarikat POSB menjamin dan berjanji bahawa lesen Sistem Kultur Laut (SKL) adalah sah sepanjang kewujudan perjanjian ini.	Jabatan Perikanan Negeri Kedah mengesahkan lesen SKL syarikat POSB tidak diperbaharui sejak 13 Mac 2013 melalui surat Prk.K.09/728/6 bertarikh 8 Januari 2015.

Lesen Sistem Kultur Laut adalah kebenaran bertulis daripada Jabatan Perikanan untuk mengendalikan aktiviti penternakan hidupan laut. Sekiranya, lesen gagal diperbaharui pengusaha akan didenda dengan jumlah maksimum RM1,000 dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan mempunyai kuasa untuk membatalkan lesen SKL tersebut.

2. PEMATUHAN TERHADAP TERMA PERJANJIAN YANG LEMAH

Maklum Balas

Syarikat POSB

- ❖ Semasa peringkat awal, syarat terdahulu telah ditepati kerana syarikat mempunyai lesen SKL .
- ❖ Syarikat POSB telah melantik 16 orang peserta serta diberi latihan dan dibayar gaji. POSB mematuhi syarat terdahulu tetapi operasi tidak berjalan lancar kerana kerosakan sangkar akibat ribut.
- ❖ Perancangan awal berkenaan konsep latihan kepada usahawan telah dibincangkan di dalam mesyuarat JC yang ke-7 (MMJC7-PASM) pada 18 Januari 2011.

27

2. PEMATUHAN TERHADAP TERMA PERJANJIAN YANG LEMAH

2.1 *Condition Precedent* kepada kontrak PASK –AFISB

<i>Condition Precedent</i>	Isu
1. Syarat terdahulu dianggap telah dipenuhi sekiranya NCIA mendapatkan geran pajakan atas namanya.	1. NCIA masih belum mendapatkan geran pajakan atas namanya walaupun syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut.
2. Sekiranya syarat terdahulu mengenai geran pajakan dan juga perjanjian jual beli lokasi pemprosesan tidak dipenuhi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian ini, kedua-dua pihak boleh melanjutkan tempoh pematuhan atau menamatkan perjanjian.	2. Tidak dapat disahkan kerana geran pajakan masih belum diperoleh.

Maklum Balas

- ❖ NCIA sedang dalam proses melantik juru ukur & perancang bandar untuk mendapatkan kebenaran merancang daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi proses permohonan geran hak milik.
- ❖ Satu mesyuarat telah diadakan pada 9 September 2015 dengan pihak Jabatan Penilaian Perkhidmatan dan Harta (JPPH) Daerah Taiping untuk mengenalpasti kriteria untuk melantik melantik Jurukur Tanah serta Perunding Perancang Bandar. Selain itu pelantikan akan dibuat melalui kaedah tender terhad. Mesyuarat susulan telah dicadangkan pada minggu kedua bulan Oktober 2015.


28

2. PEMATUHAN TERHADAP TERMA PERJANJIAN YANG LEMAH

2.2 Hak Pemilikan dan Insurans

POSB

- 5 bot Kelas B dibeli menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.15 juta **tidak boleh ditukar hak milik** kepada NCIA kerana hak pemilikan bot Kelas B hanya boleh diberikan kepada individu berstatus nelayan dan bukan syarikat.
- Pusat transit dan kuarantin bernilai RM0.9 juta tidak diinsuranskan.



Jabatan Perikanan Putrajaya menggalakkan pertukaran kelas bot dari Kelas B ke Kelas C. Bagaimanapun, pertukaran 5 buah bot yang dibiayai oleh NCIA akan melibatkan anggaran kos sejumlah RM3 juta sedangkan kos perolehan 5 bot tersebut hanya berjumlah RM1.15 juta.

2. PEMATUHAN TERHADAP TERMA PERJANJIAN YANG LEMAH

Maklum Balas

Syarikat POSB

- ❖ NCIA akan membuat susulan dengan Jabatan Perikanan supaya hak milik bot tersebut dapat ditukar kepada NCIA. Kelima-lima bot ini masih berada di pangkalan yang sama.
- ❖ Pegawai Perikanan Kedah dan Pengarah Perikanan Kedah memaklumkan melalui minit mesyuarat JC bertarikh 2 September 2010 bahawa pemilikan bot nelayan mestilah di bawah pemilikan individu dan bukannya syarikat walaupun perjanjian menyatakan pemilikan mesti di bawah NCIA. Pengarah Perikanan Kedah berjanji akan menghantar surat permohonan kepada Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Putrajaya.
- ❖ NCIA akan membuat permohonan tanah daripada PDT Langkawi untuk mendapatkan TOL/Hak milik.
- ❖ POSB menghadapi masalah untuk mendapatkan syarikat insurans yang sanggup memberi perlindungan insurans terhadap peralatan sangkar laut dan fasiliti berkaitan. Ini adalah berkaitan dengan status tanah yang masih belum diselesaikan.

3. KEMAMPUAN KEWANGAN SYARIKAT PELAKSANA DIRAGUI

Perjanjian menetapkan syarikat pelaksana akan membiayai baki kos projek sejumlah RM328.80 juta.


EATSB dan ANAZA tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit mulai tahun 2011 sehingga 2013.

Syarikat POSB dan HCSB telah mengalami kerugian terkumpul melebihi modal saham untuk tahun 2013.


Maklum Balas

❖ NCIA akan berbincang dengan syarikat peneraju melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan.


31



PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT AFISB



PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT HCSB



3. KEMAMPUAN KEWANGAN SYARIKAT PELAKSANA DIRAGUI



BUTIRAN	TAHUN								
	POSB			AFISB			HCSB		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.54 : 1	0.10 : 1	0.07 : 1	3.66 : 1	1.86 : 1	3.46 : 1	1.63 : 1	0.51 : 1	0.03 : 1
Margin Untung Bersih (%)	0	(422)	(218)	10	8	(3)	0	(244)	(17)
Pulangan Atas Ekuiti (%)	35	(1179)	(879)	134	209	(8)	900	(72)	(69)
Pulangan Atas Aset (%)	1	(31)	(21)	1	2	(1)	82	(5)	(2)

35



**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

1 PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 10 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Maklum balas yang diterima daripada Kementerian/Jabatan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

2 PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA *Pengurusan Program Akuakultur*

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) dan dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri. NCIA bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju serta merangka dasar dan strategi berhubung dengan sosioekonomi pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang merangkumi 22 daerah di negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Antara objektif NCIA adalah mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik ke arah peningkatan dalam rantaian nilai; menangani ketidakseimbangan sosioekonomi serta meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi.

2.1.2 NCIA telah menyediakan Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara untuk memodenkan zon makanan Malaysia melalui inisiatif spesifik pertanian tanaman sedia ada dan menggalakkan pertanian moden secara besar-besaran di kawasan yang berpotensi tinggi. Antara sub-sektor yang dikenal pasti adalah penanaman padi, akuakultur dan perikanan, penternakan haiwan, kebun buah-buahan dan tanaman kontan serta estet sayur-sayuran dan herba, hortikultur serta produk makanan premium. NCIA telah melaksanakan Program Akuakultur di bawah sub-sektor akuakultur dan perikanan dengan kerjasama sektor swasta pada tahun 2010. Objektif Program Akuakultur adalah meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat secara

tetap atau sementara; melahirkan usahawan; dan meningkatkan pendapatan negara melalui eksport hasil program akuakultur.

2.1.3 Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk Program Akuakultur berjumlah RM31.50 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan RM36 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) serta RM12.10 juta daripada Dana PEMANDU. Sebanyak 5 syarikat pelaksana telah dipilih untuk melaksanakan Program Akuakultur dengan jumlah peruntukan dan perbelanjaan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM AKUAKULTUR SEHINGGA BULAN DISEMBER 2014

SYARIKAT PELAKSANA	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN				
RMKe-9				
Progressive Ocean Sdn. Berhad	Program Akuakultur Sungai Menghulu	15.00	15.00	-
Ace Front Industries Sdn. Berhad	Program Akuakultur Sungai Kerang	14.00	14.00	-
Anaza Sdn. Berhad	Program Ternakan Ikan Sangkar Marin	1.50	1.50	-
E-Arowana Trading Sdn. Berhad	Program Ikan Hiasan	1.00	1.00	-
JUMLAH		31.50	31.50	-
RMKe-10				
Hannan Corporation Sdn. Berhad	Program Akuakultur Selinsing, Perak	36.00	25.18	10.82
JUMLAH		36.00	25.18	10.82
DANA PEMANDU				
Progressive Ocean Sdn. Berhad	Program Akuakultur Sungai Menghulu	8.10	8.10	-
E-Arowana Trading Sdn. Berhad	Program Ikan Hiasan	4.00	4.00	-
JUMLAH		12.10	12.10	-
JUMLAH KESELURUHAN		79.60	68.78	10.82

Sumber: Surat Kelulusan Peruntukan Dana PEMANDU dan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) NCIA

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Akuakultur telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Program Akuakultur bagi tahun 2011 sehingga 2014. Semakan telah dibuat

terhadap rekod dan dokumen berkaitan pengurusan Program Akuakultur di pejabat NCIA Pulau Pinang serta di 4 pejabat syarikat pelaksana. Temu bual telah dilakukan dengan pegawai NCIA, syarikat pelaksana dan Jabatan Perikanan. Selain itu, lawatan telah dijalankan ke Program Akuakultur Selinsing, Program Akuakultur Sungai Kerang, Program Ikan Hiasan di Bukit Merah dan Sungai Tengas, Program Akuakultur Sungai Menghulu dan Program Ternakan Ikan Sangkar Marin di Penarak. *Exit Conference* telah diadakan pada 21 April 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan Dan Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri. Antara pegawai yang hadir adalah Ketua Eksekutif NCIA, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Unit Kerjasama Awam Swasta, pegawai kanan NCIA dan pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program Akuakultur adalah kurang memuaskan dan tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Prestasi Program Akuakultur adalah kurang memuaskan kerana:
 - Perancangan program yang lemah dan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) program yang ditetapkan oleh NCIA adalah tidak selaras dengan objektif program.
 - Pembinaan kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai bernilai RM5 juta oleh syarikat pelaksana bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu tidak mengikut terma perjanjian dan bayaran telah diluluskan oleh NCIA. Kilang tersebut telah dihentikan operasi kerana kekurangan bahan mentah.
 - Sebanyak 1,600 sangkar ikan dibina bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu tetapi 800 sangkar telah musnah akibat ribut dan syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad telah membina semula 400 sangkar. Bagaimanapun, hanya 100 sangkar mempunyai ikan daripada 400 sangkar yang beroperasi manakala baki 800 sangkar tidak digunakan.
 - Sebanyak 15 atau 53.6% daripada 28 kolam ternakan udang yang dibina bagi Program Akuakultur Sungai Kerang tidak digunakan. Operasi kilang (kemudahan pemprosesan) di Kamunting telah dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam.
 - Sebanyak 105 atau 75% daripada 140 kolam udang putih di Selinsing dan 161 atau 95.8% daripada 168 kolam di Pulau Gula tidak digunakan.
 - Sebanyak 70 ekor induk ikan Kelisa bernilai RM600,000 yang dibeli sejak tahun 2011 masih belum membiak bagi Program Ikan Hiasan di Bukit

- Merah walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun.
- Program Ternakan Ikan Sangkar Marin di Penarak, Langkawi telah diambil alih oleh syarikat lain tanpa perjanjian secara rasmi dengan NCIA.
 - Peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum dan tidak disenggara dengan baik.
- ii. Pematuhan terhadap terma perjanjian antara syarikat pelaksana dan NCIA adalah lemah disebabkan perkara berikut:
- Syarat Terdahulu (*Condition Precedent*) yang ditetapkan dalam perjanjian tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana dan NCIA.
 - Syarat model kerja program peladang kontrak atau usahawan akua seperti penyediaan perjanjian, pembahagian sangkar/kolam, benih, makanan dan jaminan beli balik hasil tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat pelaksana.
 - Sebanyak 5 bot bernilai RM1.15 juta yang dibiayai oleh NCIA tidak boleh ditukar hak milik daripada nama individu kepada NCIA dan insurans terhadap kemudahan serta peralatan bernilai RM900,000 tidak menepati terma perjanjian.
- iii. Bayaran balik pembiayaan sehingga 31 Disember 2014 berjumlah RM10.82 juta tidak dikutip sejak tahun 2013 daripada 4 syarikat pelaksana manakala bayaran sumbangan kepada NCIA sejumlah RM66,629 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana rekod jualan tidak diselenggara dengan baik.
- iv. Sebanyak 2 syarikat pelaksana tidak mengamalkan Kod Amalan Akuakultur yang merangkumi pengendalian ternakan akuakultur dan pelaksanaan kawalan biosekuriti serta 4 syarikat pelaksana tidak mendapat pengiktirafan *Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP)*.
- v. Prestasi kewangan 3 syarikat pelaksana bagi tahun 2011 sehingga 2013 kurang memuaskan dan mengalami kerugian selepas cukai manakala 2 syarikat tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit.
- vi. Pemantauan fizikal tidak dilaksanakan secara berkala untuk menentukan terma kontrak dipatuhi sepenuhnya dan kemudahan digunakan secara optimum. Pemantauan hasil jualan syarikat pelaksana tidak dibuat bagi mengesahkan ketepatan sumbangan kepada NCIA selaras dengan rekod jualan syarikat.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

2.4.1 Prestasi Program Akuakultur

2.4.1.1 NCIA telah mewujudkan Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang berperanan menggalakkan pertanian moden dan membangunkan salah satu sub-sektor pertanian yang dikenal pasti iaitu akuakultur. Sehubungan itu, NCIA menjalinkan kerjasama dengan 5 syarikat swasta sebagai syarikat pelaksana yang melibatkan pembiayaan melalui dana fasilitasi berjumlah RM79.60 juta di mana syarikat pelaksana perlu membayar balik sejumlah RM40.40 juta seperti ketetapan perjanjian. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2 : PEMBIAYAAN DAN PENGELUARAN DANA OLEH NCIA BAGI PROGRAM AKUAKULTUR SEHINGGA TAHUN 2014

PROGRAM	JENIS PROJEK	SYARIKAT PELAKSANA	PEMBIAYAAN (RM Juta)	PENGELUARAN DANA	
				(RM Juta)	(%)
Akuakultur Selinsing, Perak	Penternakan Udang Putih	Hannan Corporation Sdn. Berhad	36.00	25.18	70
Akuakultur Sungai Menghulu	Penternakan Ikan Air Masin	Progressive Ocean Sdn. Berhad	23.10	23.10	100
Akuakultur Sungai Kerang	Penternakan Udang Putih dan Kemudahan Pemprosesan	Ace Front Industries Sdn. Berhad	14.00	14.00	100
Ikan Hiasan di Bukit Merah dan Sungai Tengah	Penternakan Ikan Hiasan	E-Arowana Trading Sdn. Berhad	5.00	5.00	100
Ternakan Ikan Sangkar Marin	Penternakan Ikan Air Masin	Anaza Sdn. Berhad	1.50	1.50	100
JUMLAH			79.60	68.78	

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Baucar Bayaran

2.4.1.2 Semakan Audit terhadap 8 perjanjian mendapati NCIA telah bersetuju untuk membiayai 5 Program Akuakultur sejumlah RM79.60 juta. Sehingga bulan Disember 2014, setiap syarikat pelaksana telah memperoleh keseluruhan pembiayaan kecuali Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad kerana program masih dalam pelaksanaan. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:

a. Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad

- i. Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB) dan NCIA telah menandatangani 3 perjanjian yang melibatkan 3 fasa bagi melaksanakan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM). Perjanjian Fasa 1 telah ditandatangani pada 26 Julai 2010 dengan kos keseluruhan berjumlah RM15 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM10 juta. Skop pembiayaan meliputi pembinaan sangkar ikan air masin, penyediaan lokasi dan

pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan, peralatan dan benih ikan.

- ii. Perjanjian Fasa 2 program PASM telah ditandatangani pada 25 April 2011 dengan kos keseluruhan berjumlah RM9.20 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM5 juta. Skop pembiayaan adalah pembinaan Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Air Masin.
- iii. Perjanjian Fasa 3 program PASM telah ditandatangani pada 29 Mac 2012 dengan kos keseluruhan berjumlah RM17.70 juta. Pembiayaan Fasa 3 menggunakan dana PEMANDU sejumlah RM8.10 juta. Skop pembiayaan adalah pembinaan 800 sangkar ikan air masin, perolehan tanah, pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan dan pembelian bot. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3 : PERJANJIAN ANTARA PROGRESSIVE OCEAN SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Tarikh Perjanjian	26.07.2010	25.04.2011	29.03.2012
Kos Keseluruhan	RM15.00 juta	RM9.20 juta	RM17.70 juta
Pembiayaan NCIA	RM10.00 juta	RM5.00 juta	-
Pembiayaan PEMANDU	-	-	RM8.10 juta
Tempoh Perjanjian	7 Tahun	8 Tahun	7 Tahun
Lokasi	Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah		
Skop Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan sangkar ikan air masin. • Penyediaan lokasi Pusat Transit, Kuarantin Dan Pemprosesan Makanan. • Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin. • Kemudahan Pemprosesan Makanan. • Peralatan dan material (benih ikan). 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Air Masin. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan 800 sangkar ikan air masin. • Perolehan Tanah. • Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan. • Pembelian Bot.
Ketetapan Model Kerja Program PASM	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat POSB perlu mengendalikan dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. • Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat POSB. 	Tiada ketetapan Model Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat POSB perlu mengendalikan dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. • Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat POSB.

Sumber: Dokumen Perjanjian Fasa 1,2 dan 3

- iv. Semakan Audit mendapati syarikat POSB telah mematuhi skop pembiayaan yang ditetapkan dalam perjanjian bagi Fasa 1 dan 2. Bagaimanapun, skop pembiayaan bagi Fasa 3 tidak dipatuhi sepenuhnya iaitu syarikat tidak melaksanakan perolehan tanah dan Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan di Sungai Menghulu, Langkawi.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Permohonan perolehan tanah Kerajaan negeri telah dilaksanakan pada bulan Julai 2011 tetapi tiada jawapan daripada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Langkawi. Selepas teguran Audit, perbincangan awal telah diadakan dengan PTD Langkawi bagi merujuk semula permohonan perolehan tanah yang telah dibuat oleh NCIA pada tahun 2011. NCIA akan membuat susulan ke atas permohonan perolehan tanah dan dijangka selesai dalam tempoh setahun mulai bulan Mei 2015.

- v. Kertas pembentangan Makmal Pemandu Koridor dan Bandar (C&C Lab) menyatakan Tanjung Dawai dan Langkawi sebagai lokasi yang sesuai untuk penternakan ikan kerapu. Bagaimanapun, surat penyaluran peruntukan pembangunan tambahan untuk projek pembangunan di Koridor Wilayah daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE) bertarikh 23 Disember 2011 hanya menetapkan Kuah, Langkawi sebagai lokasi untuk Perladangan Melalui Sistem Bersepadu Akuakultur Bersangkar dengan jumlah peruntukan RM8.10 juta. Semakan Audit mendapati NCIA telah meluluskan pembayaran sejumlah RM5 juta daripada RM8.10 juta untuk pembinaan bangunan kilang pemprosesan makanan oleh syarikat POSB di Tanjung Dawai. Kilang tersebut telah dibina di atas tanah milik seorang pengarah syarikat POSB yang tidak termasuk dalam skop perjanjian PASM dan tidak menepati kehendak surat UPE. Keadaan kemudahan pemprosesan makanan dan Pusat Transit Dan Kuarantin yang telah dibina adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1
Kemudahan Pemprosesan Makanan Yang Tidak Dibina Di Lokasi Sebenar



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014


GAMBAR 2.2
Pusat Transit Dan Kuarantin Yang Dibina Di Atas Tanah Rizab Pantai



Lokasi: Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

- vi. Lawatan Audit pada 19 Oktober 2014 ke kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai mendapati kilang hanya digunakan untuk menyimpan ikan baja sebagai makanan ikan di sangkar dan tiada aktiviti pemprosesan makanan dijalankan seperti yang dirancang. Kilang ini pernah digunakan untuk memproses ikan kembung sejuk beku untuk dieksport ke Indonesia tetapi operasi ini telah dihentikan kerana kekurangan bekalan ikan. Keadaan kilang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.3
Kilang Pemprosesan Makanan Yang Telah Dihentikan Operasi



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

GAMBAR 2.4
Penerimaan Ikan Baja Yang Akan Dibekukan



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan ketiadaan aktiviti pemprosesan disebabkan kekurangan bekalan daripada sangkar dan sebanyak 800 sangkar telah mengalami kerosakan. Akibat daripada kerosakan sangkar disebabkan ribut, syarikat telah mengalami kekangan kewangan dan menyebabkan syarikat tidak berupaya membeli bekalan ikan daripada nelayan yang mendarat di Kuala Kedah dan Tanjung Dawai. Pemprosesan ikan kembung hanya merupakan aktiviti sampingan dan tidak diteruskan kerana harga ikan kembung terus meningkat serta tidak menguntungkan.

- vii. Semakan lanjut mendapati bagi Fasa 1, syarikat POSB telah membina 800 sangkar ikan air masin dan mula beroperasi pada bulan Mac 2011. Seterusnya bagi Fasa 3, sebanyak 800 sangkar ikan air masin lagi telah dibina pada tahun 2012 menjadikan jumlah keseluruhan 1,600 sangkar dengan kos RM6.60 juta. Pihak Audit dimaklumkan 800 sangkar telah musnah akibat ribut pada bulan Jun 2012 dan Jun 2013. Syarikat POSB telah membina semula 400 sangkar menggantikan sangkar yang musnah

menggunakan dana syarikat manakala 400 sangkar lagi tidak dapat diganti kerana kekangan kewangan. Lawatan Audit pada 20 Oktober 2014 ke Sungai Menghulu mendapati 1,200 sangkar dalam keadaan baik. Bagaimanapun, hanya 100 sangkar mempunyai ikan daripada 400 sangkar yang beroperasi manakala baki 800 sangkar tidak digunakan. Sehingga bulan Disember 2014, syarikat POSB telah mengeluarkan sebanyak 103.30 tan metrik hasil ikan kerapu untuk pasaran dalam dan luar negara. Keadaan sangkar yang musnah dan belum dibaiki seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.5
Sangkar Ikan Yang Musnah Akibat Ribut



Lokasi: Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.6
Rumah Sangkar Ikan Yang Rosak Akibat Ribut



Lokasi: Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Pembinaan 800 buah sangkar telah dinyatakan di dalam pelan secara berperingkat untuk Program Akuakultur Sungai Menghulu. Bagaimanapun, pengeluaran hasil tidak mencapai sasaran kerana kekurangan bekalan benih ikan yang menjadi aspek asas yang perlu ditambah baik. NCIA bercadang untuk mengadakan program pemulihan selepas proses tindakan undang-undang selesai. Projek akan diteruskan berdasarkan kajian semula model perniagaan yang bersesuaian untuk projek ini.

b. Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad

- i. Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) dan NCIA telah menandatangani perjanjian pada 26 Julai 2010 bagi melaksanakan Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK) dengan kos berjumlah RM25 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM14 juta. Skop pembiayaan NCIA meliputi pembinaan kolam udang putih sejumlah RM4 juta dan kemudahan

pemprosesan termasuk perolehan bangunan serta peralatan bernilai RM10 juta. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4 : PERJANJIAN ANTARA ACE FRONT INDUSTRIES SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	PEMBINAAN KOLAM UDANG PUTIH	KEMUDAHAN PEMROSESAN
Tarikh Perjanjian	26.07.2010	
Kos Keseluruhan	RM25 juta	
Pembiayaan NCIA	RM4 juta	RM10 juta
Tempoh Perjanjian	8 Tahun	
Lokasi	Kampung Sungai Kerang, Perak	Kamunting, Perak
Skop Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penternakan Udang Komersial • Kenderaan • Peralatan • Perkakasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bangunan, Infrastruktur dan Lekapan • Peralatan, Mesin dan Stor • Kenderaan
Ketetapan Model Kerja Program PASK	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat AFISB perlu mengendali dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. • Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat AFISB perlu mengendali dan menguruskan aktiviti pemprosesan serta pekerja di kilang.

Sumber: Dokumen Perjanjian

- ii. Semakan Audit mendapati syarikat AFISB telah membina 24 kolam bernilai RM4 juta untuk penternakan udang komersial yang mula beroperasi pada bulan Jun 2011. Syarikat juga telah membeli sebuah kilang di Kamunting bernilai RM3.50 juta dan melengkapkan dengan peralatan pemprosesan makanan untuk menghasilkan produk sejuk beku berasaskan udang dan ikan air tawar. Selain itu, kilang ini juga digunakan untuk menghasilkan produk tambah nilai seperti *breaded shrimp* dan *popcorn shrimp*.
- iii. Lawatan Audit pada 14 Oktober 2014 ke kolam penternakan udang putih di Kampung Sungai Kerang, Perak mendapati 28 kolam telah dibina termasuk 4 kolam yang menggunakan dana syarikat. AFISB telah mengeluarkan sebanyak 226 tan metrik udang putih untuk pasaran tempatan sehingga bulan Oktober 2014. Pihak Audit mendapati hanya 4 kolam yang digunakan untuk menternak udang, 6 kolam dalam proses penyediaan kolam untuk kemasukan benih udang dan 15 kolam lagi tidak digunakan. Syarikat memaklumkan kolam tidak diguna atas faktor kitaran rehat (*break cycle*) untuk rawatan penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS). Syarikat AFISB memaklumkan sebanyak 3 kolam lagi mengandungi mineral besi yang tinggi dalam tanah menyebabkan kolam tidak sesuai untuk penternakan udang putih. Selain itu, syarikat AFISB telah mengambil inisiatif membina kemudahan penetasan anak udang di lokasi tersebut bagi mengatasi masalah kekurangan benih.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Semua kolam syarikat AFISB telah dijangkiti penyakit EMS sejak tahun 2013. Syarikat AFISB telah membuat kajian dan menukarkan prosedur serta memulakan semula operasi 5 kolam terlebih dahulu. Pelaksanaan operasi kolam ini dijangka mendatangkan hasil pada bulan Januari 2016.

- iv. Lawatan Audit ke kilang pemprosesan mendapati semua kemudahan infrastruktur dan peralatan adalah lengkap dan berkeadaan baik tetapi tidak beroperasi. Pihak Audit dimaklumkan operasi kilang dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam. Pihak Audit mendapati syarikat AFISB telah mengamalkan biosekuriti yang merupakan prosedur untuk mencegah penyakit dan pencemaran di lokasi kolam dan kilang. Syarikat AFISB juga telah menerima Sijil Keselamatan Dan Kualiti Makanan (HACCP) bagi tempoh 24 April 2013 sehingga 23 April 2016 dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) bagi tempoh 29 Ogos 2013 sehingga 28 Ogos 2015. Kilang pemprosesan makanan dan kolam penternakan udang putih adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.7
Kilang Pemprosesan Makanan Yang
Dihentikan Operasi Mulai Bulan Ogos 2014



Lokasi: Kamunting, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

GAMBAR 2.8
Kolam Penternakan Ugang Putih Yang
Sedang Diusahakan



Lokasi: Sungai Kerang, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Syarikat AFISB telah mengadakan perbincangan dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) pada 12 Mac 2015 untuk menggunakan kemudahan kilang bagi memproses ikan tilapia dari Tasik Banding. NCIA juga sedang merangka perancangan dengan beberapa syarikat dan Jabatan Perikanan bagi membolehkan pusat ini beroperasi sepenuhnya. Kilang dijangka beroperasi pada bulan Disember 2015.

c. Syarikat E-Arowana Trading Sdn. Berhad

- i. Syarikat E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB) dan NCIA telah menandatangani 2 perjanjian yang melibatkan 2 lokasi pelaksanaan Program Ikan Hiasan (E-AROWANA) iaitu di Bukit Merah, Perak dan Sungai Tengah, Kedah. Perjanjian pertama telah ditandatangani pada 15 Ogos 2011 dengan kos keseluruhan sejumlah RM12.50 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM1 juta. Pada 22 Mac 2012, perjanjian kedua ditandatangani dengan kos keseluruhan sejumlah RM177 juta dan NCIA membiayai sejumlah RM4 juta. Skop pembiayaan bagi kedua-dua perjanjian meliputi penyediaan dan pembinaan kolam serta penternakan dan pembiakan ikan hiasan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5 : PERJANJIAN ANTARA E-AROWANA TRADING SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	PERJANJIAN 1	PERJANJIAN 2
Tarikh Perjanjian	15.08.2011	22.03.2012
Kos Keseluruhan	RM12.50 juta	RM177 juta
Pembiayaan NCIA	RM1 juta	-
Pembiayaan PEMANDU	-	RM4 juta
Tempoh Perjanjian	12 Tahun	7 Tahun
Lokasi	Bukit Merah, Perak	Sungai Tengah, Kedah
Skop Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Kolam • Pembinaan Kolam • Penternakan Ikan Hiasan • Pembiakan Ikan Hiasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Kolam • Pembinaan Kolam • Penternakan Ikan Hiasan • Pembiakan Ikan Hiasan
Ketetapan Model Kerja Program E-AROWANA	• Tidak Berkaitan	• Tidak Berkaitan

Sumber: Dokumen Perjanjian

- ii. Semakan Audit mendapati syarikat EATSB telah mematuhi skop pembiayaan yang ditetapkan dalam perjanjian. Syarikat EATSB telah membina 44 kolam ikan di Bukit Merah dan 30 kolam ikan di Sungai Tengah serta mula beroperasi pada bulan April 2013. Syarikat EATSB telah membeli sebanyak 70 ekor induk *Malaysian* dan *Indonesian Golden Arowana* bernilai RM600,000 pada tahun 2011 bagi kolam ternakan di Bukit Merah manakala 140 ekor induk *Indonesian Golden Arowana* bernilai RM1.12 juta pada tahun 2013 bagi kolam ternakan di Sungai Tengah. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati syarikat EATSB menternak induk ikan kelisa dengan purata 20 ekor setiap kolam untuk pembiakan. Bagaimanapun, berdasarkan maklumat syarikat EATSB dan laporan pemantauan NCIA, tiada pembiakan ikan kelisa di Bukit Merah dan Sungai Tengah setakat bulan Oktober 2014 walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun.

Keadaan kolam di lokasi penternakan ikan kelisa EATSB adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.9
Tiada Pembiakan Ikan Kelisa Dalam Kolam Ternakan Sejak Beroperasi Pada Bulan April 2013



Lokasi: Bukit Merah, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

GAMBAR 2.10



Lokasi: Sungai Tengah, Kedah
Tarikh: 14 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan mendapatkan nasihat teknikal untuk memperkasakan proses pemantauan daripada Pusat Ikan Hiasan Enggor di Kuala Kangsar. Ini dilakukan dengan bantuan Jabatan Perikanan dan kepakaran teknikal dari sumber bersesuaian. Bagi tujuan pemantauan, NCIA akan memeriksa semula rekod pembelian dan jualan anak ikan kelisa oleh syarikat EATSB.

d. Syarikat Anaza Sdn. Berhad

- i. Pada 29 Februari 2012, Syarikat Anaza Sdn. Berhad (ANAZA) telah menandatangani perjanjian bagi melaksanakan Program Ternakan Ikan Sangkar Marin (PTISM) dengan kos keseluruhan sejumlah RM2 juta dan NCIA membiayai sejumlah RM1.50 juta. Skop pembiayaan meliputi pertambahan pembinaan 200 sangkar ikan air masin daripada 80 sangkar kepada 280 sangkar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6 : PERJANJIAN ANTARA SYARIKAT ANAZA SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	PERJANJIAN
Tarikh Perjanjian	29.02 2012
Kos Keseluruhan	RM2.00 juta
Pembiayaan NCIA	RM1.50 juta
Tempoh Perjanjian	7 Tahun

PERKARA	PERJANJIAN
Lokasi	Penarak, Langkawi, Kedah
Skop Pembiayaan	Pertambahan Pembinaan Sangkar Ikan Air Masin daripada 80 sangkar kepada 280 sangkar.
Model Kerja Program PTISM	Tiada Berkaitan

Sumber: Dokumen Perjanjian


- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kali Ke-3 bertarikh 7 November 2012 mendapati syarikat ANAZA telah membaik pulih 80 sangkar sedia ada dan membina 200 sangkar baru seperti yang ditetapkan dalam skop pembiayaan. Syarikat ANAZA telah mengubah suai 5 daripada 80 sangkar sedia ada untuk dijadikan pelantar dan jumlah keseluruhan sangkar yang boleh digunakan adalah 275 sangkar untuk menternak ikan kerapu harimau.
- iii. Semakan lanjut mendapati NCIA telah mengeluarkan surat bertarikh 19 September 2013 kepada syarikat ANAZA supaya mengemukakan Lesen Dudukan Sementara (TOL), Permit Sistem Kultur Laut (SKL), pertukaran hak pemilikan sangkar dan menyumbangkan 2.5% atas hasil jualan kasar kepada NCIA dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat. Sekiranya syarikat ANAZA gagal mematuhi syarat perjanjian, NCIA boleh menamatkan perjanjian Program Ternakan Ikan Sangkar Marin. Pihak Audit mendapati syarikat ANAZA gagal mematuhi syarat yang ditetapkan oleh NCIA dan tiada penamatan perjanjian dilaksanakan oleh NCIA. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kali Ke-5 bertarikh 9 April 2013 mendapati hasil tuaian pertama syarikat ANAZA sebanyak 0.73 tan metrik tetapi tidak dapat disahkan kerana tiada rekod jualan dikemukakan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Syarikat ANAZA telah diberi peluang melaksanakan tanggungjawab untuk mendapatkan TOL, permit Sistem Kultur Laut (SKL) dan pertukaran hak milik sangkar. Bagaimanapun, pemilik syarikat telah meninggal dunia pada bulan Julai 2014 dan syarikat ANAZA masih belum berjaya mendapatkan kelulusan TOL, permit SKL dan pertukaran hak milik sangkar.


- iv. Lawatan Audit pada 21 Oktober 2014 mendapati PTISM masih beroperasi tetapi telah diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian rasmi bersama NCIA. Syarikat tersebut telah menternak udang karang, ikan kerapu dan ikan air masin di Penarak, Langkawi. Keadaan sangkar ternakan udang karang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.11
Sangkar Ternakan Yang Diusahakan
Oleh Syarikat Lain



Lokasi: Penarak, Langkawi, Kedah
Tarikh: 21 Oktober 2014

GAMBAR 2.12
Udang Karang Yang Diternak
Oleh Syarikat Lain



Lokasi: Penarak, Langkawi, Kedah
Tarikh: 21 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Selepas kematian pengarah syarikat ANAZA, NCIA tidak memberi kebenaran secara rasmi kepada mana-mana syarikat bagi mengusahakan sangkar tersebut.

NCIA sedang merancang untuk membaik pulih Program Penternakan Ikan Marin dan akan mengambil alih 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA. Selain itu, surat tuntutan terhadap 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA telah dikeluarkan oleh Peguam NCIA pada 16 Mac 2015 kepada syarikat ANAZA.

NCIA telah memulakan perbincangan lanjut dengan syarikat yang baru untuk mengambil alih program tersebut.

e. Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad

- i. Pada 17 Januari 2011, syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad (HCSB) telah menandatangani perjanjian bagi membangunkan Program Akuakultur Selinsing, Perak (PASP) melibatkan 3 fasa. Melalui perjanjian ini syarikat HCSB akan membangunkan 2 bidang tanah di Mukim Selinsing, Perak berkeluasan 300 ekar untuk Fasa 1 dan 838.58 ekar untuk Fasa 2. Kos keseluruhan adalah berjumlah RM150 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM36 juta bagi Fasa 1 dan 2 manakala pembiayaan Fasa 3 ditanggung oleh syarikat HCSB. Skop pembiayaan meliputi pembersihan tanah, bayaran premium tanah, kemudahan jalan masuk, dinding adang/keselamatan, pembinaan kolam udang dan utiliti. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7 : PERJANJIAN ANTARA SYARIKAT HANNAN CORPORATION SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Tarikh Perjanjian		17.01.2011	
Kos Keseluruhan		RM150.00 juta	
Pembiayaan NCIA	RM10.80 juta	RM25.20 juta	-
Pembiayaan HCSB	RM21.85 juta	RM42.60 juta	RM49.55 juta
Tempoh Perjanjian		10 Tahun	
Lokasi	Selinsing, Perak	Pulau Gula, Perak	Tiada Maklumat
Keluasan Tanah	300 ekar	838.58 ekar	Tiada Maklumat
Skop Pembiayaan NCIA	<ul style="list-style-type: none"> • Pembersihan Tanah • Kemudahan Jalan Masuk • Dinding Adang/Keselamatan • Pembinaan Kolam (80 nos) • Utiliti 	<ul style="list-style-type: none"> • Premium Tanah • Kemudahan Jalan Masuk • Dinding Adang/Keselamatan • Pembinaan Kolam (275 nos) • Utiliti 	Pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat HCSB.
Skop Pembiayaan HCSB	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Profesional • Pembersihan Tanah • Pembinaan Kolam (60 nos) • Peralatan • Bangunan • Kos Operasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Profesional • Pembersihan Tanah • Pembinaan Kolam (85 nos) • Peralatan • Bangunan • Kos Operasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Profesional • Bangunan • Mesin dan Peralatan • Kos Operasi
Ketetapan Model Kerja Program PASP	Syarikat HCSB perlu mengendali dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. Satu jaminan pembelian balok hasil oleh syarikat HCSB.		

Sumber: Dokumen Perjanjian


- ii. Semakan Audit mendapati syarikat HCSB telah mematuhi skop pembiayaan yang ditetapkan dalam perjanjian dan pembayaran Fasa 1 telah dijelaskan sepenuhnya oleh NCIA. Semakan Audit mendapati sebanyak 140 kolam telah dibina bagi Fasa 1 manakala sebanyak 168 kolam telah dibina berbanding 360 kolam yang sepatutnya dibina bagi Fasa 2 dan 192 kolam ditangguhkan pembinaannya. Prestasi pembayaran Fasa 2 adalah sejumlah RM14.38 juta atau 57.1% dan baki sejumlah RM10.82 juta belum dibayar kerana kerja pembersihan kawasan dan pembinaan kolam telah ditangguhkan bagi memberi tumpuan penggunaan kolam sedia ada secara optimum.
- iii. Setakat bulan Oktober 2014, HCSB telah mengeluarkan sebanyak 521.54 tan metrik hasil udang putih untuk pasaran tempatan. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati hanya 35 atau 25% daripada 140 kolam di Selinsing dan 7 atau 4.2% daripada 168 kolam di Pulau Gula yang ditenak dengan udang putih. Keadaan kolam udang putih di Selinsing dan Pulau Gula adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.13
Kolam Ternakan Udang Putih
Yang Beroperasi



Lokasi: Selinsing, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

GAMBAR 2.14
Kolam Ternakan Udang Putih Dalam Proses
Break Cycle



Lokasi: Pulau Gula, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan jumlah kolam yang dibangunkan di Selinsing sebanyak 140 dan 10 kolam digunakan untuk rawatan air masuk manakala 10 kolam lagi untuk rawatan air keluar. Jumlah kolam yang boleh digunakan untuk pengeluaran udang ialah 120 kolam. Pada peringkat awal, syarikat HCSB telah memulakan pengeluaran dengan menggunakan sehingga 67 buah kolam dari bulan Mei 2012 sehingga Oktober 2013. Selepas bulan Oktober 2013, kolam di Fasa 1 telah dijangkiti EMS. Masalah ini masih lagi tidak dapat diatasi sepenuhnya. Syarikat membuat keputusan untuk mengurangkan pengeluaran bagi mengelakkan kerugian. Syarikat HCSB telah merehatkan penggunaan kolam dan menggunakan kaedah polikultur dengan ikan tilapia untuk mengatasi masalah EMS. Pemantauan akan dilaksanakan secara berterusan bagi mengatasi penyakit EMS.

Terdapat 2 isu yang menyebabkan kurangnya penggunaan kolam Fasa 2 di Pulau Gula iaitu bekalan elektrik dan isu logistik. Bagi isu bekalan elektrik, syarikat HCSB menggunakan generator yang memerlukan bekalan diesel yang tidak menguntungkan. NCIA dan syarikat HCSB sedang dalam proses menguruskan bekalan elektrik dengan TNB dan Eng Thye Plantations yang memiliki tanah bagi tapak Pencawang Pembahagi Utama (PPU). Pada peringkat ini, TNB akan menggunakan kuasa di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 selepas usaha pembelian tanah daripada Eng Thye Plantations gagal. Bagi isu jalan masuk, syarikat HCSB dan Jabatan Perhutanan telah mengadakan mesyuarat pada 30 Mac 2015 bagi membincangkan isu kebenaran penggunaan tanah rizab hutan untuk jalan masuk ke tapak pembangunan. Proses pengambilan tanah oleh TNB dijangka selesai pada pertengahan tahun 2016.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit, prestasi Program Akuakultur yang dibiayai oleh NCIA adalah kurang memuaskan kerana terdapat kolam, sangkar dan kemudahan lain tidak digunakan secara optimum serta tidak dapat beroperasi seperti yang dirancang. Objektif Program Akuakultur untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat tidak tercapai.

2.4.2 Penunjuk Prestasi Utama Tidak Selaras Dengan Objektif Program

2.4.2.1 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 menyatakan sasaran prestasi yang ditetapkan untuk mengukur Penunjuk Prestasi Utama (KPI) mestilah memenuhi ciri-ciri boleh diukur, dicapai, realistik, spesifik dan mempunyai tempoh masa bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti.

2.4.2.2 NCIA menetapkan syarat dalam perjanjian sebagai KPI seperti pembinaan kemudahan, pelaksanaan model kerja dan bayaran balik dana fasilitasi. Bagaimanapun, KPI tersebut tidak boleh mengukur prestasi syarikat seperti pengeluaran hasil sangkar/kolam dan kilang, bilangan peladang kontrak dan usahawan akua dan kawalan biosekuriti. Selain itu, NCIA juga tidak menetapkan KPI untuk pelaksanaan program ini selaras dengan objektif program seperti jumlah peningkatan pendapatan penduduk, bilangan penduduk setempat yang akan mendapat pekerjaan dan bilangan usahawan yang dapat diwujudkan.

2.4.2.3 Semakan Audit terhadap kertas pembentangan Makmal Pemandu Koridor dan Bandar (C&C Lab) mendapati 2 program akuakultur (Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3 dan Program Ikan Hiasan di Sungai Tengah) yang dibiayai oleh dana PEMANDU mempunyai KPI yang terperinci. KPI bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3 merangkumi bilangan sangkar yang dibina, hasil pengeluaran setahun, bilangan pekerja dan jumlah bot yang akan dibeli manakala bagi Program Ikan Hiasan di Sungai Tengah merangkumi bilangan kolam, hasil pengeluaran setahun dan bilangan penternak. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati program yang dilaksanakan di bawah C&C Lab tidak mencapai KPI yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8: KPI DAN PENCAPAIAN PROGRAM AKUAKULTUR
DI BAWAH C&C LAB**

PROGRAM	KPI		PENCAPAIAN
Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3			
	Tahun	Bil.	
Sangkar Dibina	2012	800	800
	2013	800	-
	2014	800	-
	2015	800	-
Hasil Pengeluaran Setahun	800,000 tan metrik setahun		Tiada maklumat
Bilangan Pekerja	132		Tiada maklumat
Jumlah Bot Dibeli	4		2
Program Ikan Hiasan Di Sungai Tengah			
Bilangan Kolam	3000		30
Hasil Pengeluaran Setahun	3000 tan metrik setahun		Tiada pengeluaran
Bilangan Penternak	100		1

Sumber: Kertas Pembentangan Makmal Pemandu Koridor Dan Bandar (C&C Lab) dan Laporan Pemantauan NCIA

2.4.2.4 Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Program Akuakultur Sungai Kerang Bilangan 2/2013 bertarikh 19 Ogos 2013 mendapati syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) ada menetapkan KPI syarikat untuk pengeluaran ladang ternakan udang sebanyak 10 tan metrik sebulan atau 380 tan metrik bagi tempoh bulan September 2011 sehingga Oktober 2014. Bagaimanapun, KPI syarikat AFISB tidak tercapai bagi tempoh September 2011 sehingga 31 Oktober 2014 iaitu jumlah pengeluaran adalah sebanyak 226.92 tan metrik atau 59.7%.

2.4.2.5 Pihak Audit telah menyemak perjanjian Skim Pertanian NKEA untuk *Entry Point Project (EPP#6)* sebagai penanda aras dan mendapati KPI syarikat telah ditetapkan merangkumi sasaran pengeluaran dan perincian tahap kemajuan. Selain itu, perjanjian tersebut juga telah menetapkan tarikh mula dan siap pembinaan infrastruktur. Oleh itu, prestasi projek pada setiap peringkat pelaksanaan dapat dinilai dari aspek kewangan, kemajuan fizikal dan pengeluaran hasil seperti yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penetapan KPI yang realistik dan menyeluruh bagi setiap program adalah penting bagi mengukur pencapaian objektif program. Selain itu, ia memudahkan proses pemantauan oleh NCIA terhadap Program Akuakultur.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Bahagian Pertanian & Industri Bio NCIA telah mengambil langkah menambah baik format KPI bagi setiap projek mulai bulan Januari 2015. Berdasarkan bilangan sangkar/kolam dan sistem operasi yang sedia ada, NCIA melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama akan menambah baik format KPI bagi setiap program.

2.4.3 Perancangan Program Yang Lemah

2.4.3.1 Asas Penetapan Jumlah Pembiayaan Dan Kadar Bayaran Balik

- a. Perjanjian antara NCIA dan syarikat pelaksana telah menetapkan jumlah pembiayaan bagi program yang dilaksanakan. Syarikat pelaksana perlu membayar balik semua atau sebahagian daripada jumlah pembiayaan kepada NCIA mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, setiap syarikat pelaksana diluluskan dengan kadar pembiayaan dan bayaran balik yang berbeza. Semakan Audit mendapati jumlah pembiayaan bagi 5 Program Akuakultur adalah sejumlah RM79.60 juta dan sejumlah RM40.40 juta atau 50.8% daripada pembiayaan tersebut merupakan bayaran balik kepada NCIA. Kadar bayaran balik bagi 5 program tersebut adalah di antara 17% hingga 100% dan baki pembiayaan sejumlah RM39.20 juta merupakan geran. Perbezaan ini disebabkan NCIA tidak mewujudkan garis panduan yang merangkumi kaedah agihan dan kadar bayaran balik pembiayaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9 : PEMBIAYAAN DAN PEMBAYARAN BALIK KEPADA NCIA

PROGRAM	SYARIKAT PELAKSANA	PEMBIAYAAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK		GERAN (RM Juta)
			RM (Juta)	%	
Akuakultur Sungai Menghulu	POSB	23.10	17.90	77	5.20
Ternakan Ikan Sangkar Marin	ANAZA	1.50	1.50	100	-
Akuakultur Sungai Kerang	AFISB	14.00	10.00	71	4.00
Ikan Hiasan	EATSB	5.00	5.00	100	-
Akuakultur Selinsing, Perak	HCSB	36.00	6.00	17	30.00
JUMLAH		79.60	40.40	51	39.20

Sumber: Dokumen Perjanjian

Pada pendapat Audit, ketiadaan asas penetapan jumlah pembiayaan dan kadar bayaran balik oleh setiap syarikat pelaksana menyebabkan perbezaan kadar bayaran balik yang ketara bagi setiap syarikat pelaksana.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 17 dan 24 April 2015

NCIA mengambil maklum cadangan Audit dan sedang mengambil tindakan lanjut melalui pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA serta memaklumkan pemberian dana fasilitasi tersebut bukan dalam bentuk pinjaman tetapi terma tersebut merupakan hasil persetujuan antara NCIA dan syarikat pelaksana.

NCIA telah berbincang dengan syarikat pelaksana pada 15 dan 17 April 2015 bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan.

Garis panduan yang jelas akan dinyatakan di dalam pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA yang sedang dikaji semula (termasuk Polisi dan Prosedur NEM). Garis panduan ini dijangka siap pada bulan Julai 2015.

2.4.3.2 Kadar Sumbangan Berdasarkan Jualan Kasar

- a. Perjanjian antara NCIA dan syarikat pelaksana telah menetapkan kadar sumbangan kepada NCIA berdasarkan jumlah jualan kasar yang dipersetujui oleh syarikat pelaksana untuk dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap perjanjian mendapati kadar sumbangan yang ditetapkan di antara 1.5% hingga 16% setahun atas jualan kasar syarikat. Bagaimanapun, syarat yang berbeza dikenakan oleh NCIA terhadap syarikat HCSB iaitu pembayaran sumbangan hanya akan dibuat apabila syarikat HCSB mencapai jualan kasar melebihi RM50 juta setahun. Sekiranya jualan kasar syarikat HCSB melebihi RM50 juta hingga RM70 juta kadar sumbangan yang dikenakan adalah 4% manakala 2% dikenakan bagi jualan kasar melebihi RM70 juta. Semakan Audit mendapati NCIA tidak mempunyai garis panduan atau polisi dalam ketetapan kadar sumbangan atas jualan kasar yang konsisten bagi syarikat HCSB dan syarikat lain.
- c. Semakan selanjutnya mendapati NCIA hanya menerima sumbangan sejumlah RM66,629 daripada syarikat POSB dan syarikat AFISB sehingga tahun 2014 manakala tiada bayaran sumbangan diterima daripada 2 syarikat pelaksana yang lain iaitu syarikat ANAZA dan syarikat EATSB. Semakan Audit mendapati bagi syarikat ANAZA tiada tindakan kutipan dibuat oleh NCIA. Syarikat EATSB pula masih belum mempunyai sebarang hasil jualan daripada ikan yang ditenak sejak tahun 2011 walaupun pada amnya ikan kelisa boleh membiak secara semulajadi sekali dalam setahun. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10 : KADAR SUMBANGAN TAHUNAN SYARIKAT PELAKSANA

PROGRAM	SYARIKAT PELAKSANA	KADAR SUMBANGAN TAHUNAN (%)	TEMPOH SUMBANGAN (Tahun)	JUMLAH SUMBANGAN (RM)	CATATAN
Akuakultur Sungai Menghulu	POSB - FASA 1	16	7	46,629	4% setiap suku tahun.
	POSB - FASA 2	2.5	15	-	-
Akuakultur Sungai Kerang	AFISB	8	12	20,000	2% setiap suku tahun.
Ternakan Ikan Sangkar Marin	ANAZA	2.5	5	-	
Ikan Hiasan	EATSB - BUKIT MERAH	1.5	10	-	
		Dikecualikan		-	Bagi jualan kasar kurang daripada RM50 juta setahun.
Akuakultur Selinsing, Perak	HCSB	4	10	-	Berdasarkan jualan kasar di antara RM 50 juta sehingga RM70 juta setahun.
		2		-	Berdasarkan jualan kasar melebihi RM70 juta setahun.
JUMLAH				66,629	

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Lejar Am

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA telah mengeluarkan invois kepada syarikat pelaksana dan akan terus memantau serta mewujudkan program pemulihan bagi memastikan syarikat mematuhi perjanjian.

- d. Semakan Audit mendapati syarikat EATSB menggunakan pembiayaan NCIA untuk membeli 70 ekor induk ikan kelisa bernilai RM600,000 yang bersaiz 40 hingga 46 cm pada bulan November 2011. Sumbangan syarikat EATSB adalah berdasarkan hasil jualan keseluruhan yang dinisbahkan terhadap 70 ekor induk ikan kelisa. Pihak Audit mendapati syarikat EATSB tidak mengemukakan Penyata Kewangan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia semenjak tahun 2011. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan hasil jualan syarikat dan sumbangan yang perlu dibuat. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati induk ikan milik syarikat EATSB dan induk ikan yang dibeli menggunakan dana NCIA tidak diasingkan. Selain itu, tiada kaedah ditetapkan untuk membezakan induk tersebut. Perkara ini menyukarkan NCIA untuk mengenal pasti kewujudan dan pengeluaran benih daripada induk.

Pada pendapat Audit penetapan kadar sumbangan yang tidak seragam ke atas setiap syarikat menunjukkan NCIA tidak mengamalkan polisi yang konsisten. Selain itu, prestasi kutipan sumbangan daripada syarikat pelaksana adalah

tidak memuaskan kerana NCIA tidak menyelenggara rekod jualan kasar setiap syarikat bagi memastikan tindakan kutipan dapat dilaksanakan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA mengambil maklum cadangan Audit dan sedang mengambil tindakan lanjut melalui pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA serta memaklumkan pemberian dana fasilitasi tersebut bukan dalam bentuk pinjaman tetapi terma tersebut merupakan hasil persetujuan antara NCIA dan syarikat pelaksana.

Garis panduan yang jelas akan dinyatakan didalam pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA yang sedang dikaji semula (termasuk Polisi dan Prosedur NEM). Garis panduan ini dijangka siap pada bulan Julai 2015.

2.4.3.3 Pemilihan Syarikat Pelaksana

- a. Mengikut Seksyen 8 Akta 687, NCIA boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain, manjalankan apa-apa kuasa lain dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang ditugaskan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri dengan kelulusan Perdana Menteri.
- b. Pemilihan syarikat pelaksana bagi sesuatu program adalah berdasarkan kepada kertas cadangan perniagaan yang dikemukakan kepada NCIA untuk mendapatkan pembiayaan oleh syarikat yang ditawarkan atau syarikat yang berminat. Kertas cadangan perniagaan tersebut merangkumi latar belakang syarikat, pengalaman kerja, pencapaian dan kedudukan kewangan syarikat.
- c. Semakan Audit mendapati Bahagian Pertanian NCIA menyediakan kertas pembentangan cadangan perniagaan daripada syarikat pelaksana untuk kelulusan Ketua Eksekutif. Bagaimanapun, NCIA tidak mempunyai asas dan prosedur perolehan yang khusus untuk pemilihan syarikat pelaksana.
- d. Pihak Audit mendapati NCIA menggunakan kaedah *New Engagement Model* (NEM) untuk pemilihan syarikat pelaksana berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Kaedah ini diluluskan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara kali ke-7 pada 26 Ogos 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 5 daripada 8 dokumen perjanjian syarikat terlibat telah ditandatangani sebelum NEM diluluskan. Pihak Audit dimaklumkan NCIA tidak mengguna pakai prosedur perolehan Kerajaan dalam pemilihan 5 syarikat pelaksana Program Akuakultur

kerana perlu mempercepatkan pelaksanaan program dan mengurangkan karenah birokrasi.

Pada pendapat Audit, tanpa asas pemilihan syarikat pelaksana boleh memberi ruang kepada risiko penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Selain itu, pemilihan syarikat adalah tidak telus kerana tidak melibatkan sebarang Jawatankuasa yang dianggotai oleh individu berpengalaman berkaitan projek untuk menilai keupayaan dan prestasi syarikat.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Draf penambahbaikan Polisi dan Prosedur (P&P) NEM telah disediakan dan sedang diperhalusi serta dijangka selesai pada bulan Mei 2015. Penambahbaikan P&P NEM ini akan dibincangkan dalam mesyuarat bersama Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan yang dijangka diadakan pada minggu ke-3 Mei 2015. P&P NEM akan dibentangkan di Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada bulan Julai 2015 untuk kelulusan.

Berdasarkan Blueprint dan laporan Rabobank, NCIA membuat penilaian ke atas kertas cadangan dan seterusnya membuat pemilihan berdasarkan pengalaman syarikat, lokasi yang dicadangkan, unjuran pengeluaran, jualan dan peluang pekerjaan yang diberikan oleh syarikat yang membuat cadangan tersebut.

Dalam tempoh 2008 sehingga awal 2010, NCIA diminta menunjukkan momentum yang ketara dalam menerajui perkembangan industri. Pada masa yang sama NCIA diminta untuk melaksanakan program/projek yang telah diluluskan dengan kadar segera memandangkan program Economic Transformation Programme (ETP) telah dilancarkan pada tahun 2010 dan kesinambungan diperlukan.

Prosedur NEM yang dibangunkan oleh NCIA berdasarkan Akta 687 telah diperhalusi oleh Ernst & Young sejak tahun 2010. Disebabkan faktor-faktor program transformasi seperti ETP yang menekankan penglibatan sektor swasta dan keperluan untuk menyegerakan projek yang telah diumumkan oleh Kerajaan. NCIA telah menggunakan prosedur NEM terlebih dahulu memandangkan mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara hanya bersidang 2 kali setahun.

Walaupun NCIA diminta untuk melaksanakan program/projek yang diluluskan dengan segera, peruntukan yang disalurkan sejumlah RM79.60 juta perlu menghasilkan *outcome* dan mencapai objektif yang ditetapkan.

2.4.4 Pematuhan Syarat Perjanjian

Perjanjian merupakan dokumen penting bagi menjamin kepentingan Kerajaan dipelihara, mengikat kedua-dua pihak dalam melaksanakan peranan masing-masing serta wang awam dapat dibelanjakan dengan berhemat. Perjanjian yang lengkap dan jelas memudahkan pelaksanaan serta pemantauan. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian NCIA mengandungi kelemahan seperti berikut:

2.4.4.1 Syarat Terdahulu Perjanjian (*Condition Precedent*) Tidak Dipatuhi

- a. Perjanjian di antara syarikat pelaksana dan NCIA menyatakan mengenai klausa Syarat Terdahulu perjanjian (*Condition Precedent*) iaitu syarat yang perlu dipatuhi sebelum pelaksanaan terma utama atau obligasi pihak yang terlibat dengan perjanjian dan syarat tersebut merupakan keperluan undang-undang. Tertakluk kepada terma perjanjian dan sesuatu syarat adalah mandatori, kegagalan mematuhi syarat terdahulu dan pelanjutan tempoh pematuhan akan menjejaskan pelaksanaan perjanjian.
- b. Semakan Audit terhadap 8 dokumen perjanjian mendapati 5 perjanjian mempunyai syarat terdahulu yang perlu dipatuhi. Perjanjian tersebut melibatkan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) Fasa 1 dan 3, Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK), E-AROWANA dan Program Akuakultur Selingsing Perak (PASP). Semua syarat terdahulu yang ditetapkan dalam perjanjian telah dipatuhi oleh syarikat pelaksana kecuali syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB) untuk program PASM dan syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) untuk program PASK. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11 : SYARAT TERDAHULU PERJANJIAN YANG TIDAK DIPATUHI

PROGRAM	SYARAT TERDAHULU	CATATAN
PASM Fasa 1	1. Selaras dengan syarikat POSB membayar premium dan pembayaran lain, kos dan perbelanjaan, Jabatan Perikanan Negeri Kedah menjamin dan berjanji bahawa lesen Sistem Kultur Laut (SKL) akan dikeluarkan dan syarikat POSB menjamin dan berjanji bahawa lesen SKL adalah sah sepanjang kewujudan perjanjian ini.	Jabatan Perikanan Negeri Kedah mengesahkan lesen SKL syarikat POSB tidak diperbaharui sejak 13 Mac 2013 melalui surat Prk.K.09/728/6 bertarikh 8 Januari 2015.
PASM Fasa 3	1. Syarikat POSB perlu menyediakan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Bersama (JC) untuk pertimbangan dan pengesyoran dan kelulusan NCIA bagi tema seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Mekanisme dan pelaksanaan umum untuk peladang kontrak. Hubungan pelaksanaan umum syarikat POSB dan peladang kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelesaian pertikaian. Terma dan syarat yang mengawal hubungan di antara syarikat POSB dan peladang kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada prosedur operasi yang dikeluarkan oleh syarikat POSB untuk proses penternakan bagi melancarkan operasi skim jaminan beli balik. Syarat dan peraturan skim jaminan beli balik iaitu syarikat POSB menjamin untuk membeli hasil dari setiap peladang kontrak. Manfaat kewangan atau sebaliknya yang mungkin diterima oleh peladang kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada insurans yang diambil oleh setiap peladang kontrak. 	Samakan terhadap minit mesyuarat JC bertarikh 18 Julai 2012 mendapati syarikat POSB tidak mengemukakan tema seperti yang ditetapkan kepada JC untuk pertimbangan dan pengesyoran.
	2. Syarat terdahulu mengenai peserta ladang kontrak adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Menghantar sekurang-kurangnya 16 nama peserta ladang kontrak Penyediaan terma pelaksanaan peladang kontrak yang perlu dikemukakan untuk kelulusan NCIA dalam tempoh sebulan dari tarikh perjanjian. Syarat kontrak rasmi secara bertulis dengan setiap peladang kontrak berkaitan program PASM hendaklah dipatuhi dalam tempoh 3 bulan dari tarikh perjanjian ini. Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan, perjanjian ini hendaklah dianggap terbatal dari awal (<i>void ab initio</i>) dan kedua-dua pihak serta merta terlepas daripada tanggungjawab mereka dalam peruntukan perjanjian ini. 	Tidak dapat mengesahkan syarat tersebut telah dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.
PASK	<ol style="list-style-type: none"> Pajakan lokasi akuakultur diberikan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk NCIA dan disokong Pejabat Tanah yang berkaitan. Semua kos dan perbelanjaan untuk mendapatkan dan mengekalkan pajakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman dan perbelanjaan peguam yang dilantik oleh NCIA (jika berkaitan) yuran pendaftaran pihak berkuasa tempatan dan/atau negeri, premium, cukai tanah dan taksiran hendaklah dibayar oleh syarikat AFISB bagi pihak NCIA dan kekal sebagai pembayar selama syarikat AFISB yang merupakan pemegang lesen lokasi akuakultur. Syarat terdahulu dianggap telah dipenuhi sekiranya NCIA mendapatkan geran pajakan dengan namanya disahkan sebagai pemegang pajakan dan salinan yang sama diberikan kepada AFISB. 	NCIA masih belum mendapatkan geran pajakan atas namanya walaupun syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut.
	iv. Jika syarat terdahulu mengenai geran pajakan dan juga perjanjian jual beli lokasi pemprosesan tidak dipenuhi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian ini, kedua-dua pihak adalah bebas sama ada untuk melanjutkan tempoh pematuhan secara bertulis atau bersetuju secara bertulis untuk menamatkan perjanjian dan menganggap perjanjian ini tidak sah di mana semua pihak adalah terlepas daripada tanggungjawab mereka dalam peruntukan perjanjian ini selepas itu.	Tidak dapat disahkan kerana geran pajakan masih belum diperolehi.

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bersama

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Perjanjian adalah dalam bentuk mudah cara dan bukan perjanjian binaan fizikal. Walaupun terdapat syarat terdahulu dalam perjanjian tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk memberi pelepasan (waive) terhadap syarat terdahulu demi pelaksanaan program secara lancar:

Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)

Syarikat POSB telah melantik 16 orang peserta yang diberi latihan dan dibayar gaji. Syarikat POSB tidak gagal dalam memenuhi syarat terdahulu namun operasi tidak berjalan lancar kerana kerosakan sangkar disebabkan oleh ribut. Perancangan awal berkenaan konsep latihan kepada usahawan dibincangkan dalam mesyuarat Jawantankuasa Bersama Ke-7 pada 18 Januari 2011.

Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad

Kebenaran merancang akan dipohon oleh NCIA kerana ia diperlukan untuk permohonan geran tanah.

2.4.4.2 Proses Permohonan Hak Milik Tanah Tidak Dilaksanakan

- a. Perjanjian program PASK menetapkan NCIA perlu mendapatkan geran pajakan tanah bagi lokasi akuakultur dengan namanya disahkan sebagai pemegang pajakan bagi memenuhi kehendak syarat terdahulu perjanjian.
- b. Semakan Audit mendapati pada 6 Mei 2009 Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang dan Selama telah meluluskan cadangan program pembangunan oleh NCIA bagi pembangunan semula untuk keluarga miskin tegar seluas 70 ekar di wilayah Sungai Kerang, Mukim Sungai Tinggi, Daerah Larut, Matang dan Selama. Semakan lanjut dengan pejabat tanah berkaitan mendapati hak milik belum dikeluarkan kepada NCIA kerana NCIA masih belum mengemukakan pelan susunatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. Oleh itu, NCIA tidak mematuhi kehendak syarat terdahulu perjanjian walaupun syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut.

Pada pendapat Audit, syarat terdahulu yang ditetapkan oleh NCIA dalam perjanjian adalah baik. Bagaimanapun, pelaksanaan syarat terdahulu kurang memuaskan kerana terdapat syarat yang tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana dan NCIA.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA dalam proses melantik juru ukur dan perancang bandar pada 6 Mei 2015 untuk mendapatkan kebenaran merancang daripada Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa bagi proses mendapatkan geran hak milik. NCIA melaksanakan projek ini dengan segera bagi mengelakkan setinggian kembali ke tapak projek. Ini adalah nasihat daripada Kerajaan Negeri Perak.

NCIA mempunyai hak untuk melepaskan syarat terdahulu selepas menerima surat keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak meluluskan pajakan selama 99 tahun. Memandangkan situasi ini adalah di luar kawalan pihak yang terlibat, NCIA telah melepaskan syarat terdahulu secara by conduct untuk meneruskan pelaksanaan projek. Jawatankuasa pelantikan perunding akan bersidang pada 15 Mei 2015 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2016.

Sebarang pindaan terhadap syarat perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

2.4.4.3 Model Kerja Program Tidak Dapat Dilaksanakan Dengan Baik

- a. Perjanjian di antara NCIA dengan syarikat POSB, AFISB dan HCSB telah menetapkan model kerja bagi pelaksanaan program termasuk menguruskan peladang kontrak atau usahawan akua. Melalui model kerja ini, syarikat perlu menguruskan perjalanan program dan Jawatankuasa Bersama perlu mengenal pasti serta melantik peserta iaitu peladang kontrak atau usahawan akua. Syarikat bertanggungjawab menandatangani perjanjian dengan setiap peserta selepas pelantikan dibuat. Terma dan syarat perjanjian tersebut hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh NCIA dan antara terma serta syarat model kerja adalah seperti berikut:
 - i. Pembahagian kolam atau sangkar untuk penternakan;
 - ii. Pembahagian benih, makanan, ubatan dan peralatan kepada peladang kontrak atau usahawan akua untuk melaksanakan aktiviti penternakan;
 - iii. Gaji atau elaun sara hidup pada tempoh permulaan atau pusingan pertama tuaian; dan
 - iv. Jaminan beli balik hasil tuaian oleh syarikat.
- b. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat *Task Force* program bertarikh 23 Disember 2014 mendapati syarikat HCSB masih belum melaksanakan model kerja ini kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat. Seterusnya, pihak Audit dimaklumkan syarikat AFISB tidak menggunakan model kerja

- peladang kontrak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian sebaliknya telah melantik peserta kolam yang diberi gaji pokok dan bonus mengikut keuntungan pengeluaran kolam. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan persetujuan pertukaran model kerja kerana tidak diminitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama.
- c. Pada 9 April 2012, syarikat AFISB telah mengeluarkan surat lantikan kepada 6 peserta projek ternakan udang dan dipersetujui melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama pada 10 April 2012. Temuduga telah dijalankan pada 15 April 2012 oleh wakil Pejabat Daerah, NCIA dan syarikat AFISB. Semakan Audit terhadap surat lantikan peserta projek ternakan udang mendapati pelantikan peserta berkuat kuasa mulai 2 Mei 2012. Bagaimanapun, laporan gaji bulan Oktober 2014 menunjukkan hanya 4 peserta kolam yang masih mengusahakan ternakan udang. Model kerja yang dilaksanakan tidak menyumbang kepada produktiviti kilangnya kerana hasil tuaian udang tidak memuaskan. Selain itu, syarikat AFISB menanggung kerugian disebabkan pelaburan dan kos operasi yang tinggi serta masih belum berupaya untuk membuat pembayaran balik pembiayaan kepada NCIA.
- d. Semakan Audit terhadap senarai pekerja dan peserta projek POSB Sungai Menghulu mendapati 30 peladang kontrak telah terlibat mulai tahun 2011. Syarikat POSB tidak membuat perjanjian dengan setiap peladang kontrak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar pelantikan peladang kontrak, pembahagian sangkar dan bahan mentah serta perjanjian jaminan beli balik hasil tuaian. Pihak Audit mendapati syarikat POSB telah memberi gaji tetap, caruman KWSP, caruman PERKESO dan insentif jualan kepada peladang kontrak yang terlibat. Syarikat POSB terpaksa menanggung komitmen bulanan yang tinggi akibat tidak mematuhi terma dan syarat iaitu pembayaran gaji atau elaun sara hidup hanya pada tempoh permulaan atau pusingan pertama tuaian. Sehubungan itu, syarikat POSB masih belum berupaya untuk membuat pembayaran balik pembiayaan kepada NCIA. Pihak Audit dimaklumkan bahawa semua peladang kontrak telah diberi cuti tanpa gaji secara berperingkat mulai tahun 2012 kerana kekurangan pengeluaran hasil dan kerosakan sebahagian sangkar akibat ribut.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan model kerja program untuk syarikat HCSB, AFISB dan POSB adalah kurang memuaskan kerana pengurusan program dan pelantikan peserta tidak dilaksanakan sepenuhnya. Antara terma dan syarat perjanjian seperti penyediaan perjanjian peladang kontrak, pembahagian sangkar/kolam, benih, makanan dan jaminan beli balik hasil tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Secara amnya, program usahawan mengambil masa antara 7 hingga 10 tahun. Pelaksanaan program usahawan dan peladang kontrak akan dipantau dengan rapi tertakluk kepada isu-isu seperti masalah EMS.

Syarikat HCSB

Program latihan usahawan di syarikat HCSB kurang lancar kerana masalah penyakit EMS yang menyebabkan pengeluaran hasil kurang. Bagaimanapun, program usahawan ini telah bermula dengan mengenal pasti peserta bagi program tersebut. Seramai 7 orang usahawan sedang menjalani program ini di syarikat HCSB iaitu mereka akan diberi pilihan untuk mengusahakan kolam sendiri mengguna pakai peruntukan sendiri atau bekerjasama dengan syarikat pelaksana untuk mengusahakan kolam syarikat.

Syarikat AFISB

NCIA bersama Jabatan Perikanan akan turut sama memberi input terhadap usaha mengatasi masalah EMS dan akan menggunakan kawasan ini sebagai model untuk mengatasi masalah penyakit. Program ini telah dilaksanakan dimana seramai 5 orang daripada 23 orang calon telah dipilih. Bagaimanapun, kesemua peserta telah gagal semasa tempoh percubaan tersebut. Program ini akan diteruskan setelah masalah dapat diatasi.

Syarikat POSB

Selepas selesai proses perundangan, projek akan diteruskan berdasarkan kajian semula model perniagaan yang bersesuaian untuk projek ini.

2.4.4.4 Hak Pemilikan Dan Insurans Terhadap Kemudahan Serta Peralatan Tidak Menepati Terma Perjanjian**a. Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad**

- i. Klausula 5.9 perjanjian PASM Fasa 1 menetapkan bahawa NCIA memegang hak pemilikan terhadap semua kemudahan dan peralatan yang dibeli sepanjang tempoh perjanjian. Klausula 5.10 menetapkan syarikat POSB berperanan dan bertanggungjawab memastikan kemudahan dan peralatan yang dibeli diinsuranskan atas nama NCIA sepanjang tempoh perjanjian dan perlanjutan. Klausula 6.7 perjanjian PASM Fasa 3 menetapkan NCIA mempunyai hak pemilikan yang sama terhadap semua aset alih dan syarikat POSB memberi jaminan bahawa aset tersebut tidak akan dilupuskan,

diberikan atau dicagarkan untuk kemudahan pembiayaan sepanjang tempoh perjanjian berkuat kuasa.

- ii. Syarikat POSB telah membina sebuah Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan bagi Fasa 1 bernilai RM900,000. Semakan Audit mendapati hak pemilikan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan masih bukan milik NCIA kerana geran tanah belum diperoleh. Permohonan telah dibuat oleh syarikat POSB pada 26 September 2010 dan ditolak oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi kerana sedang menunggu keputusan Kerajaan Negeri Kedah untuk permohonan daripada individu lain di lokasi yang sama. Pihak Audit dimaklumkan NCIA juga telah membuat permohonan pada 21 Ogos 2011 tetapi belum diluluskan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi. Selain itu, pusat ini tidak diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam klausa 5.10 perjanjian PASM Fasa 1.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan membuat permohonan tanah daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi untuk mendapatkan TOL/hak milik.

Syarikat POSB menghadapi masalah untuk mendapatkan syarikat insurans yang sanggup memberi perlindungan insurans terhadap peralatan sangkar laut dan fasiliti berkaitan. Ini adalah berkaitan dengan status tanah yang masih belum diselesaikan.

- iii. Semakan Audit terhadap tuntutan pembayaran mendapati syarikat POSB telah membeli 5 buah bot Kelas B daripada 5 orang individu dengan menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.15 juta. Bagaimanapun, Buku Dasar dan Perlesenan Vesel menetapkan hak pemilikan bot Kelas B hanya boleh dibuat atas nama individu yang berstatus nelayan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.12 : SENARAI BOT DAN HAK PEMILIKAN INDIVIDU

NO. BOT	NO. LESEN	TEMPOH SAH LESEN	PEMBIAYAAN NCIA (RM)	CATATAN
KHF 244	EA 001223	01.02.2015 - 31.01.2016	250,000	
PK 3072 F	E 009653	11.02.2015 - 10.02.2016	250,000	
KF 5528	EA 001282	23.03.2015 - 21.04.2016	150,000	
KF 2464	EA 001094	25.01.2014 - 24.01.2015	250,000	Lesen digantung selama setahun kerana menunda di bawah 5 batu nautika dari pantai.
KHF 1198	EA 001125	11.02.2015 -10.02.2016	250,000	
JUMLAH KESELURUHAN			1,150,000	

Sumber: Senarai Penerima Subsidi Diesel Di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Maklumat daripada Jabatan Perikanan Putrajaya.

Pada pendapat Audit, NCIA tidak sepatutnya membiayai perolehan 5 bot kelas B bernilai RM1.15 juta yang tidak boleh ditukar hak milik kepada NCIA.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA telah mendapatkan pandangan daripada Jabatan Perikanan selepas teguran Audit dan dimaklumkan oleh Jabatan Perikanan bahawa bot kelas B tidak boleh ditukar hak milik kepada syarikat.

NCIA akan membuat permohonan kepada Jabatan Perikanan supaya bot berkenaan ditukarkan kepada kelas C bagi membolehkan hak milik ditukar kepada NCIA.

Jabatan Perikanan Putrajaya menggalakkan pertukaran kelas bot dari kelas B ke kelas C. Bagaimanapun, pertukaran 5 buah bot yang dibiayai oleh NCIA akan melibatkan anggaran kos sejumlah RM3 juta sedangkan kos perolehan 5 bot tersebut hanya berjumlah RM1.15 juta.

2.4.5 Prestasi Pembayaran Balik Pembiayaan

2.4.5.1 Perjanjian antara NCIA dengan syarikat pelaksana menetapkan tempoh dan jumlah pembayaran balik pembiayaan tanpa faedah perlu dibuat mulai tahun 2013. Semakan Audit mendapati tiada bayaran balik pembiayaan oleh syarikat pelaksana sehingga 31 Disember 2014. Bayaran balik yang perlu dikutip adalah sejumlah RM10.82 juta iaitu tunggakan bayaran balik tahun 2013 sejumlah RM5.12 juta dan tahun 2014 sejumlah RM5.70 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.13 : JUMLAH BAYARAN BALIK YANG PERLU DIKUTIP SETAKAT 31 DISEMBER 2014

SYARIKAT PELAKSANA	BAYARAN BALIK				TUNGGAKAN BAYARAN BALIK		
	BIL. TAHUN	TARIKH MULA – TARIKH AKHIR	JUMLAH (RM Juta)	2013	2014	JUMLAH (RM Juta)	
				(RM Juta)	(RM Juta)		
POSB	Fasa 1	5	31.12.2013 - 31.12. 2017	6.80	1.36	1.36	2.72
	Fasa 2	7	30.06.2013 - 31.12. 2019	3.00	0.42	0.42	0.84
	Fasa 3	5	31.12.2013 - 31.12.2017	8.10	1.62	1.62	3.24
ANAZA		5	01.03.2013 - 01.03.2018	1.50	0.25	0.30	0.55
AFISB		6	31.12. 2013 - 31.12. 2018	10.00	0.50	1.00	1.50
EATSB	Sg. Tengas	5	30.06.2013 - 31.12. 2017	4.00	0.80	0.80	1.60
	Bukit Merah	5	01.03.2013 - 01.03.2018	1.00	0.17	0.20	0.37
HCSB		6	31.12.2015 - 31.12.2020	6.00	-	-	-
JUMLAH				40.40	5.12	5.70	10.82

Sumber: Dokumen Perjanjian

2.4.5.2 Pihak Audit mendapati NCIA telah mengeluarkan Nota Debit untuk mengutip semula pembiayaan tersebut tetapi disusuli Nota Kredit pada penghujung tahun apabila tiada bayaran balik diterima. Selain itu, tiada tindakan susulan dibuat oleh NCIA untuk mendapatkan semula jumlah pembiayaan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA tidak menganggap syarikat pelaksana sebagai peminjam tetapi mereka adalah pelaksana kepada projek bersama NCIA untuk pembangunan sosio ekonomi Koridor Utara.

Pada pendapat Audit, perjanjian yang ditandatangani telah mengikat syarikat pelaksana untuk membayar balik pembiayaan kepada NCIA mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan.

2.4.6 Pembinaan Bangunan Di Tanah TOL

2.4.6.1 Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kerian menyatakan bahawa tanah yang diberikan lesen ini tidak boleh digunakan untuk maksud selain daripada yang dinyatakan dalam lesen, menanam tanaman kekal dan mendirikan bangunan kekal atau binaan kekal yang lain. Perlanggaran syarat di dalam lesen boleh menyebabkan lesen ini terbatal.

2.4.6.2 Semakan Audit mendapati syarikat HCSB telah melaksanakan perniagaan berasaskan ternakan udang di dalam kolam yang menepati maksud menduduki tanah tersebut iaitu pertanian dan akuakultur. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Selinsing mendapati syarikat HCSB telah membina bangunan pentadbiran,

makmal, surau dan kantin. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Program Kompleks Akuakultur Selinsing Kali Ke-7 pada 6 Disember 2011 menyatakan syarikat HCSB telah memohon kelulusan daripada pejabat tanah untuk membina bangunan kekal di kawasan tersebut tetapi kelulusan mengenainya masih belum diperolehi. Sekiranya pembinaan dibuat tanpa kelulusan yang sewajarnya, NCIA akan mengalami kerugian kerana telah membuat pembayaran TOL sejumlah RM366,000 untuk tempoh 10 tahun dan projek akan gagal sekiranya lesen dibatalkan. Antara bangunan yang dibina oleh syarikat HCSB adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.15



Lokasi: Selinsing, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

GAMBAR 2.16



Lokasi: Selinsing, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

Bangunan Kekal Dibina Atas Tanah TOL

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan kelulusan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kerian telah diperolehi pada 14 April 2015. Bagaimanapun, NCIA diarahkan untuk memohon Lesen Menduduki Sementara (TOL) yang berasingan bagi tapak yang telah dibina bangunan supaya tidak berlaku perlanggaran syarat TOL.



NCIA akan memohon kepada Pejabat Menteri Besar untuk pelepasan syarat TOL dan dijangka selesai 6 bulan dari tarikh surat permohonan (hujung bulan Mei 2015).

2.4.7 Peralatan Tidak Disenggara

2.4.7.1 Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan KP2.5/2013, setiap kemudahan dan peralatan memerlukan penyenggaraan sama ada secara pencegahan atau pemulihan atau kedua-duanya sekali bagi memelihara dan memanjangkan jangka hayat peralatan.


2.4.7.2 Lawatan Audit ke Sungai Menghulu pada 20 Oktober 2014 mendapati syarikat POSB telah membeli peralatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, bilik sejuk beku didapati telah berkarat, mesin membuat palet makanan ikan tidak digunakan dan mesin pemprosesan makanan telah rosak kerana tidak disenggara dengan baik. Selain itu, 2 mesin mencuci pukot yang dibiayai oleh NCIA sejumlah RM80,000 sepatutnya ditempatkan di Sungai Menghulu telah ditempatkan di Kilang Pemprosesan Tanjung Dawai. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada mesin tersebut disenggara dengan baik. Syarikat POSB memaklumkan mesin tersebut tidak digunakan kerana memerlukan pembaikan untuk kegunaan luar jangka. Antara peralatan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.17
Bilik Sejuk Yang Tidak Disenggara Dengan Baik Dan Berkarat




Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.18
Mesin Pemprosesan Makanan Bernilai RM25,000 Yang Rosak



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.19
2 Mesin Mencuci Pukat Bernilai RM80,000 Yang Tidak Digunakan Dan Tidak Berada Di Sungai Menghulu



Lokasi: Kilang Pemprosesan Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 9 Disember 2014
Sumber: Syarikat POSB

Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak diuruskan dengan baik boleh meningkatkan kos penyenggaraan dan baik pulih peralatan serta menjejaskan produktiviti.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Pihak NCIA akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan karat seperti cat semula, tampalan atau dibaiki.

2.4.8 Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan KP2.4/2013, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat.

2.4.8.1 Penggunaan Kemudahan Kolam Dan Sangkar

- a. Lawatan Audit ke setiap lokasi program pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat telah membina kolam udang putih dan sangkar ikan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian kecuali syarikat HCSB hanya membina 168 daripada 360 kolam di Pulau Gula. Pihak Audit mendapati syarikat EATSB telah menggunakan sepenuhnya kolam yang dibina manakala penggunaan kolam dan sangkar bagi 3 syarikat lain adalah di antara 4.2% hingga 41.7%. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan penggunaan sangkar milik syarikat ANAZA kerana telah diusahakan oleh syarikat lain. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.14 : PENGGUNAAN KOLAM DAN SANGKAR

PROGRAM	SYARIKAT	LOKASI	KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGGUNAAN KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGGUNAAN (%)	CATATAN
PIH	EATSB	Bukit Merah, Perak	44	44	100	Kolam digunakan sepenuhnya
		Sungai Tengas, Kedah	30	30	100	
PASK	AFISB	Sungai Kerang, Perak	28	10	35.7	4 kolam mempunyai udang, 6 kolam dalam penyediaan untuk kemasukan benih udang dan 18 kolam lagi tidak digunakan.
PASM	POSB	Sungai Menghulu, Langkawi	1200	400	34	Syarikat memaklumkan hanya 100 sangkar yang mempunyai ikan semasa lawatan Audit pada 20 Oktober 2014.
PASP	HCSB	Selinsing, Perak	140	35	25	Pihak Audit dimaklumkan 20 kolam digunakan untuk rawatan air manakala 15 kolam sedang beroperasi.

PROGRAM	SYARIKAT	LOKASI	KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGGUNAAN KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGGUNAAN (%)	CATATAN
		Pulau Gula, Perak	168	7	4.2	Hanya 168 kolam daripada 360 kolam telah siap dibina.
PTISM	ANAZA	Penarak, Langkawi	275	Tiada Maklumat		Sangkar telah diusahakan oleh syarikat lain.

Sumber: Dokumen Perjanjian, Laporan Pemantauan NCIA dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bersama.

- b. Pihak Audit dimaklumkan antara faktor kolam dan sangkar tidak digunakan sepenuhnya adalah kerana kekurangan benih udang putih dan ikan yang berkualiti, kadar kematian udang yang tinggi disebabkan penyakit *Early Mortality Syndrome* dan faktor cuaca seperti ribut yang merosakkan sangkar ikan. Oleh itu, penggunaan kolam dan sangkar yang tidak optimum telah menjejaskan pengeluaran dan hasil jualan. Ini menyebabkan syarikat tidak dapat membuat sumbangan dan pembayaran balik pembiayaan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad

NCIA memaklumkan 2 isu yang menyebabkan kurangnya penggunaan kolam di Pulau Gula iaitu bekalan elektrik dan isu logistik. Bagi isu bekalan elektrik, syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad menggunakan generator dengan bekalan diesel yang tidak menguntungkan. Bagi isu kebenaran penggunaan tanah rizab hutan untuk jalan masuk ke tapak pembangunan, ianya adalah berkaitan dengan laluan masa kini adalah bergantung kepada pasang surut air. Kebergantungan kepada keadaan ini menjadikan pergerakan kakitangan tidak menguntungkan. Berdasarkan kepada 2 masalah ini, Jawatankuasa Bersama mencadangkan pembinaan 192 kolam ditangguhkan.

Syarikat Anaza Sdn. Berhad

NCIA sedang merancang untuk membaik pulih Program Penternakan Ikan Marin dan akan mengambil alih 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA. Selain itu, perjanjian telah ditamatkan melalui surat tuntutan yang dikeluarkan oleh peguam NCIA pada 16 Mac 2015 dan dijangka selesai pada bulan Disember 2015.

Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)

Syarikat AFISB telah memulakan penghasilan benih udang putih dan sebuah lagi syarikat telah memulakan penghasilan benih udang harimau. Penghasilan benih yang berkualiti bukan sahaja menjamin kualiti bekalan tetapi dapat menangani isu penyakit.



2.4.8.2 Penggunaan Kemudahan Dan Peralatan

- a. Lawatan Audit ke syarikat POSB di Sungai Menghulu dan Tanjung Dawai serta syarikat AFISB di Kamunting pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat telah membeli dan membina kemudahan serta peralatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.
- b. Pihak Audit mendapati kemudahan pemprosesan di syarikat AFISB dilengkapi dengan peralatan yang berkeadaan baik tetapi tidak digunakan. Syarikat AFISB memaklumkan operasi kemudahan pemprosesan telah dihentikan sementara waktu mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan pengeluaran hasil daripada kolam. Bagaimanapun, peralatan tersebut telah disenggara dengan baik untuk mengelak daripada pengumpulan habuk dan dimasuki serangga yang boleh merosakkan peralatan. Antara peralatan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.20

GAMBAR 2.21

Peralatan Tidak Digunakan Sejak Dihentikan Operasi Mulai bulan Ogos 2014



Lokasi: Kamunting, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

Lokasi: Kamunting, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

- c. Syarikat POSB telah membina kemudahan Pusat Transit Dan Kuarantin untuk menempatkan benih ikan sebelum dilepaskan ke sangkar. Pusat ini dilengkapi dengan bangunan pentadbiran, tangki asuhan, tangki penetasan, tangki makanan hidup, tangki induk dan tangki takungan. Semakan Audit mendapati penggunaan 4 jenis tangki yang dibiayai oleh NCIA sejumlah RM1.13 juta adalah di antara 4.4% hingga 45%. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.15 : PENGGUNAAN TANGKI DI PUSAT TRANSIT DAN KUARANTIN SYARIKAT POSB

BUTIRAN	KEMUDAHAN (Bil.)	PENGGUNAAN (Bil.)	PENGGUNAAN (%)
Tangki Penetasan	40	18	45
Tangki Makanan Hidup	40	15	37.5
Tangki Induk	4	1	25
Tangki Asuhan	160	7	4.4

Sumber: Rekod Tangki Asuhan dan Penetasan Syarikat POSB

GAMBAR 2.22
Tangki Makanan Hidup Tidak Digunakan




Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.23
Tangki Penetasan Yang Tidak Digunakan




Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.24
Tangki Asuhan Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.25
Tangki Asuhan Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, penggunaan kemudahan dan peralatan kurang daripada 50% adalah tidak memuaskan. Penggunaan kemudahan dan peralatan yang tidak optimum telah menjejaskan pengeluaran hasil dan jangka hayat peralatan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan projek akan diteruskan berdasarkan kajian semula model perniagaan yang bersesuaian untuk projek ini selepas selesai proses perundangan.

2.4.9 Kawalan Biosekuriti dan Pensijilan Akuakultur Yang Tidak Memuaskan

2.4.9.1 Mengikut Amalan Terbaik Akuakultur, biosekuriti merupakan komponen pengurusan yang penting bagi mencegah kewujudan agen penyakit. Antara kawalan biosekuriti akuakultur yang perlu dilakukan adalah memastikan kenderaan melalui *wheel dip*, kaki dan tangan pekerja atau pelawat dibasuh dengan cecair *omnicide*. Lawatan Audit ke program akuakultur pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat POSB dan EATSB tidak menyediakan kawalan biosekuriti tersebut.

2.4.9.2 Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah memperkenalkan satu skim sukarela yang memberi pengiktirafan rasmi kepada pengusaha ladang akuakultur melalui Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) yang telah dinamakan semula sebagai *Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP)*. Semakan Audit mendapati hanya syarikat AFISB yang memperoleh sijil tersebut sementara 4 syarikat yang lain tidak mempunyai sebarang pengiktirafan.

Pada pendapat Audit, amalan biosekuriti dan MyGAP yang baik dapat mencegah penyakit yang boleh menjejaskan pengeluaran akuakultur.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA telah bekerjasama dengan Jabatan Perikanan menganjurkan seminar kesedaran dan promosi MyGAP di Perak dan Pulau Pinang. Seterusnya NCIA akan menganjurkan seminar ini di Kedah dan Perlis pada suku ketiga tahun 2015.

NCIA kini telah meletakkan syarat bahawa kesemua program berkaitan pertanian untuk mempraktikkan pelaksanaan prosedur kawalan biosekuriti berdasarkan amalan MyGap.

2.4.10 Prestasi Kewangan Terhadap 5 Syarikat Pelaksana Bagi Tahun 2011 Sehingga 2013

Analisis Audit hanya dibuat terhadap 3 daripada 5 syarikat iaitu syarikat POSB, AFISB dan HCSB berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2011 sehingga 2013. Bagaimanapun, analisis kewangan terhadap syarikat EATSB dan ANAZA tidak dapat dibuat kerana syarikat tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit kepada NCI dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

2.4.10.1 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2011 sehingga 2013 bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat pelaksana meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Ekuiti, Pulangan Atas Aset dan Nisbah Hutang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.16 : ANALISIS NISBAH KEWANGAN SYARIKAT PELAKSANA BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

PERKARA	BUTIRAN								
	SYARIKAT POSB			SYARIKAT AFISB			SYARIKAT HCSB		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.54 : 1	0.10 : 1	0.07 : 1	3.66 : 1	1.86 : 1	3.46 : 1	1.63 : 1	0.51 : 1	0.03 : 1
Margin Untung Bersih (%)	0	(422)	(218)	10	8	(3)	0	(244)	(17)
Pulangan Atas Ekuiti (%)	35	(1179)	(879)	134	209	(8)	900	(72)	(69)
Pulangan Atas Aset (%)	1	(31)	(21)	1	2	(1)	82	(5)	(2)
Nisbah Hutang (%)	95	121	141	98	96	83	8	98	101

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Pelaksana

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa syarikat POSB bagi tahun kewangan 2011 sehingga 2013 adalah pada tahap kurang memuaskan iaitu kurang daripada 1. Ini menunjukkan syarikat POSB sangat bergantung kepada pinjaman luar untuk menguruskan operasinya.

Bagaimanapun, kadar nisbah semasa syarikat AFISB pada tahun 2011 sehingga 2013 dan syarikat HCSB pada tahun 2011 adalah baik kerana Nisbah Semasa syarikat lebih daripada 1.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperolehi. Margin untung bersih syarikat pelaksana adalah tidak memuaskan. Syarikat POSB dan HCSB telah mengalami kerugian menyebabkan margin untung bersih adalah negatif. Selain itu, syarikat AFISB telah mencatatkan penurunan margin untung bersih daripada 10% pada tahun 2011 kepada 8% pada tahun 2012 dan memperoleh margin untung bersih yang negatif sebanyak 3% pada tahun 2013.

c. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit modal yang diguna, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati syarikat POSB, AFISB dan HCSB telah mengalami kerugian pada tahun 2013 mengakibatkan peratus pulangan ke atas ekuiti adalah negatif.

d. Pulangan Atas Aset

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan syarikat untuk menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati syarikat POSB, AFISB dan HCSB telah mengalami kerugian pada tahun 2013 mengakibatkan peratus pulangan ke atas aset adalah negatif.

e. Nisbah Hutang

Analisis Nisbah Hutang dibuat bagi menilai kestabilan syarikat pelaksana dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawai industri, jika peratus Nisbah Hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap stabil. Nisbah Hutang syarikat POSB, AFISB dan HCSB adalah kurang memuaskan kerana Nisbah Hutang syarikat terus meningkat dan melebihi 50% bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013 disebabkan oleh peningkatan jumlah liabiliti berbanding jumlah aset. Semua 3 syarikat akan menghadapi masalah untuk membayar hutangnya kerana Nisbah Hutang yang tinggi.

Pada pendapat Audit, prestasi syarikat AFISB, POSB dan HCSB pada tahun 2013 adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai. Ini telah menjejaskan nisbah kewangan seperti pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset. Kerugian terkumpul syarikat POSB dan HCSB bagi tahun 2013 telah melebihi modal saham dan Nisbah Semasa kurang daripada 1 menyebabkan syarikat tidak mampu menjelaskan hutang jangka pendek.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan berbincang dengan syarikat pelaksana melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan. Pihak NCIA akan terus menggesa syarikat pelaksana untuk mengemukakan penyata kewangan beraudit. Sekiranya gagal, NCIA akan mendapatkan pandangan perundangan untuk tindakan lanjut.

Sejak penubuhan Jawatankuasa Pelaburan pada tahun 2012, pihak NCIA telah menetapkan kriteria kekukuhan kewangan sebagai salah satu kriteria utama dalam pemilihan syarikat. Selain itu, Pengurus Risiko telah dilantik sejak bulan Oktober 2012 untuk memberi input dalam pemilihan syarikat peneraju.

2.4.11 Pengesahan Kemampuan Syarikat Pelaksana Mengeluarkan Dana Sendiri Untuk Melaksanakan Program Tidak Dilakukan

2.4.11.1 Perjanjian di antara NCIA dan syarikat pelaksana menetapkan bahawa sejumlah RM328.80 juta atau 80.5% daripada RM408.40 juta akan dibiayai oleh syarikat pelaksana untuk menubuhkan, memulakan, melaksanakan dan menyenggara ternakan akuakultur. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati NCIA telah membiayai sejumlah RM79.60 juta atau 19.5% untuk pelaksanaan program akuakultur ini. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.17 : KOS DAN PEMBIAYAAN PROGRAM AKUAKULTUR

SYARIKAT PELAKSANA	PROGRAM	KOS PROGRAM (RM Juta)	PEMBIAYAAN NCIA (RM Juta)	PEMBIAYAAN SYARIKAT (RM Juta)
E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB)	Program Ikan Hiasan (PIH) • Ternakan Ikan Hiasan (Kelisa) Di Bukit Merah, Perak dan Sungai Tengah, Kedah.	189.50	5.00 (2.6%)	184.50 (97.4%)
Hannan Corporation Sdn. Berhad (HCSB)	Program Akuakultur Selinsing, Perak (PASP) • Ternakan Udang Putih Di Selinsing Dan Pulau Gula, Perak	150.00	36.00 (24%)	114.00 (76%)
Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)	Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) • Ternakan Ikan Air Masin, Pusat Transit Dan Kuarantin Serta Kilang Pemprosesan Makanan.	41.90	23.10 (55%)	18.80 (45%)

SYARIKAT PELAKSANA	PROGRAM	KOS PROGRAM (RM Juta)	PEMBIAYAAN NCIA (RM Juta)	PEMBIAYAAN SYARIKAT (RM Juta)
Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)	Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK) • Ternakan Udang Putih Dan Kemudahan Pemprosesan	25.00	14.00 (56%)	11.00 (44%)
Anaza Sdn. Berhad (ANAZA)	Program Ternakan Ikan Sangkar Marin (PTISM) • Ternakan Ikan Air Masin di Penarak, Langkawi.	2.00	1.50 (75%)	0.50 (25%)
JUMLAH		408.40	79.60 (19.5%)	328.80 (80.5%)

Sumber : Dokumen perjanjian

2.4.11.2 Semakan Audit terhadap penyata kewangan syarikat pelaksana mendapati prestasi kewangan syarikat kurang memuaskan kerana 2 syarikat pelaksana telah mengalami kerugian terkumpul melebihi modal saham untuk tahun 2013. Selain itu, kertas cadangan pembangunan program tidak dikemukakan kepada pihak Audit bagi mengesahkan kos keseluruhan projek sejumlah RM408.40 juta.

Pada pendapat Audit, kemampuan syarikat pelaksana untuk membiayai kos program adalah tidak jelas dan diragui.

Maklum Balas D daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan berbincang dengan syarikat pelaksana melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan. Secara amnya, program pertanian dan akuakultur mengambil masa antara 7 hingga 10 tahun untuk menstabilkan kedudukan kewangan dan mendapatkan pulangan modal maka analisis kewangan tahun permulaan perniagaan tidak menggambarkan situasi yang sebenar. Tambahan pula risiko seperti penyakit EMS, kekurangan benih dan ribut boleh menyusutkan lagi kewangan syarikat.

2.4.12 Pemantauan

2.4.12.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan segera dapat diambil. Pemantauan yang sistematik menjamin aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna serta mencapai objektif yang ditetapkan. NCIA menetapkan Laporan Kemajuan Program hendaklah dibentangkan kepada Ketua Eksekutif setiap bulan di dalam *War Room*.

2.4.12.2 Semakan Audit terhadap Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) mendapati NCIA telah mengemas kini maklumat di dalam sistem tersebut untuk tujuan pemantauan oleh Unit Kerjasama Awam dan Swasta dan Unit Perancang Ekonomi. Selain itu, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM juga telah memantau kemajuan

program pada bulan Oktober 2014 dan melaporkan semua program akuakultur dilaksanakan dengan baik.

2.4.12.3 Semakan Audit mendapati Bahagian Pertanian dan Bioteknologi NCIA telah menyediakan Laporan Kemajuan Bulanan yang melaporkan kemajuan program dan prestasi kewangan. Mulai bulan Julai 2014, bahagian ini telah menambah baik kaedah pemantauan dengan membuat laporan berkaitan program dan tindakan penyelesaian secara mingguan. Pihak Audit juga mendapati laporan ini akan dibentangkan kepada Ketua Eksekutif melalui *War Room* setiap bulan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan keputusan dan tindakan yang diambil.

2.4.12.4 Semakan lanjut terhadap laporan kemajuan mingguan sehingga 31 Oktober 2014 mendapati perbezaan hasil tuaian di antara rekod NCIA dengan syarikat pelaksana. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.18 : HASIL TUAIAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2014

SYARIKAT PELAKSANA	REKOD HASIL TUAIAN NCIA (METRIK TAN)	REKOD HASIL TUAIAN SYARIKAT PELAKSANA (METRIK TAN)	PERBEZAAN (METRIK TAN)	CATATAN
POSB	43.36	103.30	(59.94)	
AFISB	200.65	226.92	(26.27)	
HCSB	712.00	521.54	190.46	
ANAZA	0.73	Tiada Maklumat	-	
EATSB	-	-	-	Tiada hasil tuaian. NCIA hanya melaporkan mengenai bilangan induk dan bayaran balik.

Sumber: Laporan Kemajuan NCIA dan Laporan Hasil Tualan Syarikat Pelaksana

2.4.12.5 Semakan Audit terhadap Laporan Lawatan Pengesahan Kemajuan Program Pembangunan Akuakultur mendapati NCIA menjalankan pemantauan fizikal terhadap setiap program sebelum bayaran kemajuan dibuat. Bagaimanapun, lawatan fizikal oleh Bahagian Pertanian Dan Bioteknologi secara berkala selepas keseluruhan pembayaran pembiayaan dibuat tidak didokumenkan. Selain itu, NCIA juga tidak mewujudkan prosedur pemantauan. Pemantauan fizikal yang kurang memuaskan menyebabkan terma kontrak tidak dipatuhi sepenuhnya seperti hak milik aset dipegang oleh syarikat pelaksana, aset diinsuranskan atas nama syarikat pelaksana dan program ladang kontrak tidak dilaksanakan. Kelemahan pemantauan ini juga menyebabkan NCIA tidak dapat melaporkan kedudukan sebenar penggunaan, penyenggaraan kemudahan dan peralatan yang dibiayai kepada syarikat pelaksana. Prestasi kewangan syarikat pelaksana juga tidak dipantau untuk memastikan syarikat pelaksana mengemukakan penyata kewangan tahunan.

2.4.12.6 Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Jawatankuasa Pengurusan mendapati program akuakultur hanya dibincangkan pada peringkat awal pelaksanaan pada tahun 2011 sehingga 2012. Bagaimanapun, pembentangan mengenai status terkini, masalah dan impak program daripada tahun 2013 sehingga 2014 hanya dimaklumkan kepada Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh NCIA adalah kurang berkesan. Ini adalah berdasarkan kepada masalah pelaksanaan program dari aspek ketidakpatuhan syarat perjanjian oleh syarikat pelaksana, hasil tuaian dan hasil jualan kurang memuaskan serta bayaran balik pembiayaan tidak dibuat kepada NCIA.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan semua mesyuarat dan lawatan akan direkodkan. NCIA telah menubuhkan Bahagian Pemantauan dan Koordinasi Program pada bulan Februari 2015 untuk melakukan pemantauan secara berkala.

2.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan NCIA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1 NCIA perlu mengoptimumkan penggunaan kolam dan sangkar yang sedia ada sehingga mencapai objektif yang ditetapkan serta mendapat pulangan sewajarnya sebelum program tersebut diperluaskan dan diperkembangkan.

2.5.2 NCIA perlu menetapkan Penunjuk Prestasi Program (KPI) bagi setiap program selaras dengan objektif program dan penubuhannya.

2.5.3 NCIA hendaklah memastikan justifikasi pemilihan syarikat pelaksana dibuat secara telus dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan supaya syarikat pelaksana berkemampuan melaksanakan program dengan baik dan mampu membuat pembayaran balik pembiayaan serta memberikan sumbangan kepada NCIA secara konsisten. Proses pemilihan syarikat perlu melibatkan individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang berkenaan.

2.5.4 NCIA hendaklah menetapkan asas kadar bayaran balik pembiayaan dan sumbangan atas jualan kasar yang akan memudahkan proses pemantauan dan kutipan.

2.5.5 NCIA hendaklah tegas dalam menguatkuasakan terma perjanjian dan mengambil tindakan terhadap syarikat pelaksana yang melanggar syarat perjanjian.

2.5.6 NCIA hendaklah membuat susulan terhadap status permohonan tanah dan memastikan hak milik tanah diperoleh terlebih dahulu sebelum meluluskan sesuatu program.

2.5.7 NCIA perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan rekod jualan diselenggara oleh syarikat pelaksana bagi tujuan pengiraan kadar sumbangan atas jualan kasar dan memastikan tindakan kutipan sumbangan dapat dilaksanakan.

2.5.8 NCIA perlu memantau secara berkala bagi memastikan pengeluaran hasil tuaian mencapai sasaran dan semua keperluan perjanjian dipatuhi selain mengenal pasti kelemahan serta punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan penyelesaian dapat diambil. Pemantauan berkala juga perlu dilaksanakan terhadap semua kemudahan dan peralatan yang dibiayai oleh NCIA bagi memastikan ia digunakan serta diselenggara dengan cekap dan teratur untuk mengelakkan pembaziran.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.



**MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PENGGAL KETIGA PARLIMEN KETIGA BELAS
BIL. 50 TAHUN 2015**

**“PENGURUSAN PROGRAM AKUAKULTUR”
OLEH PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

STRUKTUR PENYALURAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

MERANCANG, MELAKSANA,
MEMANTAU DAN MENYELARAS SEMUA
PROJEK JPM

JPM

PERUNTUKAN RMK

EPU

UKAS

MENYELIA & MEMANTAU
PROJEK KORIDOR

NCIA

ECERDC

IRDA

RECODA

SEDIA

PERANAN JPM

- ▶ **Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras semua projek-projek pembangunan RMK yang dilaksanakan oleh JPM dan juga Jabatan/agensi di bawahnya termasuk NCIA.**

PERANAN UKAS

- ▶ **UKAS selaku agensi di bawah JPM yang menyelia agensi-agensi Pihak Berkuasa Koridor (PBK) juga memantau pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh NCIA dan PBK yang lain termasuk penyaluran peruntukan pembangunan sesuai dengan akta penubuhan PBK berkenaan.**

PENEMUAN AUDIT NEGARA : STATUS TERKINI LAPORAN PENGAUDITAN TENTANG PENGURUSAN PROJEK AKUAKULTUR OLEH NCIA


Tiada tindakan
➔

Dalam tindakan
➔

Selesai
➔




34 ISU



34 ISU



34 ISU



34 ISU



PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

Carta Pelaporan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



Keanggotaan Pihak Berkuasa



Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

FUNGSI

Pembolehcara serantau

OBJEKTIF UTAMA


Untuk mencapai pertumbuhan dengan kesaksamaan sosial

PENDEKATAN

- Memangkin penyertaan sektor swasta
- Meningkatkan nilai daripada industri yang sedia ada
- Mewujudkan sokongan ekosistem yang kondusif
- Memastikan kewujudan impak limpahan sosioekonomi



Carta Organisasi



Projek *Legacy*

Latar belakang
sehingga 1 Jan
2010

Perkara-perkara
yang ditangani
secara
beransur-ansur

- Tiada polisi dan prosedur setakat 1 Jan 2010.
 - Pengurusan Kewangan dibuat melalui perisian *Microsoft Excel*.
 - Tiada peruntukan khusus untuk perbelanjaan mengurus.
 - Pelantikan perunding tanpa mengikut proses tatacara perolehan.
-
- Isu-isu dalaman telah dikenal pasti dan pelaksanaan tenaga kerja telah dilaksanakan.
 - Penubuhan Jawatankuasa Audit Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).
 - Penubuhan Unit Audit Dalaman.
 - Penubuhan Unit Pengurusan Risiko.
 - Isu-isu pembiayaan yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Pengurusan (JP) dan Kementerian Kewangan (MoF).
 - Mewujudkan polisi dan prosedur pengurusan.
 - Projek di Sayong Riverfront dan Pondok Tanjung telah diselesaikan melalui Jawatankuasa Audit dan JP.

Perubahan Terhadap Struktur & Proses

Penstrukturan Semula Bahagian

Bahagian Pertanian telah di struktur semula untuk memulihkan projek-projek yang tidak menunjukkan prestasi seperti yang dijangkakan. Cara baharu untuk pembangunan seperti bioteknologi dan pertanian moden telah digabungkan.

Pengenalan Model Kerjasama Baharu

Status Terkini

Untuk memastikan ketulusan dan mengurangkan risiko sekaligus mengawal dan memantau pematuhan undang-undang yang lebih efektif.

Penstrukturan Semula Program

Dalam Tindakan

Proses pemulihan telah dijalankan untuk membuat penilaian dan penyusunan semula untuk projek-projek yang “bermasalah”.

Penguatkuasaan Perjanjian

Cadangan Juru Audit

NCIA harus mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syarikat peneraju sekiranya syarikat peneraju gagal memenuhi terma dan syarat di dalam perjanjian

Aktiviti Pra-Penyusunan Semula

Penumpuan diutamakan untuk melengkapkan infrastruktur fizikal. Kakitangan pada masa tersebut, tidak bersedia untuk mengesan sebarang isu ketidakpatuhan perjanjian.

Status Terkini

Tindakan undang-undang telah diambil ke atas beberapa syarikat. Bahagian dan Jawatankuasa Bersama telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pematuhan perundangan.

Dalam Tindakan

Pelaksanaan NEM 2.0 – menumpu kepada pengukuhan terhadap perjanjian-perjanjian di masa hadapan, pemantauan serta pematuhan perundangan oleh pihak yang terlibat.

Pemantauan Berkala

Cadangan Juru Audit

NCIA harus menjalankan pemantauan berkala untuk memastikan pencapaian objektif dan mengenal pasti masalah di peringkat awal. Pemantauan ini memastikan pembiayaan dana serta penyelenggaraan digunakan secara optimum.

Aktiviti Pra-Penyusunan Semula

Pemantauan lebih bertumpu kepada pembangunan fizikal dan menerima laporan kemajuan aktiviti.

Status Terkini

Lawatan pemantauan telah dijalankan dengan memastikan pencapaian objektif projek dan laporan kemajuan bagi semua pihak diketengahkan seperti dalam perjanjian.

Dalam Tindakan

Pengkajian semula sasaran dan impak keseluruhan untuk penilaian kemajuan projek bagi mewujudkan halatuju bagi memenuhi keseluruhan objektif.



Syarikat-Syarikat Peneraju Yang Diaudit Oleh Jabatan Audit Negara



1. Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB).
2. Anaza Sdn. Bhd. (Anaza).
3. Hannan Corporation Sdn. Bhd. (HCSB).
4. Ace Front Industries Sdn. Bhd. (AFISB).
5. E-Arowana Trading Sdn. Bhd. (EATSB).

Projek Akuakultur Yang Diaudit Oleh Jabatan Audit Negara

Syarikat peneraju di
bawah program
akuakultur

1. Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB).
2. Anaza Sdn. Bhd. (Anaza).
3. Hannan Corporation Sdn. Bhd. (HCSB).
4. Ace Front Industries Sdn. Bhd. (AFISB).
5. E-Arowana Trading Sdn. Bhd. (EATSB).

Status terkini di AG Dashboard



Syarikat peneraju di bawah program akuakultur


1. Progressive Ocean Sdn. Bhd. (POSB).
2. Anaza Sdn. Bhd. (Anaza).
3. Hannan Corporation Sdn. Bhd. (HCSB).
4. Ace Front Industries Sdn. Bhd. (AFISB).
5. E-Arowana Trading Sdn. Bhd. (EATSB).

Status terkini di AG Dashboard

Perkara	Kategori Audit		
	Merah	Kuning	Hijau
Perundangan	0	2	6
Tanah	0	6	0
Polisi	0	0	4
Operasi	0	13	1
Kewangan	0	2	0
Jumlah	0	23	11

Langkah-langkah Pembetulan

Untuk perhatian dan tindakan segera



- Penstrukturan semula bahagian.
- Memperkasakan serta memperkukuhkan kakitangan.
- Meningkatkan pengurusan logistik untuk kawalan yang lebih baik dan cekap.
- Memperkenalkan cara tadbir urus, pengurusan dan pentadbiran bahagian yang baharu.
- Memperkenalkan langkah-langkah '*turn-around*' untuk program-program yang dipilih.
- Memperkasakan polisi dan prosedur NCIA.



**PERBINCANGAN MAKLUM BALAS TERHADAP PERTANYAAN AUDIT
NEGARA BERKENAAN PENGURUSAN NCIA**

18 NOVEMBER 2015

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2



**Perenggan
2.4.1.2.a.iv**

**Prestasi Program
Akuakultur
Syarikat
Progressive Ocean
Sdn. Bhd.**

Penemuan Audit

Syarikat POSB tidak mematuhi sepenuhnya skop pembiayaan bagi Fasa 3 pada tahun 2012 iaitu syarikat tidak melaksanakan perolehan tanah dan Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan di Sungai Menghulu, Langkawi.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Pejabat Tanah Daerah Langkawi (PTD) telah menerima dokumen-dokumen dari NCIA pada 14 Julai 2015

12 November 2015: PTD Langkawi menyediakan Kertas Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah untuk dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan. Keputusan dijangka akan diperolehi pada bulan April 2016.

Prestasi Program
Akuakultur
Syarikat Ace Front
Industries Sdn.
Bhd.

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Pihak Audit mendapati hanya 4 daripada 28 kolam yang dibina digunakan untuk menternak udang. Baki 6 kolam dalam proses penyediaan kolam untuk kemasukan benih udang, 15 kolam lagi tidak digunakan atas faktor kitaran rehat (*break cycle*) untuk rawatan penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS) dan 3 kolam lagi mengandungi mineral besi yang tinggi dalam tanah menyebabkan kolam tidak sesuai untuk penternakan udang putih.

Maklum Balas

MB Awal: Calon usahawan melalui program pemulihan ini telah menghadiri kursus kaedah penternakan yang dapat meminimalkan EMS. Syarikat peneraju telah bersetuju untuk mengguna pakai kaedah penternakan ini.

12 November 2015: Berdasarkan kepada perbincangan dengan AFISB, operasi kolam seterusnya dibuat secara berperingkat dan mengikut jadual, keseluruhan kolam akan beroperasi menjelang pertengahan 2016.

**Prestasi Program
Akuakultur
Syarikat Ace Front
Industries Sdn.
Bhd.**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan Audit pada 14 Oktober 2015 ke kilang pemprosesan mendapati semua kemudahan infrastruktur dan peralatan adalah lengkap dan berkeadaan baik tetapi tidak beroperasi. Pihak Audit dimaklumkan operasi kilang dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam. Kilang pemprosesan makanan dan kolam penternakan udang putih adalah seperti gambar 2.7 dan 2.8.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: AFISB telah berusaha untuk memulakan semula operasi kilang dengan melakukan pengilangan bagi pihak ketiga. Walau bagaimanapun, proses pemulihan ini tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab tertentu.

12 November 2015: Hasil pengeluaran udang dari program pemulihan ini akan terus dijadikan bahan mentah untuk kilang pemprosesan seperti matlamat asal program.

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

4

**Perenggan
2.4.1.2.c.ii**

**Prestasi Program
Akuakultur
Syarikat E-
Arowana Trading
Sdn. Bhd.**

www.koridorutara.com.my

Penemuan Audit

Syarikat EATSB telah membeli sebanyak 70 ekor induk Malaysian dan Indonesian Golden Arowana bernilai RM600,000 pada tahun 2011 bagi kolam ternakan di Bukit Merah manakala 140 ekor induk Indonesian Golden Arowana bernilai RM1.12 juta pada tahun 2013 bagi kolam ternakan di Sungai Tengas. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati syarikat EATSB menternak induk ikan kelisa dengan purata 20 ekor setiap kolam untuk pembiakan. Bagaimanapun, tiada pembiakan ikan kelisa di Bukit Merah dan Sungai Tengas setakat bulan Oktober 2014 walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun. Keadaan kolam di lokasi penternakan ikan kelisa EATSB adalah seperti gambar 2.9 dan 2.10.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Pada 19 Ogos 2015 satu lawatan tapak telah dilakukan dan didapati ikan kelisa telah membiak dan menghasilkan 14 ekor anak ikan kelisa. Memandangkan musim pembiakan bermula dari Ogos hingga Oktober pada setiap tahun, pemantauan berterusan akan dilakukan oleh NCI A.

12 November 2015: NCI A akan melantik secara rasmi pakar akuakultur dari Jabatan Perikanan bagi memantau kemajuan program ini.

**Prestasi Program
Akuakultur
Syarikat Anaza
Sdn. Bhd.**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Syarikat ANAZA gagal mematuhi syarat yang ditetapkan oleh NCIA supaya mengemukakan Lesen Dudukan Sementara (TOL), Permit Sistem Kultur Laut, pertukaran hak pemilikan sangkar dan menyumbangkan 2.5% atas hasil jualan kasar kepada NCIA dan tiada penamatan perjanjian dilaksanakan oleh NCIA. Hasil tuaian pertama syarikat ANAZA sebanyak 0.73 tan metrik tetapi tidak dapat disahkan kerana tiada rekod jualan dikemukakan.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Notis penamatan kontrak telah dikeluarkan oleh NCIA pada 16 Mac 2015.

12 November 2015: Tindakan mahkamah telah dijalankan dan kini di peringkat tandatangan "*deed of settlement*" bagi penyerahan sangkar kepada NCIA. Surat penyerahan sangkar telah diberikan pada 1 Jun 2015, dan lawatan susulan pada 26 Ogos 2015 mendapati 178 sangkar masih di dalam keadaan yang baik tetapi memerlukan sedikit pembaikan. Syarikat peneraju yang baharu telah dikenal pasti bagi meneruskan aktiviti ke arah mencapai matlamat asal program.

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan Audit pada 21 Oktober 2014 mendapati PTISM masih beroperasi tetapi telah diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian rasmi bersama NCIA. Syarikat tersebut telah menternak udang karang, ikan kerapu dan ikan air masin di Penarak, Langkawi. Keadaan sangkar ternakan udang karang adalah seperti gambar 2.11 dan 2.12.

Maklum Balas

MB Awal: Perbincangan telah diadakan dengan bakal syarikat peneraju yang baharu pada 23 Oktober 2015 dan disusuli dengan lawatan tapak pada 26 Oktober 2015 bagi mengumpul maklumat bagi proses pelantikan.

12 November 2015: Maklumat daripada lawatan tersebut diguna bagi menyiapkan kertas kerja untuk pemilihan syarikat peneraju baharu. Proses pemilihan ini masih berlangsung dan keputusan pemilihan syarikat peneraju baharu akan diketahui pada 7 Disember 2015.

**Prestasi Program
Akuakultur
Syarikat Hannan
Corporation Sdn.
Bhd. (HCSB)**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 di syarikat HCSB mendapati hanya 35 atau 25% daripada 140 kolam di Selinsing dan 7 atau 4.2% daripada 168 kolam di Pulau Gula yang ditenak dengan udang putih. Keadaan kolam udang putih di Selinsing dan Pulau Gula adalah seperti gambar 2.13 dan 2.14.

Maklum Balas (MB)

MB Awal:

1. Selinsing – Perancangan pemulihan kolam yang dijangkiti penyakit *Early Mortality Syndrome* telah dikemukakan untuk dimuktamadkan pada 30 November 2015.
2. Pulau Gula – Pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan membuat penilaian ke atas tanah dan nilai harga tanah dijangka diperolehi pada awal November 2015.

12 November 2015:

JPPH telah membuat penilaian dan TNB telah memaklumkan kepada HCSB. NCIA telah mendapatkan komitmen HCSB untuk membuat pembayaran nilai tanah sebelum 15 Disember 2015 bagi membolehkan TNB memulakan proses pengambilan balik tanah.

**Pematuhan Syarat
Perjanjian - Proses
Permohonan Hak
Milik Tidak
Dilaksanakan**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang dan Selama belum mengeluarkan hak milik tanah di Sungai Kerang kepada NCIA kerana NCIA masih belum mengemukakan pelan susun atur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. Oleh itu, NCIA tidak mematuhi kehendak syarat terdahulu perjanjian walaupun syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Pelantikan Juruukur dan Perunding Perancang Bandar adalah diperlukan bagi mendapatkan kelulusan mengeluarkan hak milik tanah.

12 November 2015: Pelantikan Juruukur dan Perunding Perancang Bandar akan dibuat sebelum 15 Disember 2015. Proses pengukuran dan perancangan bandar akan selesai dalam masa empat (4) bulan selepas pelantikan (April 2016). Segala laporan akan dikemukakan kepada Pejabat Tanah Larut Matang Selama untuk tindakan selanjutnya. Keputusan tentang hak milik tanah dijangka akan diperolehi dalam suku ketiga 2016.

**Pematuhan Syarat
Perjanjian - Model
Kerja Tidak Dapat
Dilaksanakan
Sepenuhnya**

Penemuan Audit

Syarikat HCSB masih belum melaksanakan model kerja ini kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat. Syarikat AFISB tidak menggunakan model kerja peladang kontrak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian sebaliknya telah melantik peserta kolam yang diberi gaji pokok dan bonus mengikut keuntungan pengeluaran kolam. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan persetujuan pertukaran model kerja kerana tidak diminitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama.

Maklum Balas

MB Awal: Program pemulihan yang dirancang memenuhi kehendak dan syarat program yang telah ditetapkan bagi kedua-dua program HCSB dan AFISB.

12 November 2015: Program pemulihan ini melahirkan usahawan-usahawan akuakultur yang akan mengusahakan kolam-kolam tersebut secara langsung dan program ini bakal dilaksanakan pada bulan Disember 2015.

**Pematuhan Syarat
Perjanjian - Model
Kerja Tidak Dapat
Dilaksanakan
Sepenuhnya**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Syarikat AFISB telah mengeluarkan surat lantikan kepada 6 peserta projek ternakan udang berkuat kuasa mulai 2 Mei 2012 dan dipersetujui melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama. Bagaimanapun, laporan gaji bulan Oktober 2014 menunjukkan hanya 4 peserta kolam yang masih mengusahakan ternakan udang. Model kerja yang dilaksanakan tidak menyumbang kepada produktiviti kilangnya kerana hasil tuaian udang tidak memuaskan. Selain itu, syarikat AFISB menanggung kerugian disebabkan pelaburan dan kos operasi yang tinggi serta masih belum berupaya untuk membuat pembayaran balik pembiayaan kepada NCIA.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Program tergendala berikutan masalah EMS. Peserta diserap menjadi pekerja bagi memastikan mereka terus mempunyai pendapatan.

12 November 2015: Program pemulihan yang akan dijalankan dapat mewujudkan program ini semula. Pelaksanaan dijangka bermula pada bulan Disember 2015.

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan fizikal oleh Bahagian Pertanian Dan Bioteknologi secara berkala selepas keseluruhan pembayaran pembiayaan dibuat tidak didokumenkan. NCIA juga tidak mewujudkan prosedur pemantauan.

Maklum Balas

12 November 2015:

1. Perbincangan POSB telah ditetapkan pada 17-19 November 2015.
2. Permohonan Anaza untuk memulangkan sangkar telah diterima oleh NCIA dan lawatan susulan telah dibuat oleh Bahagian Pertanian dan Bio-Industri. Bahagian Pertanian dan Bio-Industri juga telah menerima tawaran daripada dua (2) syarikat untuk menghidupkan semula projek ini. Kelulusan daripada pihak pengurusan NCIA dijangka akan diperolehi selewat-lewatnya Disember 2015.
3. Proses pemantauan telah dilaporkan kepada JAN pada 15 Julai 2015. Walau bagaimanapun, satu carta aliran akan dikemukakan pada akhir bulan November 2015 yang merangkumi segala proses yang dilaporkan sebelum ini.

**Kawalan
Biosekuriti Dan
Pensijilan
Akuakultur Yang
Tidak Memuaskan**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan Audit ke program akuakultur pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat POSB dan EATSB tidak menyediakan kawalan biosekuriti. Selain itu, hanya syarikat AFISB yang memperoleh sijil Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) yang telah dijenamakan semula sebagai *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sementara 4 syarikat yang lain tidak mempunyai sebarang pengiktirafan.

Maklum Balas (MB)

MB Awal:

Satu program MyGAP untuk negeri Perlis dan Kedah telah dijalankan pada 8 hingga 9 September 2015 yang lepas.

12 November 2015:

HCSB telah mengemukakan draf SOP ke arah pencapaian pensijilan biosekuriti sebagai langkah pertama ke arah pencapaian MyGAP. Sungguhpun EATSB tidak mempunyai dokumentasi bagi penyelenggaraan biosekuriti, ia telah pun mengamalkan aspek-aspek biosekuriti seperti pemasangan *hording* dan pemprosesan air keluar dan masuk. Usaha sedang dibuat dengan EATSB bagi menghasilkan SOP yang boleh diguna pakai untuk mendapatkan pensijilan biosekuriti sejajar dengan keperluan DOF.

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

13

Perenggan
2.4.8.2.b dan
2.4.8.2.c

**Kemudahan Dan
Peralatan Tidak
Digunakan Secara
Optimum -
Penggunaan
Kemudahan Dan
Peralatan**

Penemuan Audit

Kemudahan pemprosesan di syarikat AFISB dilengkapi peralatan dan berkeadaan baik tetapi tidak digunakan. Operasi kemudahan pemprosesan ini telah dihentikan sementara waktu mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan pengeluaran hasil daripada kolam. Bagaimanapun, peralatan tersebut telah disenggara dengan baik untuk mengelak daripada pengumpulan habuk dan dimasuki serangga yang boleh merosakkan peralatan. Antara peralatan tersebut adalah seperti gambar 2.20 dan 2.21. Penggunaan 4 jenis tangki seperti tangki penetasan, tangki makanan hidup, tangki induk dan tangki takungan yang dibina oleh syarikat POSB dengan menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.13 juta adalah di antara 4.4% hingga 45%. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.15 dan gambar 2.22, 2.23, 2.24 dan 2.25.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: AFISB telah berusaha untuk memulakan semula operasi kilang dengan melakukan pengilangan bagi pihak ketiga, namun proses pemulihan yang memberangsangkan menjadikan langkah ini tidak lagi perlu.

12 November 2015: Hasil pengeluaran udang dari program pemulihan ini akan terus dijadikan bahan mentah untuk kilang pemprosesan seperti matlamat asal program.

**Kemudahan Dan
Peralatan Tidak
Digunakan Secara
Optimum -
Penggunaan
Kemudahan Kolam
Dan Sangkar**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan Audit ke setiap lokasi program pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat HCSB hanya membina 168 daripada 360 kolam di Pulau Gula. Penggunaan kolam dan sangkar bagi 3 syarikat lain adalah di antara 4.2% hingga 41.7%. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan penggunaan sangkar milik syarikat ANAZA kerana telah diusahakan oleh syarikat lain. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.14. Penggunaan kolam dan sangkar yang tidak optimum telah menjejaskan pengeluaran dan hasil jualan. Ini menyebabkan syarikat tidak dapat membuat sumbangan dan pembayaran balik pembiayaan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Pulau Gula – Cadangan asal untuk pembinaan 360 kolam adalah berasaskan kawasan seluas 838.58 ekar. Walau bagaimanapun, pihak Pejabat Tanah dan Galian telah membuat pindaan terhadap kawasan di mana luas tanah tersebut adalah 648.55 ekar. Pembangunan kolam sebanyak 360 ini dihentikan untuk sementara waktu bagi membolehkan persempadanan dibuat semula. Di samping itu, NCIA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama pada 7 April 2015 telah membuat keputusan untuk tidak menambah bilangan kolam sehingga isu bekalan elektrik dan jalan alternatif diselesaikan oleh pihak HCSB.

12 November 2015:

Dalam satu mesyuarat pada 4 Ogos 2015, pihak TNB telah memaklumkan bahawa proses pengambilan tanah bagi pencawang boleh mengambil masa selama dua (2) sehingga tiga (3) tahun mulai tahun 2015.

**Penunjuk Prestasi
Utama Tidak
Selaras Dengan
Objektif Program**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

KPI yang ditetapkan oleh NCIA tidak boleh mengukur prestasi syarikat seperti pengeluaran hasil sangkar/kolam dan kilang, bilangan peladang kontrak dan usahawan akua. Selain itu, NCIA juga tidak menetapkan KPI untuk pelaksanaan program ini selaras dengan objektif program seperti jumlah peningkatan pendapatan penduduk, bilangan penduduk setempat yang akan mendapat pekerjaan dan bilangan usahawan yang dapat diwujudkan.

Maklum Balas (MB)

MB awal: NCIA telah menggunakan tahap pembangunan fizikal yang tercatat di dalam perjanjian sebagai KPI. Cadangan dari Jabatan Audit Negara untuk memasukkan pengeluaran dan impak sebagai KPI akan dilakukan.

5 Oktober 2015: Sasaran KPI yang terperinci telah dicadangkan mengikut program pemulihan NCIA. Sasaran tersebut akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama setiap program sebelum 15 Disember 2015.

**Penunjuk Prestasi
Utama Tidak
Selaras Dengan
Objektif Program**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3 yang dilaksanakan di bawah C&C Lab tidak mencapai KPI ditetapkan seperti bilangan sangkar yang dibina, hasil pengeluaran setahun, bilangan pekerja dan jumlah bot yang akan dibeli. KPI bagi Program Ikan Hiasan di Sungai Tengas yang juga dilaksanakan di bawah C&C Lab tidak mencapai KPI yang ditetapkan merangkumi bilangan kolam, hasil pengeluaran setahun dan bilangan penternak. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.8.

Maklum Balas (MB)

MB Awal Sg. Menghulu: Pencapaian KPI menghadapi kegagalan kerana tapak projek syarikat telah ditimpa bencana taufan yang merosakkan sangkar.

5 Oktober 2015 Sg. Menghulu: Proses tindakan mahkamah sedang berlangsung.

MB Awal Sg. Tengas: KPI asal adalah berasaskan perkembangan fizikal projek.

5 Oktober 2015 Sg. Tengas: KPI yang akan memberi gambaran impak akan ditetapkan berasaskan kepada nasihat dari pakar yang akan dilantik pada 1 Disember 2015.

**Penunjuk Prestasi
Utama Tidak
Selaras Dengan
Objektif Program**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

KPI syarikat AFISB untuk pengeluaran udang sebanyak 10 tan metrik sebulan atau 380 tan metrik bagi tempoh bulan September 2011 sehingga Oktober 2014 adalah tidak tercapai. Jumlah pengeluaran sebenar bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 226.92 tan metrik atau 59.7%.

Maklum Balas (MB)

MB awal: Kegagalan untuk mencapai KPI adalah disebabkan oleh serangan penyakit. Di peringkat awal, KPI yang ditetapkan adalah berasaskan pencapaian pembangunan fizikal.

5 Oktober 2015: Sasaran KPI yang baharu ditetapkan berasaskan kepada pelan pemulihan yang telah dibincang dan dipersetujui pada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama pada 18 September 2015. Percubaan pelan pemulihan telah bermula pada bulan September 2015 dan ia akan menjadi penetapan KPI yang baharu.

**Perancangan
Program Yang
Lemah - Kadar
Sumbangan
Berdasarkan
Jualan Kasar**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

NCIA hanya menerima sumbangan sejumlah RM66,629 daripada syarikat POSB dan syarikat AFISB sehingga tahun 2014 manakala tiada bayaran sumbangan diterima daripada syarikat ANAZA dan syarikat EATSB. Bagi syarikat ANAZA, tiada tindakan kutipan dibuat oleh NCIA. Syarikat EATSB pula masih belum mempunyai sebarang hasil jualan daripada ikan yang ditenak sejak tahun 2011 walaupun pada amnya ikan kelisa boleh membiak secara semulajadi sekali dalam setahun. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.10.

Maklum Balas (MB)

MB awal: Notis tuntutan pembayaran telah dihantar kepada syarikat-syarikat berkenaan pada bulan Julai 2015.

12 November 2015: Notis-notis tuntutan pembayaran terus dihantar dan disusuli dengan tindakan perundangan. Disamping itu, usaha-usaha pemulihan yang sedang diambil dijangka dapat memulihkan perusahaan yang dijalankan. Ini secara tidak langsung memberi keupayaan kepada syarikat untuk membuat sumbangan kembali kepada NCIA.

**Pematuhan Syarat
Perjanjian - Syarat
Terdahulu
Perjanjian
(*Condition
Precedent*) Tidak
Dipatuhi**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Sebanyak 5 daripada 8 dokumen perjanjian mempunyai syarat terdahulu yang perlu dipatuhi. Perjanjian tersebut melibatkan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) Fasa 1 dan 3, Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK), E-AROWANA dan Program Akuakultur Selingsing Perak (PASP). Semua syarat terdahulu yang ditetapkan dalam perjanjian telah dipatuhi oleh syarikat pelaksana kecuali syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB) untuk program PASM dan syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) untuk program PASK. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.11.

Maklum Balas (MB)

MB Awal POSB: Permohonan tanah telah dibuat pada tahun 2011 dan disusuli pada tahun 2015 untuk memenuhi syarat perjanjian terdahulu yang berkaitan dengan tanah.

12 November 2015:

1. POSB – Tindakan susulan terhadap permohonan tanah telah diambil. NCIA telah menghantar dokumen sokongan kepada Pejabat Tanah Daerah Langkawi (PTDL) pada 14 Julai 2015. PTDL sedang menyediakan Kertas Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya dibentang kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan. NCIA menjangka mendapat kelulusan pada bulan April 2016.
2. AFISB – Tindakan susulan telah diambil dan kini Pejabat Daerah Larut Matang dan Selama sedang memproses dokumen-dokumen permohonan hak milik tanah tersebut. Keputusan tentang hak milik tanah dijangka diperolehi dalam suku ketiga 2016.

Pematuhan Syarat Perjanjian - Hak Pemilikan Dan Insurans Terhadap Kemudahan Serta Peralatan Tidak Menepati Terma Perjanjian Syarikat Progressive Ocean Sdn. Bhd.

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Syarikat POSB telah membina sebuah Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan bagi Fasa 1 bernilai RM900,000 tetapi hak pemilikan pusat tersebut bukan milik NCIA kerana geran tanah belum diperoleh. Selain itu, pusat ini tidak diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam klausa 5.10 perjanjian PASM Fasa 1.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Permohonan tanah telah dibuat pada tahun 2011 dan disusuli pada tahun 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu perjanjian yang berkaitan dengan tanah.

12 November 2015: Tindakan susulan terhadap permohonan tanah telah diambil. NCIA telah menghantar dokumen sokongan kepada Pejabat Tanah Daerah Langkawi (PTDL) pada 14 Julai 2015. PTDL sedang menyediakan Kertas Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya dibentang kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan. NCIA menjangka mendapat kelulusan pada bulan April 2016.

Pembelian insurans yang berkaitan boleh dilakukan selepas mendapat kelulusan hak milik tanah.

Pembinaan Bangunan Di Tanah TOL

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Lawatan Audit ke Selinsing pada 13 Oktober 2014 mendapati syarikat HCSB telah membina bangunan pentadbiran, makmal, surau dan kantin di atas tanah TOL. Syarikat HCSB telah memohon kelulusan daripada pejabat tanah untuk membina bangunan kekal di kawasan tersebut tetapi kelulusan mengenainya masih belum diperoleh. Sekiranya pembinaan dibuat tanpa kelulusan, NCIA akan mengalami kerugian kerana telah membuat pembayaran TOL sejumlah RM366,000 untuk tempoh 10 tahun dan projek akan gagal sekiranya lesen dibatalkan. Antara bangunan yang dibina oleh syarikat HCSB adalah seperti gambar 2.15 dan 2.16.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Permohonan berasingan bagi tapak bangunan telah disarankan oleh Pejabat Tanah dan Galian Kerian

5 Oktober 2015: NCIA telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Tanah dan Galian Kerian dan UPEN Perak untuk penukaran khas bagi permohonan syarat TOL pada 7 Oktober 2015. Pejabat Tanah dan Galian Kerian dan UPEN Perak tiada halangan untuk membenarkan bangunan-bangunan tersebut kekal di atas tanah TOL sementara menunggu permohonan penukaran diproses.

**Pengesahan
Kemampuan
Syarikat Pelaksana
Mengeluarkan
Dana Sendiri Untuk
Melaksanakan
Program Tidak
Dilakukan**

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Perjanjian di antara NCIA dan syarikat pelaksana menetapkan bahawa sejumlah RM328.80 juta atau 80.5% daripada RM408.40 juta akan dibiayai oleh syarikat pelaksana untuk menubuhkan, memulakan, melaksanakan dan menyenggara ternakan akuakultur. NCIA telah membiayai sejumlah RM79.60 juta atau 19.5% untuk pelaksanaan program akuakultur ini. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.17. Prestasi kewangan syarikat 2 syarikat pelaksana adalah kurang memuaskan kerana telah mengalami kerugian terkumpul melebihi modal saham untuk tahun 2013. Selain itu, kertas cadangan pembangunan program tidak dikemukakan kepada pihak Audit bagi mengesahkan kos keseluruhan projek sejumlah RM408.40 juta.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Keupayaan syarikat-syarikat dinilai melalui laporan kewangan beraudit yang dikemukakan kepada NCIA.

12 November 2015: Bagi syarikat AFISB dan HCSB, NCIA mempunyai salinan Penyata Kewangan Beraudit tahunan yang memberi gambaran bahawa syarikat peneraju memperolehi dana selain dari dana NCIA.

Bagi syarikat EATSB, NCIA akan terus menggunakan saluran sedia ada berasaskan perjanjian yang telah ditandatangani untuk memastikan syarikat ini mengemukakan salinan laporan tahunan sebelum mengambil tindakan susulan. Perkara ini akan dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama pada 30 November 2015 dan 10 Disember 2015.

Pembayaran Balik Pembiayaan Tidak Dikutip

Isu-Isu Pengurusan Program Akuakultur Yang Dibangkitkan Dalam LKAN Tahun 2014 Siri 2

Penemuan Audit

Sehingga 31 Disember 2014, bayaran balik yang perlu dikutip adalah sejumlah RM10.82 juta iaitu tunggakan bayaran balik tahun 2013 sejumlah RM5.12 juta dan tahun 2014 sejumlah RM5.70 juta. NCIA telah mengeluarkan Nota Debit untuk mengutip semula pembiayaan tersebut tetapi disusuli Nota Kredit pada penghujung tahun apabila tiada bayaran balik diterima. Selain itu, tiada tindakan susulan dibuat oleh NCIA untuk mendapatkan semula jumlah pembiayaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual 2.13.

ULASAN AUDIT TERHADAP MAKLUM BALAS NCIA: PADA PENDAPAT AUDIT, PERJANJIAN YANG DITANDATANGANI TELAH MENGIKAT SYARIKAT PELAKSANA UNTUK MEMBAYAR BALIK PEMBIAYAAN KEPADA NCIA MENGIKUT JUMLAH DAN TEMPOH YANG DITETAPKAN.

Maklum Balas (MB)

MB Awal: Jabatan Kewangan telah mengeluarkan notis peringatan ketiga pada 6 Oktober 2015.

12 November 2015: Memandangkan notis ketiga telah dikeluarkan, NCIA akan meneliti aspek-aspek berkaitan sebelum mengambil tindakan perundangan yang bersesuaian. Perkara ini akan dibincangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama yang dijadualkan pada 30 November dan 10 Disember 2015.



TERIMA KASIH

